

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1): <ul style="list-style-type: none">• Kuota Sepuluh Peratus Kepada Bukan Bumiputera Ke MRSM dan Pusat Matrikulasi – Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)	(Halaman 14)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3): <ul style="list-style-type: none">• Kuota Sepuluh Peratus Kepada Bukan Bumiputera Ke MRSM dan Pusat Matrikulasi – Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)	(Halaman 64)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 15)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2002	(Halaman 16)
Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya (Pindaan) 2002	(Halaman 63)
USUL: Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(3)	(Halaman 64)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: Ops Warta II – Y.B. Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)	(Halaman 79)
Nasib Pesawah Padi Tradisi – Y.B. Drs. Abu Bakar bin Othman (Jerlun)	(Halaman 82)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

- Yang Berhormat Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S.,
D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- ” Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- ” Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- ” Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- ” Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- ” Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- ” Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S.,
B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- " Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala
Selangor)
- " Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S.,
A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- " Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- " Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- " Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K.
(Kota Belud)
- " Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- " Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- " Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik
Pulau)
- " Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- " Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- " Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- " Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- " Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- " Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- " Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- " Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- " Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- " Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N.,
P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- " Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A
(Sepang)
- " Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)

- Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)
- MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 19 Jun 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan jumlah peningkatan pelancong dari negara Timur Tengah yang datang melancong ke Malaysia semenjak kejadian 11 September 2001 dan kebanyakannya dari negara mana dan juga apakah usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian dalam mempromosikan Malaysia kepada mereka.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah ketibaan pelancong Asia Barat ke Malaysia pada tahun 2001 adalah seramai 114,776 orang iaitu meningkat sebanyak 115% berbanding seramai 53,370 orang pada tahun 2000. Bagi 8 bulan pertama tahun 2001 ketibaan dari pasaran ini menunjukkan pertumbuhan sebanyak 131% kepada 94,981 orang berbanding hanya 40,986 orang bagi Januari hingga Ogos 2000. Manakala bagi tempoh September hingga Disember 2001 sahaja iaitu selepas kejadian 11 September, jumlah ketibaan pelancong dari pasaran ini terus menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu meningkat sebanyak 59% kepada 19,795 orang berbanding seramai 12,384 orang bagi tempoh September hingga Disember 2000.

Negara-negara penyumbang utama dari pasaran Timur Tengah adalah Arab Saudi, Syria, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Oman, Turki dan Jordan. Selepas kejadian 11 September 2001, pengunjung dari pasaran Timur Tengah kurang gemar berkunjung ke Eropah dan Amerika Syarikat dan sebaliknya memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan mereka. Menyedari akan hakikat bahawa keadaan semasa lebih mendorong pelancong dari Timur Tengah khususnya untuk melawat Malaysia kementerian telah meningkatkan tahap promosi di pasaran ini seperti berikut :

- Iklan secara menyeluruh sebanyak 720 *spot* melalui media elektronik termasuk *cable* televisyen 10 stesen.
- Media cetak – majalah 10 penerbitan
- Akhbar – 7 penerbitan
- Radio
- Billboard

Radio adalah LBC, MBC, Future, Abu Darby, Orbit, ESN, ANN, MBC FM Radio dan ARM FM.

Majalah adalah seperti *Zahrab Al-Khalij*, *Qur Al-Usrah* dan *Golf Business* dan lain-lain.

Billboard di Mekah, Jeddah, Riyadh dan Dubai.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian pula menganjurkan lawatan pengenalan atau lebih dikenali sebagai '*mega-fame*' *trip* kepada wakil agensi pelancongan dan wakil media dari pasaran Timur Tengah untuk melawat produk-produk pelancongan dan acara-acara yang tersenarai dalam kalendar aktiviti di negara ini sepanjang tahun.

Faedah lawatan ini ialah wakil-wakil dari agensi pelancongan tersebut akan mempakejkan dan promosi negara ini untuk pasaran tempatan mereka, pihak media pula akan memberi publisiti secara percuma berkenaan tempat menarik di negara ini di media-media tempatan mereka.

Dalam tempoh Januari hingga Disember 2001 dan juga bulan Mei tahun ini Kementerian telah menganggar lebih 250 wakil media dan agensi pelancongan dari Timur Tengah mengadakan lawatan suaikenal produk pelancongan ke negara ini.

Kementerian melalui *Tourism Malaysia* telah mengadakan beberapa siri pameran dan promosi makanan, kraftangan dan kebudayaan di Jeddah, Riyadh, Beirut, Dubai, Muscat, Damascus dan Bahrain dan juga wakil-wakil *Tourism Malaysia* yang ditempatkan di Jeddah, Dubai dan Istanbul juga telah mengadakan promosi berupa taklimat, seminar dan *sales-call*, dengan izin, kepada agensi-agensi pelancongan tempatan bagi memperkenalkan produk-produk pelancongan di negara ini kepada mereka. Kementerian yakin bahawa dengan usaha tambahan yang sedang dilaksanakan jumlah pengunjung ke Malaysia dari pasaran ini akan meningkat dengan lebih ketara di musim percutian, musim panas yang sedang dinikmati mulai Jun ke bulan September. Sekian.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang begitu agresif dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancong, apa yang ingin saya tahu sama ada memandangkan ramai pelancong-pelancong dari Timur Tengah datang ke Malaysia pada ketika ini, adakah kementerian mengkaji ataupun menyediakan kemudahan-kemudahan bagi mereka ini semasa di Malaysia seperti restoran-restoran ala Timur Tengah dan sebagainya. Yang keduanya selain daripada promosi pelancongan biasa ini, tidakkah kementerian mempunyai cadangan untuk mempromosikan *educational tourism*, dengan izin, bergabung dengan Kementerian Pendidikan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang, kementerian ada berbincang dengan pihak swasta untuk mengadakan lebih restoran *Arabic*, yang kedua pun kementerian sekarang ada menggalakkan lebih lagi pemandu pelancong untuk belajar *Arabic*. Sekarang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, menjalankan kursus pemandu pelancongan sementara untuk siswazah, skim siswazah lanjutan di kementerian. Yang kedua, pun juga kementerian adalah memberikan pegawai kita untuk menentukan di mana-mana yang ada ramai pelancong dari Timur Tengah, kita mesti ada papan tanda dalam bahasa mereka untuk mereka senang faham dan akhirnya pelancongan pendidikan dan pelancongan kesihatan adalah produk-produk pelancongan yang kita promosikan di Timur Tengah di semua pameran kita. Sekian.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memang sokong dengan usaha-usaha untuk menarik mana-mana pelancong tetapi pelancong dari negara Timur Tengah mereka ramainya adalah orang Muslim, saya tidak katakan bahawa orang Muslim mereka adalah *terrorists* tetapi juga ada dilaporkan bahawa ada ahli-ahli kumpulan Al-Qaeda telah masuk ke Malaysia sebagai seorang pelancong, jadi apakah mekanisme untuk menjaga keselamatan negara ini juga, adakah kita ada mekanisme untuk mengenalpastikan sesiapa orang *terrorist* yang masuk kita telah tahu dia adalah *terrorist* dan bagaimana kita akan *handle* situasi seperti ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Kita ada Kementerian Dalam Negeri, jadi untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kita ada keyakinan kepada kementerian ini untuk menjalankan tugas mereka.

2. **Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kerajaan sedar bahawa Malaysia adalah antara negara yang mempunyai deposit batu dimensi yang terbaik dan pelbagai variasi warna. Apakah langkah kerajaan memajukan khazanah tersebut di peringkat nasional dan antarabangsa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan di Dewan yang mulia ini kerajaan sememangnya cukup menyedari bahawa Malaysia mempunyai beberapa longgokan batu dimensi yang berpotensi untuk dimajukan. Secara umumnya, batu dimensi ini dapat dibahagikan kepada dua jenis utama iaitu batu kapur atau marmar dan juga granit yang mempunyai pelbagai variasi warna. Sebagai contoh marmar langkawi (*langkawi marble*) dengan izin, yang berwarna putih mempunyai kualiti yang amat baik dan pernah memasuki

pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun variasi batu dimensi di Malaysia hanyalah terhad kepada beberapa jenis sahaja.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia telah dan sedang secara aktif menjalankan kajian bagi mengenal pasti longgokkan batu dimensi di seluruh negara. Kajian ini telah dimulakan semenjak Rancangan Malaysia Keenam dan kini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Hasil daripada kajian-kajian yang lepas beberapa longgokkan batu dimensi telah dikenal pasti di beberapa negeri iaitu di Terengganu, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan, Kedah dan Perak. Laporan-laporan kajian ini telah diterbitkan untuk rujukan pihak-pihak yang berminat. Pada masa sekarang, terdapat kira-kira 35 pengusaha yang terlibat dalam industri batu dimensi di seluruh negara yang menghasilkan produk untuk pasaran tempatan dan juga untuk dieksport.

Kerajaan sememangnya menggalakkan penggunaan sumber batu dimensi tempatan sama ada untuk kegunaan dalam negeri dan juga eksport. Pada tahun 2000 untuk makluman Yang Berhormat, eksport batu dimensi adalah berjumlah RM51.2 juta. Pengusaha-pengusaha adalah digalakkan menyertai pameran-pameran bagi mempromosikan batu dimensi di peringkat antarabangsa. Di antaranya ialah Malaysian Building Exhibition (MALBEX) yang diadakan di Kuala Lumpur pada setiap tahun. Pameran ini telah berjaya menarik ramai peserta dari industri batu dimensi tempatan dan juga peserta daripada luar negara kita. Di samping itu pengusaha turut digalakkan menyertai pameran di luar negara.

Bagi menggalakkan lagi pembangunan sumber-sumber batu dimensi di antarabangsa, laporan-laporan Jabatan Mineral dan Geosains mengenai sumber-sumber ini juga turut dimasukkan ke dalam laman web jabatan untuk kegunaan dan rujukan semua pihak yang berminat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang saya rasa sepatutnya jadi menteri lah sebab menteri tidak pernah hadir ini. Saya ucapkan tahniah. Saya ada dua persoalan tambahan yang pertamanya ialah berhubung dengan pembaziran yang sedang berlaku secara besar-besaran saya ingat, kepada sumber khazanah negara kita terutamanya dalam kes batu dimensi dan seumpamanya. Saya tidak melihat sebarang mekanisme yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menghalang daripada pembaziran tersebut.

Sebagai contohnya dalam permohonan *quarry* umpamanya tidak dibezakan sama ada *quarry* itu hendak dibuat batu dimensi ataupun di buat batu jalan biasa, sedangkan harganya cukup berbeza, kalau harga batu jalan biasa mungkin sebuah lori dengan harga ratusan ringgit sahaja sedangkan harga batu dimensi mungkin meningkat puluhan ribu, walaupun tidak ratusan ribu ringgit.

Kemudian begitu juga yang berlaku kepada tanah liat yang mungkin tanah liat kita mempunyai simpanan yang terhad sekarang yang dibuat hanya batu-bata biasa sedangkan tanah liat kita setengahnya mempunyai tahap sehingga menjadi *china clay* ataupun *porcelain* dan seumpamanya, begitu juga kepada pasir yang kadang-kadang ia dibuat dan dihantar ke Singapura dan seumpamanya untuk ditambah.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya Yang Berhormat?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Sedangkan pasir kita...[Disampuk] saya hendak bagi mukadimah dahulu sedikit ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, fahamlah tu. Kita pun jawab, faham jugalah ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Pasir kita mungkin mencapai tahap *silica sand*, jadi apakah mekanisme yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa khazanah negara ini tidak dibazirkan begitu sahaja? Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat begitu prihatin dengan perkara-perkara terutama sekali komoditi-komoditi negara kita di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Sebab itulah, oleh kerana Yang Berhormat begitu prihatin, sebab itulah Menteri sentiasa bekerja kuat untuk mempromosikan komoditi-komoditi kita di luar negara. Jadi, saya terpaksa untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat, memang kita akui yang pembaziran itu berlaku, bahawa batu dimensi seperti Yang Berhormat katakan tadi, kadang-kalanya tidak digunakan secara

yang baik, secara optimum. Jadi, ini adalah suatu perkara yang kita hadapi dan inilah isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kita. Di antaranya, Yang Berhormat bukan sahaja penggunaan bahan mineral yang tidak optimum, tetapi juga kita kekurangan kepakaran untuk membangunkan industri mineral itu. Jadi, ada kadang-kalanya persaingan penggunaan tanah di antara kerajaan negeri dan juga pengusaha.

Jadi, dasar mineral negara dan juga Enakmen Mineral Negeri yang kita usahakan ini ialah supaya kita dapat cara macam mana untuk menjalankan dan membantu pengusaha-pengusaha supaya mereka dapat mengeluarkan sumber-sumber yang semula jadi ini dan menghasilkannya secara optimum. Jadi, daripada masa ke semasa, Kementerian Perusahaan Utama terutama sekali jabatan kita, sedang mencari pendekatan secara macam mana untuk kita meningkatkan dan menggunakan bahan-bahan ini secara optimum. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia orang tanya pasal bola Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan tambahan kepada Timbalan Menteri, tentang kerjasama daripada kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu dalam usaha memajukan ataupun mempromosikan deposit batu dimensi ini. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kerjasama kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu dalam usaha memajukan lagi industri ini. Adakah mereka bekerjasama ataupun cakup tidak serupa bikin. Minta jawapan sedikit. Terima kasih.

Seorang Ahli: Apa soalan?

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya lebih senang saya menjawab kalau Yang Berhormat bertanya tentang bola sepak. *[Ketawa]*. Ya, memang pada ketika ini dasar negara belum lagi dilaksanakan sepenuhnya. Hanya tiga negeri iaitu Sabah, Selangor dan Kelantan bersetuju menerapkan dasar ini dalam Enakmen Mineral Negeri. Sementara negeri-negeri lain termasuk Perak belum lagi menerima. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, kita berharap bahawa.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Anifah Aman: Ini yang betul Yang Berhormat. Mana yang betul kita bercakap betullah. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan bahawa oleh kerana negeri-negeri termasuk negeri Terengganu dan Kelantan mempunyai deposit batu granit dan marmar ini terutama sekali granit, jadi kita mengharapkan bahawa kerajaan negeri akan memberikan kerjasama bukan sahaja kepada kementerian dan negara kita tetapi juga kepada pengusaha-pengusaha supaya ia dapat direalisasikan untuk kita mengeluarkan hasil yang begitu banyak dan dapat kita usahakan secara komersial.

Jadi, pada ketika ini, kita yang sebenarnya, masalah itu adalah lebih daripada penggunaan tanah dan ini adalah di bawah kerajaan negeri dan sama ada Kelantankah, Terengganukah dan Perak, terpulanglah kepada kerajaan negeri untuk mengoptimumkan deposit-deposit yang ada pada negeri masing-masing. Sekian, terima kasih.

3. **Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan meminda akta yang berkaitan dalam menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh warganegara asing umpamanya denda yang dikenakan hendaklah dinilai dalam mata wang warganegara asing terbabit supaya hukuman yang lebih dirasai oleh mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk meminda mana-mana undang-undang supaya hukuman denda yang dikenakan di bawah undang-undang itu dinilai dalam mata wang negara pesalah. Hukuman yang dikenakan tidak bergantung kepada kewarganegaraan pesalah. Sebaliknya, hukuman yang ringan dikenakan bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Dalam keadaan apabila hukuman hendak dijadikan *deterrent*, maka mahkamah akan mengenakan hukuman pemenjaraan dan bukannya denda. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasihlah atas jawapan daripada pihak kerajaan tentang perkara yang saya bangkitkan di sini. Tetapi, saya ingin penjelasan daripada pihak Setiausaha Parlimen dalam rasional yang saya kemukakan ini. Saya bagi contoh. Jikalau dalam akta, setiap satu kesalahan yang dilakukan dengan izin, *irrespective* sama ada dia warganegara asing ataupun warganegara, hukuman denda RM10,000 ya. Tetapi, kalau katakan *it so happens*, dengan izin, orang yang melakukan kesalahan itu, dia sama ada orang Amerika ataupun orang England. Jadi, kalau RM10,000 *equivalent to US dollar* cuma 2,000 sahaja. Tetapi, kalau dengan paun, tidak sampai 500 paun. Jadi, kalau daripada segi rasional mengenakan hukuman itu berasaskan kepada *deterrent*, jadi daripada segi nilai mata wang itu, macam mana? Adakah pihak kerajaan mengambil ini sebagai satu pertimbangan yang baru dalam dimensi yang baru untuk menangani masalah ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasihlah Yang Berhormat. Saya kira kita sedia maklum dalam undang-undang negara kita, hakim diberi pilihan sama ada kalau hendak denda, dia ada hukuman minimum dan juga hukuman maksimum ataupun penjara ataupun kedua-duanya sekali. Jadi, saya telah nyatakan tadi, kalau mahkamah mendapati bahawa kesalahan yang dilakukan oleh warganegara asing ini harus diberikan sebagai satu hukuman yang berbentuk *deterrent*, maka selalunya mahkamah tidak akan mengenakan denda. Sebaliknya, mahkamah akan mengenakan penjara. Kita juga lihat bahawa di dalam negara kita, apabila sesuatu kesalahan itu dilakukan oleh warganegara asing, kita terpengaruh tidak terikat daripada mana pesalah itu berasal dan kadang-kadang kita lihat bahawa ramai juga warganegara asing yang dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan ada juga yang dikenakan hukuman gantung sampai mati. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah ataupun tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap warganegara asing yang sudah dikenal pasti sebagai warganegara asing tetapi mempunyai dokumen-dokumen kewarganegaraan yang di katakan sah. Misalnya di Sabah baru-baru ini, warganegara asing, pendatang asing mempunyai *MyKad*, *smart card*. Ia dikenal pasti sebagai warganegara asing tetapi ia mempunyai dokumen *MyKad*. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk menangani hal-hal seperti ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mas. Mengenai warganegara asing menggunakan kad palsu, IC palsu dan sebagainya, ini sebenarnya bukanlah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Ini di bawah Kementerian Dalam Negeri dan kita juga sedia maklum beberapa tindakan telah dibuat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa jika ada kes-kes sedemikian, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengadakan penyiasatan dan kita juga telah sedia maklum bahawa sehingga hari ini, ramai mereka yang terlibat dalam sindiket-sindiket pemalsuan kad pengenalan palsu, pemalsuan kad kredit dan sebagainya. Hari ini, ramai telah pun ditangkap dan juga ada di antara mereka yang telah dijatuhkan hukuman. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan kita amat prihatin mengenai masalah-masalah, kes-kes di mana Yang Berhormat nyatakan. Terima kasih.

4. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pendidikan menjelaskan berdasarkan kajian atau penyelidikan apa sehingga Kementerian Pendidikan merumuskan bahawa mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris akan meningkatkan taraf penguasaan bahasa Inggeris para pelajar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat 10 pertanyaan yang dikemukakan menyentuh

mengenai mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan pertanyaan tersebut ialah:-

- (i) Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam 19 Jun 2002;
- (ii) Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pada 19 Jun, 2002;
- (iii) Yang Berhormat bagi Batang Lupa pada 20 Jun, 2002;
- (iv) Yang Berhormat bagi Gaya pada 25 dan 26 Jun, 2002;
- (v) Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa pada 25 Jun, 2002;
- (vi) Yang Berhormat bagi Padang Serai pada 25 Jun, 2002;
- (vii) Yang Berhormat bagi Rompin pada 26 Jun, 2002;
- (viii) Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu pada 26 Jun, 2002; dan
- (ix) Yang Berhormat bagi Bagan pada 26 Jun, 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab kesemuanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Kementerian Pendidikan bercadang melaksanakan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris untuk meningkatkan penguasaan ilmu dalam bidang-bidang ini dan juga penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Langkah ini diambil kerana kerajaan menyedari bahawa penguasaan ilmu Sains dan Matematik serta Bahasa Inggeris bertambah penting dalam era globalisasi dan teknologi maklumat. Penguasaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains selain membantu dalam menguasai ilmu, ia juga senantiasa berkembang pantas masa kini juga dapat memajukan perhubungan, memudahkan perdagangan antarabangsa serta perindustrian negara.

Ia juga boleh membolehkan pelajar mengakses maklumat melalui bahan cetak dan elektronik. Saya tegaskan, melalui bahan cetak dan elektronik dengan mudah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berdaya saing, celik IT serta mendukung hasrat dan inspirasi negara. Diharap langkah ini akan dapat juga meningkatkan daya saing negara. Bahasa Inggeris yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains adalah merupakan, dengan izin, *instructional language* yang menekankan kepada arahan-arahan dan tatacara untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan.

Penggunaannya yang kerap di sekolah sudah pasti akan membantu pelajar terutamanya pelajar bumiputera memahirkan diri mereka dengan penggunaan bahasa Inggeris. Walaupun pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dilaksanakan dalam bahasa Inggeris, ini tidak bermakna kerajaan akan merubah sama sekali dasar pendidikan kebangsaan yang sedia ada, yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat pengajian.

Kerajaan juga tidak bercadang untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran lain. Pada peringkat awal, kerajaan menyedari langkah ini akan memberi kesan kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Sehubungan itu, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas di peringkat kementerian untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan membuat syor-syor pelaksanaan yang praktikal tanpa menjejaskan kualiti pendidikan.

Di antara langkah-langkah yang telah disyorkan ialah guru yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris akan ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik. Sekiranya masih terdapat kekurangan guru, kementerian akan melantik guru yang telah bersara wajib untuk berkhidmat sebagai guru kontrak. Kementerian juga merancang untuk mengadakan kursus pendedahan kepada guru secara intensif dan berterusan. Selain itu, kementerian mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menterjemah semua dokumen sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran serta modul pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris;

(ii) penyediaan senarai dwibahasa istilah Matematik dan Sains serta perkataan yang sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains. Senarai ini disediakan mengikut tahun persekolahan untuk memudahkan guru membuat rujukan semasa pengajaran dan pembelajaran;

- (iii) memberi latihan kepada guru dalam aspek kandungan kurikulum dan pedagogi dengan menggunakan Bahasa Inggeris;
- (iv) melatih pensyarah sains dan matematik di maktab perguruan di bawah program perkembangan kejurulatihan atau MTDP. Seramai 1,000 orang guru sains dan matematik akan dilatih sebagai jurulatih utama dengan menggunakan modul latihan yang dibina. Jurulatih utama bersama jurulatih MTDP akan memberi kursus pendedahan guru-guru di peringkat negeri dan zon;
- (v) jurulatih MTDP akan memberi kursus pendedahan untuk pensyarah di maktab masing-masing dalam bentuk kursus dalaman;
- (vi) semua kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu atau enam minggu yang kita panggil, dengan izin, *conversion* bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan disampaikan dalam bahasa Inggeris; dan
- (vii) bahan e-pembelajaran dalam Matematik dan Sains yang sekarang ini telah dihasilkan dalam Bahasa Melayu akan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris bagi membantu memudahkan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris itu.

Antara langkah jangka panjang yang akan diambil oleh kementerian ialah;

- (i) kursus KDPN dan KPLI bagi *option* Sains dan Matematik akan disampaikan dalam bahasa Inggeris;
- (ii) kurikulum Sains dan Matematik KDPN dan KPLI akan diadaptasi ke dalam bahasa Inggeris;
- (iii) kursus dalam perkhidmatan akan dilaksanakan secara berterusan bagi menampung keperluan guru Sains dan Matematik yang mampu mengajar dalam bahasa Inggeris; dan
- (iv) bahan-bahan e-pembelajaran dalam bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik akan terus dimantapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan di harapkan penguasaan bahasa Inggeris dapat dipertingkatkan di kalangan pelajar bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berdaya saing, celik IT dan dapat mendukung hasrat dan aspirasi negara. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, seperti biasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah memberi jawapan yang panjang lebar tetapi tidak menjawab kepada soalan saya berdasarkan kajian ataupun penyediaan apa. Kita semua faham bahawa objektif adalah baik dan beliau juga memberi langkah-langkah bagaimana dia akan dilaksanakan, tetapi dia tidak memberi dengan sokongan, kajian apa.

Walaupun apa yang dikatakan adalah baik dan kita semua faham bahawa perlunya para pelajar menguasai bahasa Inggeris tapi yang saya khuatir bahawa langkah ini tidak akan mencapai matlamatnya, malah dia akan menyusahkan. Kalau kepada pelajar tahun satu tidak faham Bahasa Inggeris langsung tetapi ingin belajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris, jadi dia akan, yang perlu dia tidak boleh faham. Jadi pelaksanaan seperti gurunya adalah sangat penting...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi ucapan itu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Okey, yang soalan tambahannya adakah kementerian akan menetapkan guru yang akan mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris juga akan faham bahasa ibunda pelajarannya. Dalam perkataan yang lain gurunya mesti dwi bahasa. Adakah ini menjadi satu ketetapan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat bila buat komen, saya rasa pada pandangan saya, saya telah menjawab apa soalan yang ditanyakan oleh pihak Yang Berhormat. Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat terima atau tidak.

Keduanya kekhuatiran Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat akan khuatir. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi satu analogi di sini. Kita menuntun filem dan dulu pernah ditayangkan di TV iaitu rancangan "*Mission Impossible*", yang mana namanya "*Mission Impossible*", sebenarnya *possible*, dengan segala peralatan, rancangan *gadget* yang dipakai, semuanya, akhir sekali dapat kita lakukan dan objektifnya tercapai.

Dalam hal ini, kita mesti faham, sekarang adalah dunia digital, segala-segalanya digital. Sekarang *instruction* di sekolah, kalau kita lihat dengan pengenalan sekolah bestari dengan pengenalan makmal komputer, saya rasa ini dapat dicapai. Apatah lagi Yang Berhormat ada daripada pihak Yang Berhormat, semalam pun membangkitkan mengenai dengan kedudukan negeri China pada masa yang datang di mana dia mempunyai tenaga kerja yang besar dan murah, katanya. Tetapi, kita di sini, kita harus bersedia juga di mana di negeri Jepun sendiri pun, sekarang mereka berlumba-lumba untuk belajar bahasa Inggeris dengan meluas. Walaupun orang kata Jepun tidak berubah. Memang Jepun sudah berubah, di Eropah juga sudah berubah, di Indonesia juga berubah, di Thailand juga berubah.

Kita harus terima dan pasti untuk mahu melahirkan generasi abad ke-21. Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat *tunekan* pemikiran Yang Berhormat ini kepada abad ke-21, kita bukan lagi abad 20, oleh yang demikian kita harus sediakan generasi kita ini, generasi digital ini untuk memahami bukan sahaja *bilingual* malah kita bercakap *trilingual*, kita bercakap juga *multilingual*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan *good morning everyone [Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua saya mohon izin, izin guna bahasa Inggeris ini sedikitlah. Saya mohon soalan tambahan, saya dimaklumkan bahawa kementerian akan melaksanakan dan menyokong penuh dalam usaha kerajaan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa.

Saya cuma hendak menyentuh, saya difahamkan bahawa pelaksanaan akan dibuat pada tahun depan bermula daripada darjah satu sehingga ke tingkatan lima, ini melibatkan UPSR, PMR dan juga SPM. Saya cuma hendak minta kementerianlah, tentang dari darjah satu sudah tidak ada masalahlah, dia terus dari satu, dua, tiga, empat, lima, tingkatan satu, dua, tiga, empat, lima. Bermula tahun depan tidak ada masalah. Tetapi yang jadi masalah ini, budak yang sudah berada di tingkatan dua, tiga, biasanya yang hendak menuju ke tingkatan lima.

Yang ini, yang belum dapat menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya, kerana dimulakan oleh kerajaan mencadangkan satu sampai lima itu tahun depan. Budak yang hendak ambil PMR tahun depan terpaksa dalam tempoh yang singkat dia ajar dalam bahasa ini. Saya takut mungkin terdapat anak-anak Melayu kita khasnya, yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris oleh kerana dia dilaksanakan dia sudah ada di tingkatan tersebut. Berbeza dengan mula dengan darjah satu, okey dia boleh kontrol, satu, dua, tiga, empat, lima.

Jadi saya cuma hendak mencadangkan kepada kerajaan ataupun kerajaan berfikir menimbang balik tentang tingkatan tiga dan SPM tahun depan itu dan juga mungkin UPSR dikecualikan dulu daripada menuntut, lepas itu sudah tidak menjadi masalah, cuma ini tahun depan diteruskan ke situ. Takut nanti dalam peperiksaan mungkin akan menjejaskan kelulusannya, kerana dia telah diajar dalam Bahasa Melayu daripada darjah satu sampai tujuh tahun, sepuluh tahun, jadi saya tidak tahulah kalau kementerian boleh lihat perkara ini supaya tidak menjejaskan peperiksaan mereka pada masa depan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi sokongan. Apa yang kita lihat di sini kita harus lihat secara positif, jangan lihat

secara negatif. Kalau kita lihat secara negatif apa saja yang kita lakukan, tidak akan tercapai. Kita harus usaha terlebih dahulu.

Terima kasih Yang Berhormat cadangan Yang Berhormat tetap kita akan ambil kira kerana buat masa ini kita telah pun menubuhkan satu jawatankuasa seperti mana yang telah saya sebutkan jawatankuasa khas untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris terdiri daripada ketua-ketua bahagian profesional. Memang mereka ini adalah orang profesional dalam bidang-bidang masing-masing dan mereka sedang berusaha siang dan malam untuk memikirkan ini.

Pada peringkat awal kita memikir kerana darjah satu sahaja yang terlibat tetapi kalau kita darjah satu, dia naik darjah dua, sehinggalah selepasnya akan mengambil masa 11 tahun lamanya. Oleh yang demikian kita memikirkan kenapa tidak kita melakukan lakukan serentak dan seperti mana yang saya telah senaraikan tadi, rancangan-rancangan yang kita lakukan, saya berharap dalam sedikit masa lagi akan dilakukan oleh jawatankuasa ini untuk menjelaskan secara praktikal kepada kita dalam sedikit masa lagi. Terima kasih.

5. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mengadakan kursus atau 'retraining' kepada kakitangan pihak Kerajaan Tempatan (*Local Council*) supaya mereka lebih bertimbang rasa, bersopan, bermesra dan cekap apabila mereka berurusan dengan orang ramai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada isu perhubungan di antara kakitangan pihak berkuasa tempatan dengan orang awam. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berusaha dengan pihak kerajaan negeri termasuk agensi-agensi seperti MAMPU dan INTAN untuk mengadakan program-program yang tertumpu kepada aspek kualiti perkhidmatan pegawai-pegawai di pihak berkuasa tempatan, terutamanya di pihak bandaraya dan di majlis perbandaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada Siri Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam yang menjadi panduan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan, keberkesanan dan kualiti hasil kerja kakitangan awam secara keseluruhannya. Siri Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam mula dikeluarkan pada tahun 1991 dan terdapat di antaranya yang secara khusus meliputi aspek perhubungan dengan orang awam iaitu:

- (i) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 1991 – Panduan Meningkatkan Kualiti Layanan Urusan Melalui Telefon; dan
- (ii) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 10 Tahun 1991 – Panduan Mengenai Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kaunter.

Pihak kerajaan juga menetapkan supaya kakitangan berkenaan dilatih dengan bidang tersebut. Di samping itu terdapat program tahunan mengenai kualiti anjuran Kerajaan Persekutuan yang meliputi juga pihak berkuasa tempatan. Melalui program ini pihak-pihak berkuasa tempatan akan dinilai dari aspek-aspek berkaitan dengan amalan dan pengurusan kualiti.

Program 'sehari bersama pelanggan' juga turut memberi kemudahan kepada orang awam untuk berurusan dengan agensi-agensi kerajaan termasuk pihak berkuasa tempatan. Sekian.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan dan saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada pihak kementerian kerana mempunyai banyak rancangan dan juga langkah-langkah yang telah diambil untuk menaikkan mutu perkhidmatan di antara pihak berkuasa tempatan.

Tetapi soalan tambahan saya ialah kerana saya dapati bahawa pihak berkuasa tempatan mereka berurusan terus dengan orang awam dan kita dapati

banyak masalah di antara cara mereka *provide service* - dengan izin - dan ini telah menyebabkan timbul banyak masalah kepada pihak kerajaan kerana orang ramai yang tidak berpuas hati dengan tindakan ataupun *service* pihak berkuasa tempatan mereka akan menyalahkan pihak kerajaan dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian mempunyai satu *monitoring unit* untuk meninjau sejauh manakah langkah-langkah yang diambil ataupun dirancang oleh pihak kementerian itu dapat mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan yang berkhidmat di pihak berkuasa tempatan ini adalah merupakan kakitangan pihak kerajaan negeri.

Oleh sebab itu, pihak kerajaan negeri mempunyai satu tanggungjawab untuk memantau kualiti perkhidmatan daripada pegawai-pegawai ini. Kerajaan Persekutuan melalui kementerian saya, hanya untuk memberi satu dorongan dan kerjasama kepada pihak kerajaan negeri untuk melatih, untuk meningkatkan cara perkhidmatan daripada pegawai-pegawai tersebut.

Kita tidak terlibat terus secara langsung untuk menilai atau memantau pegawai-pegawai ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi telah memberi satu senarai yang panjang berkenaan program dan surat pekeliling bagi meningkatkan *efficiency* dan kecekapan pegawai dan kakitangan kerajaan tempatan.

Tetapi nampaknya kesemuanya telah gagal, kelemahan yang masih wujud. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa pemantauan, kecekapan pegawai kerajaan tempatan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Tetapi apakah Kerajaan Persekutuan di bawah kementerian Yang Berhormat sedia meminda Akta Kerajaan Tempatan bagi mengadakan satu pemilihan kerajaan tempatan dan bukan satu perlantikan kerajaan tempatan agar kepentingan rakyat dan komuniti dapat dijaga dan bukan kerajaan, bukan kepentingan politik kerajaan Barisan Nasional sahaja.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, ini tidak ada berkaitan dengan politik. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita mempunyai perlembagaan. Perlembagaan kita mempunyai tiga lapisan dan kerajaan tempatan ialah lapisan terendah yang di bawah kuasa kerajaan negeri. Pihak kementerian kita, di peringkat Persekutuan ini, kita memberi dorongan, kita memberi kerjasama, kita memberi apa pakar-pakar yang kita boleh seperti pakar-pakar dari pihak MAMPU, pihak INTAN dan juga JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) untuk meningkatkan keseluruhannya *quality service* daripada kakitangan kita.

Walau apapun pihak kakitangan yang berkhidmat di pihak berkuasa tempatan ini adalah kakitangan pihak negeri. Perkhidmatan ini tidak berkaitan langsung dengan parti politik atau apa-apa unsur-unsur politik daripada perkhidmatan ini.

6. **Tuan Mohd. Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah kerajaan sedar mengenai ancaman peperangan siber (Cyber warfare) dan nyatakan langkah-langkah strategik yang telah dan akan diambil untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi dan maklumat yang berlaku sekarang pihak kerajaan memang sedar akan fenomena *terrorism 'free' cyber* dan ancaman peperangan siber yang boleh memusnahkan harta intelek kerajaan, dengan izin, *information asset* atau *information property* dan sistem komputer yang menyokong infrastruktur kritikal negara seperti bekalan elektrik, telekomunikasi, kewangan dan pengangkutan.

Untuk menangani isu ini, pengawalan baik dari segi teknikal mahupun perundangan perlu wujud. Untuk tujuan tersebut beberapa langkah yang telah diambil bagi menangani isu ini ialah:

- (i) menggubal undang-undang siber seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998:
 - (a) Akta Jenayah Komputer 1997; dan
 - (b) Akta tandatangan digital 1997;
- (ii) penubuhan Kumpulan Tindakbalas Kecemasan Malaysia - dengan izin - *Malaysian Computer Emergency Response Team* atau MYCERT;
- (iii) penubuhan Pusat Keselamatan Kecemasan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi ICT Kebangsaan - dengan izin - *National ICT Security and Emergency Response Centre* atau NISER bagi menangani isu keselamatan maklumat secara menyeluruh;
- (iv) penubuhan Bahagian Keselamatan ICT di MAMPU bagi menangani isu keselamatan maklumat khusus bagi sektor awam;
- (v) penyediaan Rangka Dasar Keselamatan ICT Kerajaan oleh MAMPU; dan
- (vi) penyediaan *Public Sector Management of ICT Security Handbook – MYMIS* sebagai garis panduan keselamatan bagi sektor awam.

Selain daripada itu, langkah-langkah lain yang sedang diambil ialah:

- (i) penyediaan rangka kerja Dasar Keselamatan Maklumat peringkat nasional sebagai teras dan panduan dalam pelaksanaan keselamatan maklumat di semua sektor kritikal di negara ini;
- (ii) penyediaan standard keselamatan maklumat berasaskan standard yang beriktirafkan peringkat antarabangsa;
- (iii) program pembudayaan dalam keselamatan maklumat; dan
- (iv) kempen dan promosi pemakaian standard keselamatan maklumat.

Dengan pelbagai usaha yang telah dan sedang diusahakan secara berterusan oleh kerajaan serta kerjasama dan persefahaman yang diperolehi melalui forum antarabangsa mengenai keselamatan maklumat, kementerian ini yakin yang Malaysia bersedia menghadapi sebarang kemungkinan serangan peperangan siber. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Che Daud: Terima kasih Atas penjelasan pihak kerajaan tadi. Apa yang terdapat sekarang ini ialah soal *digital divide* di antara pengeluar sistem ataupun penyediaan sistem dengan kita sebagai pengguna sistem. Maka melalui *digital divide* ini sudah tentu pihak yang mengeluarkan sistem yang mempunyai *upper hand* dengan izin dalam soal penggunaan sistem.

Dalam sistem peperangan konvensional pun pertahanan negara kita sentiasa dan sering bolos. Yang ada sempadan pun bolos, pendatang-pendatang asing pun boleh masuk, dikatakan pengganas pun boleh mengepung pusat-pusat pelancongan. Apatah lagi dalam peperangan cyber ini yang tidak mengenali sempadan dan dia boleh dilancarkan melalui dari jarak jauh. Jadi di manakah letak kemampuan kita yang nyata sekarang ini terdapat jurang digital yang begitu luas di antara kita sebagai negara pengguna kepada sistem siber dengan negara-negara pengeluar sistem siber yang sekarang kita amalkan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang digital wujud bukan sahaja di antara negara dan pun di dalam negara. Tetapi berkenaan dengan keselamatan negara dari segi siber, memang kerajaan sedar bahawa negara yang maju boleh kata mempunyai teknologi yang maju dari peringkat setakat ini. Tetapi walau bagaimanapun dengan memperolehi teknologi yang baik dengan mengambil bahagian dalam forum-forum dan dengan kerjasama kerajaan dan agensi-agensi lain kita pun dapat memperolehi teknologi yang baik ini.

Tetapi yang besar sekali ialah negara kita khasnya rakyat jelata mesti memahami betapa pentingnya keselamatan dari segi siber ini dan barulah kita dapat mempertingkatkan teknologi dan pengetahuan rakyat Malaysia untuk menghadapi kalau ada serangan dari segi siber ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sekarang terdapat banyak *portal* yang, dengan izin, mengendalikan *daily newspapers* sama ada oleh akhbar yang terdapat di Malaysia sama ada akhbar perdana ataupun akhbar yang ditaja oleh parti pembangkang.

Saya ingin tahu di dalam peperangan siber ini, siapakah yang *control*? Siapakah yang mengawal *content* ataupun isi berita dalam itu. Adakah Kementerian Yang Berhormat ataupun Kementerian Penerangan atau Kementerian Dalam Negeri? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, pertama pengetahuan yang saya ingin menegaskan bahawa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan juga dalam *view of guarantee* untuk Multimedia Super Corridor adalah dijamin bahawa tanpa tapisan atau *censorship* dalam internet.

Inilah pendirian tetapi tidak bermakna bahawa pihak yang tidak bertanggungjawab boleh menyalahgunakan internet untuk menyebarkan fitnah dan menyebarkan kepalsuan yang berkenaan kerana inilah tertakluk kepada undang-undang lain di negara ini.

Dalam Akta Komunikasi dan Multimedia pun ada peruntukan di mana tindakan boleh di ambil jika terdapat salah laku. Oleh sebab ini, ada pihak termasuk pihak pembangkang yang menyalahgunakan peruntukan ini untuk menyebarkan fitnah-fitnah dan kepalsuan terhadap kerajaan dan kadang-kadang oleh kerana teknologi ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kerai adalah boleh dikatakan *remote control* dan kadang-kadang susah hendak menentukan kandungan ini. Jadi kadang-kadang mereka mengambil kesempatan untuk menyebarkan kepalsuan dan fitnah ke atas pihak yang tertentu itu. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan statistik berhubung bilangan pelajar-pelajar asing yang menuntut di negara ini pada peringkat pengajian tinggi antara tahun 1996-2001. Sila berikan juga senarai lima negara asing yang mempunyai pelajar teramai di Malaysia dalam tempoh tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi jawapan saya, saya pohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kita berdoa kepada Allah SWT semoga Ketua Pembangkang sembuh dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, statistik bilangan pelajar asing yang menuntut di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTs) antara tahun 1996 sehingga 2001 adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Bil. Pelajar</u>
1996	1,298 orang
1997	2,244 orang
1998	6,182 orang
1999	10,254 orang
2000	15,003 orang
2001	13,475 orang

Lima negara asing yang mempunyai pelajar di IPTs dalam tempoh tersebut ialah:

<u>Negara</u>	<u>Bil. Pelajar</u>
Republik Rakyat China	4,725 orang
Indonesia	3,499 orang

Amerika Syarikat	740 orang
India	364 orang
Korea	326 orang

Bagi institusi pengajian tinggi awam pula, bilangan pelajar asing antara tahun 1996 sehingga 2001 seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Bil. Pelajar</u>
1996	2,595 orang
1997	3,400 orang
1998	3,085 orang
1999	3,485 orang
2000	3,889 orang
2001	4,770 orang

Lima negara asing yang mempunyai pelajar teramai di IPTA pada tahun 2001 ialah:

<u>Negara</u>	<u>Bil. Pelajar</u>
Indonesia	1,175 orang
Thailand	387 orang
Singapura	246 orang
Sudan	245 orang
Libya	206 orang

Tuan Cheng See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan apakah usaha dan strategi dengan mengadakan polisi yang liberal dan konsisten supaya boleh dalam bidang pendidikan kita dapat mencapai matlamat menjadikan Malaysia satu pusat kecemerlangan dalam pendidikan yang berkualiti kerana ini adalah suatu sumber pendapatan kewangan yang baik kepada negara.

Saya harap dengan usaha-usaha terkini yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan dengan kita memberikan kepentingan dalam bahasa Inggeris adakah pihak Kementerian Pendidikan yakin bahawa pelajar-pelajar asing akan dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sebenarnya memang kita telah mengambil beberapa langkah. Sebab itu kalau kita lihat daripada segi perangkaan ia meningkat. Di mana kalau di IPTA, ramai daripada pelajar luar negara yang datang ke sini, mereka lakukan pengajian di peringkat ijazah tinggi kebanyakan daripada mereka dan yang lainnya itu kita sudah mempunyai misalnya di UIA juga mengambil pelajar-pelajar asing. Ramai pelajar asing terdapat di UIA.

Begitu juga dengan IPTS, kita telah pun memberi berbagai-bagai insentif dan galakan kepada IPTS supaya dapat menarik lebih ramai pelajar daripada luar negara. Dengan itu, saya berharap benar marilah kita beri sokongan dan juga macam-macam daya tarikan kepada IPTS-IPTS ini supaya dapat menggalakkan dan menarik lebih ramai pelajar dari luar negara.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik kepada angka yang diberi sampai 15,000 untuk IPTS. Nampaknya IPTA tidak begitu ramai. Saya berharap keadaan ini akan berubah kerana kita memerlukan pelajar-pelajar asing juga. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan IPTS sekarang ini terutamanya yang mengambil pelajar asing dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa dari masa ke semasa wujudnya penipuan kerana sesetengah pihak IPTS tidak mematuhi program yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar asing dan apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi kejadian seumpama ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya kira di sini soalan yang pertama ialah memang di IPTS lebih ramai pelajar asing jika dibandingkan dengan IPTA. IPTA memang tempat yang kita ada di sini amat terhad. Walau bagaimanapun, telah saya jelaskan tadi kebanyakan daripada mereka datang untuk membuat *post-graduate studies* di IPTA dan mereka diizinkan untuk sama ada memilih untuk menulis disertasi mereka dalam bahasa Inggeris ataupun dalam bahasa Malaysia.

Mengenai dengan IPTS, angka yang sebenarnya saya tidak faham daripada Yang Berhormat tadi. Kita ada berbagai-bagai kategori IPTS tadi. Ada yang jenis hanya mengendalikan kursus-kursus di peringkat diploma, peringkat sijil dan sebagainya. Walau bagaimanapun, di sini kalau Yang Berhormat maksudkan IPTS yang mengendalikan seperti *twinning program* misalnya, yang menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar asing ialah kolej-kolej yang mempunyai *twinning program*, iaitu daya tarikan mereka. Insya-Allah, dengan keadaan sekarang ini saya kira lebih ramai lagi kita dapat menarik pelajar-pelajar daripada Timur Tengah dan daripada negara China sendiri. Timur Tengah yang paling ramai yang telah menunjuk minat. Oleh yang demikian, kita telah membuat berbagai-bagai kempen di mana setiap daripada kedutaan kita akan dibekalkan dengan pegawai-pegawai misalnya di Timur Tengah. Sebab itu kita juga telah bercadang supaya *leaflet*, *pamphlet* yang kita adakan dapat ditulis dalam bahasa Arab.

Mengenai dengan kes-kes ada pelajar-pelajar yang tertipu, memang kita sentiasa akan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya sekiranya kita memantau ataupun kita dapat aduan-aduan di mana kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sebab itu kita telah pun meminta bahagian JPS di Kementerian Pendidikan sedikit masa lagi supaya mengambil tindakan yang sewajarnya kepada kolej-kolej sekiranya ada penipuan berlaku. Ini pun bergantung sekiranya ada aduan. Kita tidak boleh katakan kolej ini ada begitu..., begitu..., tetapi aduan daripada pelajar itu sendiri kepada pihak kita dan kita akan mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mada pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Kuota Sepuluh Peratus kepada Bukan Bumiputera ke MRSM dan Pusat Matrikulasi

10.35 pagi

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul Menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat, Perkara 18. Saya Haji Mahfuz bin Haji Omar, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Pokok Sena memohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan mengikut Perkara 18, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu kuota 10 peratus yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada kaum bukan bumiputera di Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Matrikulasi yang secara jelas bertentangan dengan peruntukan hak istimewa orang-orang Melayu di bawah peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan juga bertentangan dengan tujuan asal penubuhan Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah perkara tertentu kerana telah berlaku secara jelas suatu pencabulan terhadap hak istimewa bumiputera dalam bidang pendidikan diperuntukkan oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Pencabulan ini juga cuba merongkai ikatan sosial masyarakat negara ini yang telah menerima kedudukan istimewa bumiputera sebagai salah satu daripada elemen kestabilan masyarakat. Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Matrikulasi telah ditubuhkan dengan matlamat untuk memajukan bumiputera dalam bidang sains, matematik dan

sastera ikhtisas serta merapatkan jurang profesional bagi membolehkan mereka bersaing dengan bangsa-bangsa yang lain.

Perkara ini ada melibatkan kepentingan ramai kerana pemberian kuota 10 peratus itu telah melanggar semangat Perlembagaan dengan mengorbankan kepentingan bumiputera yang merupakan rakyat terbanyak di negara ini. Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Matrikulasi sendiri ditubuhkan untuk membantu bumiputera meningkatkan daya saing mereka tetapi dengan pelaksanaan kuota 10 peratus ini, jurang ekonomi dan sosial antara kaum akan semakin melebar. Tindakan berbau politik kerajaan ini juga secara tidak langsung boleh menggugat integrasi kaum di negara ini.

Perkara ini perlu disegerakan kerana sektor pendidikan bumiputera mesti diselamatkan daripada terus dipolitikkan secara sempit oleh Kerajaan Barisan Nasional yang bertujuan untuk mendapatkan sokongan daripada bukan bumiputera seperti yang didakwa oleh Profesor Diraja Ungku Aziz. Adalah menjadi kewajipan Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan hak bumiputera dengan tidak menafikan hak bangsa lain dan membolehkan mereka bersaing secara sihat dengan bangsa lain tanpa menggugat keharmonian negara ini. Maka saya berpandangan Usul ini melibatkan perkara tertentu, perlu disegerakan dan berkepentingan orang ramai. Sekian. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena pada 17 Jun 2002. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu.

Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan

Syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu; ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan perkara ini juga perlu disegerakan. *[Tepuk]*

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) Usul ini hendaklah dtempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA
(PINDAAN) 2002**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.11 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan S. G. Sothinathan: Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Dadah Berbahaya 1952 merupakan satu undang-undang yang diwujudkan untuk mengawal pengendalian dadah-dadah berbahaya di negara ini serta mengadakan peruntukan-peruntukan tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan pemilikan dadah tanpa kuasa dan pengedaran dadah berbahaya.

Sebagai undang-undang yang mengawal pengendalian dadah berbahaya serta memberi perlindungan dan jaminan keselamatan sosial rakyat di negara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa sedar akan perlunya undang-undang ini diperbaiki dari masa ke semasa untuk memperkukuh peruntukan undang-undang bagi menangani masalah penagihan dan pengedaran dadah serta masalah sosial dan ekonomi yang disebabkan oleh bilangan penagih dadah yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan penting yang dicadangkan terhadap akta ini ialah;

- (i) menjadikan mana-mana cara penggunaan dadah termasuk dadah perangsang, jenis *amphetamine*, *amphetamine-type stimulus* (ATS) sebagai satu kesalahan. Dengan ini, tindakan ke atas pengguna ATS lebih mudah diambil bagi meningkatkan keberkesanan usaha kerajaan mengatasi masalah penyalahgunaan ATS;
- (ii) memperuntukkan hukuman penjara yang lebih panjang serta sebatan ke atas penagih dadah tegar yang pernah menjalani rawatan di pusat pemulihan ataupun pernah disabitkan kesalahan;
- (iii) membenarkan pegawai polis tidak kurang dari pangkat sarjan dan pegawai kastam mengambil contoh air kencing orang penagih dadah yang ditangkap untuk ujian makmal sekiranya tidak praktikal untuk pengamal perubatan ataupun penolongnya mengambil contoh *urine* dalam masa tertentu. Pindaan juga menjadikan kegagalan atau keengganan memberi contoh air kencing apabila diminta oleh pegawai yang berkuasa sebagai satu kesalahan; dan
- (iv) memperuntukkan mana-mana orang yang ujian ke atas air kencingnya mendapati mengandungi dadah berbahaya akan dianggap telah menggunakan dadah itu melainkan dibuktikan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan bidang-bidang penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 mencadangkan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan takrif baru "pengilangan" dan mengemaskinikan takrif "mengedar". Takrif "pengilangan" dimasukkan untuk merangkumi segala aktiviti penyediaan atau pengeluaran dadah berbahaya dan takrif "pengedar" dipinda untuk melengkapkan lagi takrif "mengedar".

Fasal 4 mencadangkan supaya apa jua cara penggunaan dadah berbahaya ke atas diri sendiri adalah satu kesalahan. Memasukkan perkataan "*consume*" dalam pindaan ini akan merangkumi semua cara pengambilan dadah yang didapati sentiasa berubah-ubah bergantung kepada inovasi penagih.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kes-kes penagihan yang semakin meningkat, adalah penggunaannya dikesan segera.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Fasal 5 pindaan ini mencadangkan untuk membenarkan pegawai polis tidak kurang dari pangkat sarjan dan pegawai kastam mengambil contoh air kencing orang atau penagih dadah yang ditangkap untuk ujian makmal sekiranya tidak praktikal untuk pengamal perubatan atau penolongnya mengambil contoh air kencing dalam masa tertentu.

Pindaan ini juga menjadikan kegagalan atau keengganan memberi contoh air kencing apabila diminta oleh pegawai yang berkuasa sebagai satu kesalahan.

Fasal 6 pindaan adalah bercadang untuk meminda seksyen 37 untuk memberi anggapan seseorang yang didapati memiliki 50 gram dan lebih kombinasi mana-mana dadah dari 14 jenis ATS sebagai pengedar dadah. Kerap kali apabila rampasan dibuat, ATS ini didapati dalam pelbagai jenis, contohnya terdapat ATS dari jenis *amphetamine* dan MDMA dalam satu rampasan.

Fasal ini juga memberi anggapan seseorang yang mana ujian air kencingnya didapati mengandungi dadah berbahaya sebagai telah menggunakan dadah berbahaya bertentangan dengan seksyen ini kecuali jika dibuktikan sebaliknya.

Peruntukan ini menyamai di mana seseorang boleh dikenakan tindakan undang-undang atas kesalahan memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol, apabila alkohol dikesan melalui ujian pernafasan *breathalyser*.

Fasal 7 bercadang meminda seksyen 39A supaya seseorang yang didapati memiliki kombinasi mana-mana dadah dari jenis 14 jenis perangsang jenis *amphetamine* itu, dalam hormon yang kurang daripada hormon yang boleh menimbulkan anggapan bahawa ia mengedar dadah, untuk itu akan dikenakan hukuman yang lebih berat yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penagihan dan pengedaran dadah di Malaysia masih serius dan membimbangkan. Sehingga Disember 2001 terdapat seramai lebih kurang 223,123 orang penagih berdaftar dengan NADI ataupun Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan.

Dianggarkan seramai 40,000 orang penagih adalah penagih tegar, bilangan penagih yang dikesan bagi tiga tahun berturut-turut dari tahun 1999 hingga 2001 adalah melebihi 30,000 orang setiap tahun. 50.2% daripada penagih yang dikesan adalah penagih berulang dan kebanyakan mereka adalah penagih tegar.

Penagihan adalah merupakan *chronic relapsing disease* dan penagih tegar sangat sukar dipulihkan walaupun telah berulang kali menjalani rawatan pemulihan di pusat serenti atau menjalani hukuman penjara.

Mereka sering kali melakukan jenayah untuk menanggung penagihan. Kebanyakan penagih tegar mempunyai hubung kait dengan aktiviti jenayah, oleh sebab itu, didapati 55% banduan yang ada di penjara adalah merupakan penjenayah dadah iaitu mereka yang melakukan jenayah termasuk jenayah keganasan seperti bunuh, samun bersenjata api atau tanpa bersenjata api, rogol dan mencederakan manusia serta jenayah harta benda seperti mencuri kenderaan, meragut dan pecah rumah, curi siang malam dan lain-lain kecurian untuk menampung penagihan mereka.

Proses untuk merawat dan memulihkan penagih dadah memerlukan masa yang panjang, sistem dan pendekatan rawatan dan pemulihan yang digunakan sekarang tidak dapat menangani masalah penagih tegar.

Memandangkan masalah penagih dadah tegar semakin meningkat, Fasal 8 adalah untuk memasukkan seksyen baru dalam Akta Dadah Berbahaya untuk mengenakan hukuman penjara yang lebih panjang serta sebatan ke atas penagih tegar.

Ada negara seperti Singapura di mana penagih yang ditangkap menagih bagi kali ketiga akan dipenjarakan dari lima hingga tujuh tahun beserta rotan tiga hingga lapan kali. Bagi kesalahan yang berikutnya mereka akan dipenjarakan dari tujuh hingga tiga belas tahun beserta rotan enam hingga dua belas sebatan. Tindakan yang diambil ini didapati memberi kesan yang baik dalam menangani masalah dadah di negara berkenaan.

Di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 sekarang, penagih dadah terutama yang tegar boleh dipenjarakan sehingga dua tahun setiap kali kerana melakukan kesalahan di bawah seksyen 10 dan seksyen 15, oleh itu tindakan untuk meletakkan penagih-penagih yang tegar di penjara atau kurungan bukanlah perkara baru.

Dalam pindaan yang dicadangkan, mereka yang pernah menjalani rawatan di pusat pemulihan untuk dua kali atau lebih, atau pernah disabit kesalahan mengguna dadah berbahaya di bawah seksyen 10 atau seksyen 15 sebanyak dua kali atau lebih, atau gagal memberi air kencing untuk ujian yang diperuntukkan di bawah seksyen 31A, sebanyak dua kali atau lebih dan di samping itu pernah menjalani rawatan pemulihan atau disabitkan kesalahan menggunakan dadah berbahaya akan dikenakan hukuman penjara lima hingga tujuh tahun dan sebatan tidak melebihi tiga kali, sekiranya disabit lagi kesalahan di bawah seksyen 10, seksyen 15 atau seksyen 31A. Mereka yang mengulangi lagi kesalahan-kesalahan tersebut, akan dikenakan hukuman penjara tujuh hingga tiga belas tahun dan sebatan tiga hingga enam kali.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 yang disebutkan di atas perlu dan tepat masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta ini dan dari itu memberi kesan dan faedah kepada negara antaranya seperti berikut:-

- (i) pengasingan penagih dadah, penagih tegar. Masalah dadah merupakan masalah keselamatan negara, oleh itu kerajaan perlu mengasingkan mereka terutama penagih tegar dari masyarakat. Pendekatan yang sama telah digunakan oleh kerajaan dalam masalah komunis dengan jayanya;
- (ii) pengurangan jenayah. Jika penagih tegar ditahan lebih lama, jenayah indeks atau jenayah keganasan dan jenayah harta benda dijangka akan turun lebih ketara memandangkan 60% jenayah indeks setahun yang berjumlah 160,000 dilakukan oleh penagih tegar; dan
- (iii) pengedaran dadah dibendung. Penempatan penagih tegar di penjara akan mengurangkan penawaran dan permintaan dadah kerana bilangan pelanggan dan pengedar kecil-kecilan akan dikurangkan. Seterusnya kes-kes di mahkamah dapat dikurangkan, penempatan penagih tegar di penjara akan menyebabkan ketiadaan mereka di masyarakat dan dari itu akan mengurangkan kejadian jenayah. Oleh itu, kes-kes di mahkamah juga akan dikurangkan.

Masalah kesihatan dan sosial seperti penyakit HIV/AIDS dapat dikurangkan dengan penempatan penagih tegar di penjara bagi tempoh yang lebih lama.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bagan Datok.

11.23 pagi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan dan di sini saya berdiri kerana terpanggil untuk turut menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Sebagaimana yang kita ketahui, terdapat tiga elemen utama di dalam menangani permasalahan dadah berbahaya ini. Pertama, pihak kerajaan harus melihat

aspek pengeluar terhadap dadah berkenaan. Elemen yang kedua ialah pengedaran, manakala elemen yang ketiga ialah pengguna.

Tiga elemen ini harus ditangani dengan cukup berhati-hati dan cukup terperinci kerana tiga pihak, iaitu pengeluar, pengedar dan pengguna mempunyai satu rangkaian bukan sahaja ianya melibatkan rangkaian domestik tetapi melibatkan juga rangkaian antarabangsa.

Oleh yang demikian, agensi-agensi yang menangani permasalahan dadah di negara kita, sama ada agensi dadah kebangsaan, NGO seperti PEMADAM malah Jabatan Narkotik Polis Di Raja Malaysia harus lebih proaktif mendapatkan maklumat-maklumat bagi menangani permasalahan ini yang kemudiannya akan menjadi masalah keselamatan dan cara lebih panjang lagi akan menimbulkan permasalahan sosial kepada masyarakat di negara kita.

Tentu kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab tidak mahu melihat kebobrokan berlaku di kalangan masyarakat terutamanya mereka yang terdiri daripada generasi muda yang tidak meminggirkan kemungkinan bahaya yang diterima daripada penggunaan dadah berbahaya ini bagi pembentukan masyarakat yang kemudiannya tidak mempunyai daya tahan, mental, fizikal dan juga nurani yang begitu kuat bagi menghadapi permasalahan ini yang dihadapi oleh mereka.

Oleh yang demikian, pada hemat saya, pindaan akta ini yang memberikan penalti yang cukup tegas dengan pemenjaraan mandatori selama tempoh tujuh tahun dan hukuman sebatan dengan tidak kurang daripada tiga kali sebat, merupakan satu tindakan yang drastik tetapi harus diterima oleh masyarakat keseluruhannya.

Bagi kita memperlihatkan keseriusan langkah-langkah pencegahan tetapi saya ingin memberikan penekanan di sini, sama ada ADK atau Jabatan Narkotik PDRM harus pergi ke peringkat akar umbi iaitu pengedar-pengedar dan juga pengeluar-pengeluar yang tentunya mempunyai hubung kait atau *networking* jaringan di peringkat antarabangsa, kita tahu ada kawasan *golden triangle* yang dikawal oleh agensi anti dadah di peringkat antarabangsa tetapi bagaimana penyeludupan masih boleh berjalan, bagaimana pengedaran masih begitu licik perjalanannya.

Pada hemat saya ini adalah kerana pihak pengeluar dan pengedar ini terlalu inovatif, terlalu kreatif di dalam menembusi kawalan-kawalan yang ditentukan, yang dibuat oleh pihak berkuasa.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru supaya ADK dan Jabatan Narkotik PDRM apatah lagi Kementerian Kesihatan harus mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif berbanding dengan pihak pengeluar dan pengedar dadah-dadah ini dan tentulah pihak Kementerian Kesihatan bersama dengan NGOs seperti PEMADAM mempunyai langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah ini *prevention is better than cure*, dengan izin, bukan sahaja dari segi perubatan tetapi dari segi pencegahan. Setakat ini, kita belum dapat tahu ada satu kaedah perubatan tertentu yang boleh mengubati dan menghilangkan terus penyakit penagihan dadah di kalangan penagih-penagih yang tegar ini.

Bagi saya, pindaan akta ini adalah bertujuan dan bermaksud untuk memberitahu kepada ketiga-tiga pihak tadi iaitu pengeluar, pengedar dan pengguna untuk diberitahu supaya mereka menterjemahkan bahawa kerajaan tidak main-main, malah kerajaan begitu serius menangani permasalahan ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada ADK dan juga Jabatan Narkotik PDRM selama ini yang bersungguh-sungguh bekerja untuk menangani permasalahan pengedaran dan penggunaan dadah ini, tetapi saya fikir kuasa-kuasa yang diberikan kepada pihak polis, pihak kastam dan pihak-pihak yang lain selain daripada pihak berkuasa perubatan dalam pengambilan spesimen air kencing adalah merupakan peruntukan untuk memperkuatkan bahawa ada *law of evidence*, dengan izin, ada pembuktian supaya pengedar-pengedar ataupun pengguna ataupun pengeluar dadah-dadah ini dapat dirangkumkan untuk diberikan hukuman.

Tetapi saya ingin meminta pihak mahkamah, apabila akta ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, dari segi pelaksanaan hukuman, kepada pesalah-pesalah pengedar, pengeluar dan pengguna dadah ini hendaklah tidak ada kompromi di dalam penghukumannya.

Kita tahu bahawa penagih-penagih dadah terutamanya mempunyai alasan-alasan yang tersendiri apabila mereka menghadapi muka hakim, mereka ini pandai berlakon dengan muka sepuluh sen mereka meminta seolah-olah hukuman diringankan, mereka mengatakan mereka telah bertaubat, mereka mengatakan mereka tidak akan melakukan lagi tetapi dari statistik yang diperlihatkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memperlihatkan bahawa penagih-penagih tegar ini sukar dihapuskan kerana mereka melakukan perbuatan ini berulang kali dan saya fikir lebih daripada 50% daripada pengedar-pengedar yang telah dikeluarkan daripada pusat tahanan penagih dadah ini mengulangi perbuatan itu semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir kalau hukuman yang dikenakan itu tidak diberikan secara maksimum maka perbuatan itu akan diulangi lagi dan saya cukup menyokong Fasal 8 yang terdapat dalam pindaan akta ini yang telah menyebutkan hukuman mandatori dengan sebatan sebanyak tiga kali, ini harus disebut sekurang-kurangnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, dari segi pemilikan 50 gram atau lebih oleh pengedar dan pengguna-pengguna dadah berbahaya, saya fikir peruntukan ini adalah satu peruntukan yang cukup baik tetapi kalau penggunaannya kurang daripada itu, saya khawatir pengedar dan juga pengguna akan terlepas daripada hukuman walaupun saya faham ada *clauses* yang tertentu yang memperuntukkan hukuman lain yang akan dikenakan kepada pengguna-pengguna dadah, maka keterlepasan mereka daripada hukuman akan mengakibatkan *multiplying effect* atau kesan kegandaan kepada pengguna-pengguna dadah yang lain.

Di samping itu, saya mengharapkan bahawa satu pulau khas untuk mengasingkan pengguna-pengguna dadah tegar ini harus diwujudkan, dahulu ada pihak kerajaan mewujudkan Pulau Bidung sebagai sebuah pulau khas untuk mengasingkan pendatang-pendatang haram daripada Vietnam, dahulu. Dan saya fikir penagih-penagih tegar ini harus diasingkan di pulau khas ini dan saya fikir sifat dan rasa keperimusiaan kepada mereka seharusnya diminimumkan sebab mereka telah menjadi sampah masyarakat dan jika mereka dipulangkan kepada masyarakat dan kita mengharapkan masyarakat menerima mereka dengan usaha-usaha sosial yang tertentu dan langkah-langkah asimilasi sosial yang dilakukan, tidak dapat mengubah penagih-penagih tegar ini untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

Oleh yang demikian, saya fikir eloklah mereka diletakkan di sebuah pulau khas, diberikan kursus-kursus supaya mereka menghadapi kenyataan bahawa mereka akan berada di ambang maut dan mereka selepas itu akan menghadapi dunia yang lain. Oleh sebab itu persiapan-persiapan untuk menjadi orang yang sedia menerima kenyataan bahawa dunia mereka telah gelap dan dunia selepas kehidupan adalah persiapan yang paling baik untuk mereka berada di pulau yang berkenaan.

Saya minta supaya pengeluar dan pengedar hukuman mandatori yang lebih berat walaupun saya faham akta-akta sebelum ini memperlihatkan hukuman yang cukup berat, mandatori dari segi hukuman gantung dan juga hukuman penjara seumur hidup, tetapi kalau selama ini hukuman yang telah diberikan itu cukup keras, namun masih terdapat aktiviti-aktiviti ini berjalan ertinya keberkesanan daripada hukuman itu tidak menyerikkan mereka untuk menghentikan aktiviti yang berkenaan. Oleh yang demikian, saya harap agensi-agensi pelaksana akan mengambil beberapa langkah yang proaktif, yang lebih kreatif mengatasi inovatif dan kreativiti yang dilakukan oleh pihak pengeluar, pengedar dan pengguna ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas keprihatinan pihak kementerian yang telah membentangkan akta ini dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Bukit Mertajam.

11.34 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bagan Datok dengan aspek mengadakan hukuman yang lebih berat kepada pengedar dan juga pengeluar. Tetapi saya berpandangan yang berlainan tentang pengguna kerana saya rasa pengguna dadah berbahaya ini, mereka juga merupakan mangsa kepada dadah ini dan apa yang mereka perlu ialah rawatan dan bukan hukuman.

Tetapi sebelum itu saya ingin hendak bertanya di mana Menteri yang bertanggungjawab untuk membentangkan akta ini kerana akta ini ialah di bawah Kementerian Dalam Negeri dan bukan Kementerian Kesihatan. Di mana menteri, juga Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri? Mengapa mereka tidak di dalam Dewan ini? Adakah mereka memandang bahawa tugas mereka di dalam Dewan yang mulia ini tidak penting? Mengapa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kementerian yang lain pula membentangkan akta dan pindaan ini dan rupanya beliau juga akan menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan yang bukan di dalam bidang tugas beliau? Jadi saya ingin mendapat satu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Fasal 5 yang mengatakan, dengan izin: "*This clause also seeks to provide that an arrested person who fails to provide a specimen of his urine for examination shall be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding four years or to both*".

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah *ridiculously severe* kerana untuk kes rogol, kalau dia didakwa di bawah akta perlindungan, *the Women and Young Girls' Act* selalunya hanya dihukum dua atau tiga tahun sahaja untuk penjara. *Statutory rape* kalau *diprove guilty* pun hanya lima tahun tetapi ini hanya tidak dapat membekal satu *sample urine*, dia boleh dipenjarakan empat tahun. *This is ridiculously high*. Kalau *manslaughter* tidak *amount to murder* pun selalunya hukumannya ialah dua sampai tiga tahun penjara, tetapi ini boleh dipenjarakan sampai empat tahun, *by a fine of ten thousand*.

Apakah tujuannya? Tujuan yang pertama saya lihat adalah memberi kuasa yang begitu besar kepada pihak polis yang beliau boleh mengugut sesiapa yang *disuspect* menggunakan dadah. Saya rasa ini adalah tidak *reasonable*. Saya juga berpendapat bahawa selalunya ada pihak polis membuat serbuan kepada pusat-pusat hiburan dan menahan penangan-penangan untuk memeriksa *sample urine* itu adalah *a waste of public resources*. Pihak polis ada kerja yang lebih penting seperti menangkap pengedar, menangkap *manufacturer*, pengeluar dadah, tetapi bukan tumpukan kerja mereka terhadap orang biasa. Orang yang menggunakan dadah atau pengguna dadah kalau mereka tidak melakukan apa-apa jenayah, mereka tidak patut dilihat sebagai seorang penjenayah. Mereka adalah salah di sisi undang-undang seperti membawa kereta yang *break the traffic law* dan mereka tidak patut dilihat sebagai *criminal*. Jadi saya rasa Fasal 5 ini kalau tidak dipinda, ia akan menjadi satu lagi perkara ataupun alasan untuk berlakunya rasuah.

Banyak kes yang berlaku di bawa orang yang ditahan, mereka minta *sample urine* untuk memeriksa kegunaan dadah. Dan saya dapati satu kes, ini kes benar. Polis memberitahu dia bahawa *sample testnya* adalah positif. Dia meminta RM500 untuk selesaikan kes itu, lalu dibayarnya. Tetapi selepas itu dia mengadakan pemeriksaan di klinik luar dan membuktikan bahawa tidak ada dadah ataupun *trace* dadah di dalam *urine* dia dan dia tuntutan balik RM500 itu.

Ada juga berita yang dikatakan bahawa boleh tukar *sample urine* kerana *sampalnya* diambil oleh pihak polis dan walaupun saya tidak mendakwa bahawa semua polis adalah tidak jujur tetapi juga ada sebilangan mereka yang tidak menjalankan tugas dengan jujur dan rasuah adalah biasa. Jadi tindakan dan hukuman seperti ini akan menggalakkan lagi tindakan rasuah ataupun tingkah laku rasuah.

Juga Fasal 8, saya ingin tahu yang dikatakan - dengan izin - Section 39C "*provides that a person who is found guilty for an offence under Section 10(2)(b), Section 15(1)(a) or Section 31A of Act 234 shall be subjected to increased penalty if he has prior admissions to a Rehabilitation Centre and convictions in relation to drug offences*".

Saya ingin mendapat penjelasan, adakah *drug offender* ini ertinya beliau hanya menggunakan dadah ataupun ada penjenayah yang lain kerana kalau beliau hanya menggunakan dadah, itu bermaksud kalau dia *repeat offender*, bermakna beliau tidak dapat mengawal diri sendiri untuk menggunakan dadah itu dan yang beliau perlu ialah rawatan. Kita terlalu percaya bahawa peningkatan hukuman akan menyelesaikan atau mengatasi masalah tetapi kita tidak lihat bahawa bagaimana tinggi hukumannya dia tidak akan menghalang orang yang hendak membuat jenayah seperti pengedar dadah. Pengedar boleh sampai ke hukuman mati tetapi ada orang buat juga.

Jadi yang penting saya rasa ialah untuk merawat mereka yang menggunakan dadah dan bukan meningkatkan hukuman. Meningkatkan hukuman ini juga akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan. Pada masa ini pun kerajaan tidak dapat menyeliakan tempat yang cukup untuk semua penagih untuk pemulihan. Sekiranya kita hendak menjalankan dan melaksanakan fasal ini, adakah kerajaan telah membuat kiraan berapa banyak lagi tempat penjara atau berapa pusat pemulihan lagi yang perlu kita sediakan dan berapa banyak perbelanjaannya? Adakah ini akan mendatangkan kesan yang baik? Adakah ia akan berkesan?

Saya ingin mendapat statistik, selepas mereka dihantar ke Serenti, berapa banyak mereka yang tidak menggunakan dadah? Mereka dipulihkan secara langsung? Kerana kalau saya tidak salah, saya mendapati bahawa separuhnya (50%) akan menggunakan dadah balik. Tetapi kalau kita bandingkan dengan pusat-pusat yang dijalankan oleh NGO seperti Pengasih, seperti *The Hiding Place* ataupun dijalankan oleh kumpulan-kumpulan agama seperti *the churches*, mereka mempunyai *success rate* yang lebih tinggi.

Jadi yang penting saya rasa PEMADAM dan juga pihak kerajaan perlu mengkaji. Apakah perbezaan dan kaedah yang digunakan oleh Pusat Serenti dan juga pusat-pusat yang dijalankan oleh NGO? Kalau pusat-pusat yang dijalankan oleh NGO mengadakan kejayaan yang lebih baik, jadi mungkin kita perlu menggunakan cara NGO dan juga mungkin kita perlu memperuntukkan kewangan kepada pihak-pihak NGO untuk menjalankan aktiviti ini kerana mereka lebih berjaya.

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan, selain dari Singapura, adakah negara-negara lain yang menggunakan kaedah yang sama yang mendapat kejayaan. Apa yang dijalankan di Singapura mungkin tidak sesuai untuk negara kita. Jadi, saya harap kerajaan akan memandang berat tentang menggunakan cara yang baru untuk mengatasi masalah ini, kerana apa yang dilaksanakan dan apa yang kita dapat, telah membuktikan apa yang selama kita gunakan ini tidak begitu efektif. Itulah sebabnya jumlah bilangan penagih bertambah, bukan berkurang. Dan persoalan yang besar ialah, mengapakah polis tidak dapat menangkap semua pengedar? Kalau penagih ini boleh mengetahui di mana untuk mendapatkan dadah ini, bagaimanakah polis tidak tahu? Jadi, adalah penting saya harap pihak polis akan lebih berkesan untuk menangkap pihak pengedar dan juga pihak pengeluar, kerana ini adalah punca - mereka adalah punca masalah dan pengguna merupakan mangsa. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Gelang Patah dahulu. Dapat belaka, tak mengapa.

11.48 pagi

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana dapat membentangkan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya Tahun 1952 kerana ini adalah di bawah tanggungjawab mereka tetapi mereka perlu kerjasama daripada Kementerian Dalam Negeri untuk menguatkuasakan undang-undang ini dengan hasrat supaya suatu hari nanti, seperti yang dihasratkan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional, iaitu dengan matlamat menjadi Malaysia sebagai negara yang bebas dadah, iaitu *drug-free*, dengan izin, menjelang tahun 2015.

Kebelakangan ini kita banyak menumpukan usaha ke arah memulihkan keadaan ekonomi negara dan juga memerangi aktiviti keganasan di peringkat negara mahupun antarabangsa. Ini tidak bermakna kita boleh mengabaikan masalah penyalahgunaan dadah yang masih begitu kritikal di negara kita. Sebaliknya kita mesti sentiasa ingat bahawa dadah masih dan tetap merupakan musuh utama negara. Masalah penyalahgunaan dadah masih perlu diperangi dengan bersungguh-sungguh oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang selalu dapat kita baca daripada laporan akhbar, sindiket-sindiket haram yang memproses dadah telah menggunakan teknologi yang semakin canggih untuk menghasilkan beraneka jenis dadah baru. Ini telah merangsang penyalahgunaan dadah di kalangan remaja yang suka mencuba sesuatu yang baru. Oleh yang demikian, memanglah wajar untuk pihak Kerajaan Barisan Nasional meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dari masa ke semasa

memandangkan kompleksiti masalah pengeluaran, pengedaran dan penyalahgunaan dadah semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang kali ini agak menyeluruh. Memanglah wajar untuk mencadangkan supaya penalti yang lebih berat dikenakan terhadap seseorang yang dituduh di bawah Akta Terpinda, jika beliau pernah dimasukkan ke dalam pusat pemulihan dan mempunyai sabitan lampau berkaitan dengan kesalahan dadah. Walau bagaimanapun, sebelum Dewan yang mulia ini meluluskan cadangan pindaan tersebut, kita patut merenung kenapa mereka yang telah dibebaskan daripada pusat serenti atau penjara, masih terlibat semula dengan kesalahan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kata pepatah, 'mencegah lebih baik daripada merawat'. Kita mesti sedar bahawa tujuan utama Dewan Rakyat meluluskan hukuman yang berat untuk sesuatu kesalahan, sebenarnya adalah untuk mencegah sesuatu kesalahan daripada berlaku, dan bukannya kerana Parlimen suka menyeksa pesalah. Apabila kita mendapati ramai bekas pelatih pusat pemulihan atau pusat serenti atau bekas banduan yang pernah dipenjarakan kerana kesalahan dadah, masih terbabit dengan kesalahan dadah setelah dibebaskan, terlebih dahulu kita sepatutnya menganalisa dan mengkaji, di manakah kelemahan sistem pemulihan yang sedia ada dalam pusat pemulihan mahupun dalam penjara.

Kedua-dua pusat pemulihan dan penjara, mempunyai fungsi dan tanggungjawab untuk membimbing pesalah dadah yang ditahan di dalamnya, menjalani kehidupan yang baru menurut norma-norma dan nilai-nilai moral yang diterima oleh masyarakat. Bilangan bekas pesalah dadah yang mengulangi kesalahan dadah, sepatutnya adalah minimum jikalau proses pemulihan telah dilaksanakan dengan sempurna.

Sekiranya kerajaan menghadapi masalah ketidakcukupan sumber untuk melaksanakan program-program pemulihan dengan memuaskan, maka saya mencadangkan agar kerajaan bertindak dengan lebih terbuka dengan memperbanyakkan penglibatan pertubuhan-pertubuhan keagamaan dalam membantu memulihkan para pesalah dadah. Membantu mereka yang pernah terlibat dengan kesalahan dadah bagi memulakan satu lembaran hidup yang baru, merupakan satu tanggungjawab yang murni. Sehubungan dengan itu, kerajaan seharusnya memberikan lebih banyak peluang kepada persatuan-persatuan sukarelawan dan keagamaan untuk turut terlibat dalam projek yang murni ini.

Kita mesti memandang serius program pemulihan yang dilaksanakan ke atas penagih-penagih dadah. Ini bukan sahaja bagi mengurangkan kemungkinan bekas penagih terlibat semula dengan kesalahan dadah tetapi juga untuk memastikan wang rakyat tidak dibelanjakan dengan sia-sia. Mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang mengulangi kesalahan dadah tidak sepatutnya menjadi pilihan pertama dalam usaha mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa terdapat banyak pertubuhan keagamaan yang bersedia untuk membantu para penagih dadah meninggalkan tabiat yang tidak sihat ini. Dalam soal ini, pertubuhan-pertubuhan keagamaan harus diberi lebih banyak peluang, di dalam mahupun di luar pusat pemulihan, untuk turut memberikan sumbangan mereka. Kerajaan harus mempelawa pertubuhan-pertubuhan keagamaan untuk memberikan ceramah serta mengadakan aktiviti-aktiviti yang bermakna secara berkala di dalam pusat-pusat pemulihan dan penjara, bagi membantu menyedarkan mereka yang sesat dalam perjalanan hidup, supaya kembali ke jalan yang betul. Ini bukan sahaja sesuai dan perlu untuk pesalah-pesalah dadah, tetapi juga berfaedah kepada banduan-banduan penjara yang terlibat dengan kegiatan jenayah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif juga perlu diambil untuk memperbaiki kualiti hidup dalam pusat-pusat pemulihan bagi mengurangkan kejadian pelatih-pelatih cuba melarikan diri atau merusuh. Kita mesti ingat bahawa objektif utama penagih-penagih dadah dihantar ke pusat-pusat pemulihan, adalah supaya mereka dapat dibantu untuk menjalani kehidupan yang normal, dan bukannya untuk menghukum atau mendera mereka.

Memandangkan masalah kesesakan sering wujud di pusat-pusat serenti yang dikendalikan oleh kerajaan di bawah jagaan Kementerian Dalam Negeri, kerajaan harus

menggalakkan pertubuhan-pertubuhan keagamaan menubuhkan pusat-pusat pemulihan dadah mereka sendiri. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan peruntukan kewangan yang sewajarnya kepada pusat-pusat pemulihan dadah yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan keagamaan mengikut bilangan pelatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya mengadakan seminar serta kempen kesedaran mendidik orang ramai agar turut membantu mereka yang pernah ditahan kerana kesalahan dadah, memulakan kehidupan yang baru setelah mereka dibebaskan. Ahli-ahli keluarga patut sentiasa memberi sokongan moral dan galakan kepada golongan ini. Di samping itu, para majikan juga harus membantu golongan ini, dengan menawarkan kepada mereka satu peluang pekerjaan, supaya mereka dapat hidup berdikari dan diserap masuk semula ke dalam masyarakat sebagai seorang insan yang normal dan mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu melaungkan slogan "Masyarakat Penyayang". Semangat masyarakat penyayang ini sebenarnya tidak terbatas kepada membantu mereka yang cacat, sakit tenat atau yang miskin. Konsep ini sebenarnya turut menuntut rakyat Malaysia supaya memaafkan kesalahan orang lain pada masa yang lampau dan membantu mereka memulakan satu kehidupan baru yang sihat dan sejahtera. Dalam konteks pemulihan bekas penagih dadah, masyarakat umum mesti menyambut mereka kembali ke dalam kehidupan bermasyarakat dengan sikap yang mesra dan terbuka. Para majikan patut memberikan peluang pekerjaan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita meminggirkan golongan ini kerana kesalahan mereka pada masa yang lampau. Ramai bekas penagih dadah kembali ke jalan yang penuh dengan maksiat adalah kerana mereka menghadapi kesukaran untuk bergaul semula dengan masyarakat setelah dibebaskan. Manusia mana yang tidak membuat kesalahan. Sebagai sebuah masyarakat yang penyayang dan prihatin setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu mereka mengelakkan daripada mengulangi kesalahan yang sama pada masa yang akan datang. Apabila masalah penyalahgunaan dadah dapat diredakan seluruh masyarakat akan menikmati manfaatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membaca laporan akhbar tentang pengedaran dadah dengan teliti, kita akan mendapati bahawa ramai pengedar dadah yang dihadapkan ke mahkamah dan disabitkan kesalahan sebenarnya berasal dari latar belakang yang miskin.

Semua daripada kita tahu bahawa pengedaran dadah cukup menguntungkan, kenapa ketika pengedar-pengedar dadah ditangkap ramai mereka masih belum menjadi kaya. Jawapannya mudah, kebanyakan mereka yang ditangkap adalah alat kepada pengedar dadah sahaja. Mereka cuma merupakan alat kepada sindiket-sindiket pengedaran yang besar. Sindiket-sindiket ini mungkin mempunyai jaringan pengedaran di banyak negara seperti semasa wakil Ahli Parlimen daripada Malaysia menghadiri mesyuarat IPO di Bangkok pada awal September tahun lalu, kita dapati bahawa daripada maklumat-maklumat yang kita dapati bahawa memang pengedaran dadah melalui *golden triangle* masih ada mempunyai satu masalah yang besar kepada semua negara ASEAN. Sudah ada satu usul yang dibawa oleh wakil daripada Malaysia bahawa kita perlu menubuhkan satu jawatankuasa untuk meninjau tentang hal ini dan jika perlu semua wakil daripada sepuluh negara ASEAN akan melawat negara Burma untuk mencari formula atau cara-cara pencegahan bagaimana kita dapat mencegah sindiket-sindiket pengedaran dadah yang besar itu.

Sindiket-sindiket ini mungkin mendapatkan banyak jaringan dan perlu usaha sama daripada semua negara ASEAN, negara Asia dan juga di seluruh dunia dalam hal ini. Dengan keuntungan yang banyak sindiket ini mampu mengupah penasihat undang-undang bagi tujuan melindungi dan menguruskan perniagaan haram mereka. Oleh yang demikian pihak-pihak berkuasa yang memerangi masalah pengedaran dadah juga patut turut memperlengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya bagi membanteras kegiatan sindiket-sindiket pengedaran dadah dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, murid sekolah rendah pun sudah tahu dan sedar bahawa pengedaran dadah.....

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Shah Alam berdiri, Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Chang See Ten: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Saya tertarik hati bila Yang Berhormat bagi Gelang Patah menyentuh tentang punca masalah bekalan dadah ini. Saya fikir Yang Berhormat bagi Gelang Patah pun sedar bahawa Malaysia ini ia boleh ditakrifkan bukan atau *non drug-producing country*, kerana *drugs* dalam Malaysia ini bukannya datang daripada hasil yang kita keluarkan di Malaysia. Ia datang daripada luar dan kadang-kadang Malaysia dijadikan sebagai *transit point*, ia pun macam teknologi juga, ia ada *drug hubbing* maknanya *drug* yang datang ke Malaysia ini dia *distribute* dekat luar.

Jadi saya ingat daripada segi kawalan Yang Berhormat kalau kita boleh banteras ini maknanya kita punya kawalan kemasukan ini diperkuat dan diperkukuhkan, maknanya dari segi kekuatan dalaman, saya ingat 90% masalah *drug* ini boleh diselesaikan. Yang *spill-over* sikit-sikit itu kita boleh menangani. Tadi Yang Berhormat kata sebut ASEAN *Inter-Parliamentary Organization* (IPO) yang telah pun mengeluarkan beberapa resolusi tentang betapa perlu punca di *golden triangle* ini, contohnya ialah di utara Myanmar yang bersempadan dengan Thailand dan juga Laos ini. Ini Yang Berhormat adalah *conflict area*, sekarang ini kita tengok bahawa masalah yang berlaku di Myanmar dengan Thailand. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat supaya masalah *dual-politic* ini diselesaikan mengikut *spirit* ASEAN supaya masalah punca *drug* ini dapat distopkan sama sekali.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa negara kita ini bukan mengeluarkan dadah tetapi kenapa masalah dadah masih serius. Ini adalah kerana kemungkinan kita masih mempunyai banyak kelemahan dalam usaha-usaha penguatkuasaan undang-undang dan kawalan. Saya tadi ada berkata semasa mesyuarat IPO Malaysia adalah negara yang berani membawa perkara ini untuk diluluskan satu usul yang mana kita perlu kerjasama dari semua negara ASEAN dalam hal ini. Oleh yang demikian usul telah diluluskan tetapi apa yang penting sekarang adalah supaya usul yang diluluskan dalam IPO itu dapat kerjasama dari semua pemimpin negara ASEAN supaya ia dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana ini adalah satu hal yang sangat penting dan saya berharap dengan usaha kita, kita akan dapat mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berkata murid sekolah rendah pun sudah tahu dan sedar bahawa pengedaran dadah melebihi berat tertentu boleh dihukum mati mandatori. Kenapa masih terdapat individu yang sanggup dan rela menggadaikan nyawa menjadi alat pengedar dadah kepada sindiket-sindiket pengedaran dadah. Kita mempunyai asas untuk dipercayai bahawa sebahagian daripada mereka sanggup berbuat sedemikian adalah kerana mereka tidak menemui cara lain untuk menamatkan kehidupan yang miskin. Ini membangkitkan isu pengagihan kekayaan negara secara lebih adil dan saksama.

Walaupun sekarang masih belum sampai masanya untuk kita menjadi sebuah negara kebajikan atau *welfare state*, sekurang-kurangnya kerajaan mesti memastikan setiap polisi dan rancangan pembangunan dapat membantu golongan yang miskin tanpa diskriminasi antara kaum, memperbaiki mutu kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu parti-parti politik yang mempunyai cawangan di segenap pelosok negara juga mesti peka terhadap masalah kemiskinan tempatan. Ini parti-parti politik tidak kira dari Barisan Nasional atau pembangkang. Kemiskinan keluarga di setiap daerah dan kawasan perlu diberi perhatian dan dihulurkan bantuan dengan sewajarnya. Kita mesti bertindak dengan proaktif supaya rakyat kita tidak dipaksa secara tidak langsung untuk menjadi alat pengedar dadah kerana terdesak oleh masalah kewangan. Tidak ada perbezaan nilai di antara nyawa golongan yang miskin dan nyawa golongan yang berada. Nyawa setiap manusia adalah tidak ternilai harganya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian saya menyokong pindaan kepada rang undang-undang meminda Akta Dadah Berbahaya 1992. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

12.12 tgh.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2002.

Sebagaimana yang diakui oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan bahawa masalah penagih dadah ini merupakan satu masalah yang serius dalam negara kita dan angka penagih dadah ini sudah pun mencecah sehingga 224,000 mengikut angka yang rasmi. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan bahawa bagi setiap seorang penagih dadah yang rasmi itu ada empat orang yang tidak rasmi ataupun yang tidak berdaftar. Maknanya kalau pandangan ini benar di Malaysia ini kita mempunyai tidak kurang daripada 800,000 orang penagih dadah di seluruh negara yang tentunya menjadi suatu masalah dan ancaman yang serius kepada negara.

Di Malaysia sendiri pun mengikut jawapan yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri kepada saya kita ada 28 buah pusat serenti di seluruh negara. Kalau kita bahagikan kepada 14 maknanya kita ada dua secara puratanya pusat serenti bagi setiap negeri. Bilangan pusat serenti ini nampaknya lebih banyak daripada universiti yang ada di seluruh Malaysia. Jadi, ini suatu petanda yang tidak baik kepada negara kita dan menjadi suatu ancaman serius untuk masa depan di dalam negara ini sendiri. Kerana itu saya mengalu-alukan kesungguhan kementerian dan juga kerajaan untuk mengatasi masalah penagihan dadah ini dan rang undang-undang yang dikemukakan pada hari ini merupakan salah satu daripada cara..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat daripada Jeli. Hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa yang mengatakan bahawa terdapat 28 buah pusat serenti di seluruh negara dengan nisbahnya kalau dibuat perkiraan nisbah dua pusat serenti bagi tiap-tiap negeri. Yakni satu angka yang mengatasi bilangan universiti IPTA di negara kita. Saya juga ingin bertanya mengikut maklumat yang diperolehi oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga, apakah bilangan-bilangan mahasiswa, dengan izin, di pusat-pusat serenti ini dari tahun ke tahun semakin berkurangan ataupun semakin bertambah? Minta penjelasan.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Penjelasan itu kita minta pihak kementerian untuk menjawab [*Ketawa*]. Saya tidak ada kapasiti untuk menjawab. Walau bagaimanapun, mengikut angka yang diberikan oleh pihak kementerian sekarang ini ada 9,157 orang semua sekali di seluruh pusat serenti yang ada di dalam negara dan yang ada di dalam pusat serenti ini kalau kita bandingkan dengan angka 223,000 yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen ini maknanya ramai di luar daripada di dalam dan yang berada di luar ini tentunya lebih bahaya daripada yang ada di dalam.

Jadi balik kepada perbincangan yang disebut, saya mengalu-alukan usaha untuk mengatasi masalah penagihan dadah ini. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya kalau sekadar kita meningkatkan hukuman semata-mata, tidak akan berjaya untuk mengatasi masalah yang serius ini. Kerana kalau kita melihat kepada Akta Dadah Berbahaya ini sudah ada satu peruntukan yang keras di dalam ini, seksyen 39B sebagai contohnya, telah menjadikan hukuman mati mandatori kepada mereka yang terlibat mengedarkan dadah.

Tetapi kita lihat walaupun hukuman ini telah ada begitu lama di dalam akta ini namun sampai sekarang kita tidak dapat mengatasi masalah penagihan dadah bahkan angkanya terus meningkat setiap tahun, dan kita terpaksa menambah bilangan pusat

serenti ini dan mungkin lepas ini akan menjadi lebih banyak lagi daripada pada masa-masa yang lepas.

Maknanya di sini ada sesuatu yang tidak kena. Hukuman yang berat yang dikenakan dalam undang-undang sahaja tidak cukup untuk mengatasi masalah ini. Ada perkara-perkara yang pada pandangan saya lebih mustahak untuk diberikan perhatian oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini. Macam orang putih kata, mesti ada *something wrong somewhere*, ada sesuatu yang tidak kena di mana-mana di dalam kehidupan.

Kalau kita melihat kepada masalah penagihan dadah ini memang banyak faktor orang menagih dadah. Antaranya ialah kerana kecewa di dalam hidup, ada kerana hendak mencari pengalaman, kadang-kadang ikut kawan-kawan, kadang-kadang tertipu dan macam-macam cara lagi.

Tetapi faktor-faktor ini pada pandangan saya kalau secara kasarnya boleh kita bahagikan kepada tiga ataupun empat faktor yang utama. Pada pandangan saya yang paling besar kita melihat ialah kurangnya pendidikan dan penghayatan agama di kalangan anggota masyarakat kita terutamanya generasi yang baru.

Generasi yang baru ini kalau kita buat pemerhatian secara rambang, kita akan melihat sebahagian daripada mereka tidak mempunyai asas kefahaman agama yang cukup, yang boleh membantu mereka untuk menghadapi hidup. Kita dengar banyak maklumat-maklumat daripada pihak Kementerian Pendidikan, daripada guru-guru bagaimana ada pelajar-pelajar kita yang berada di tingkatan lima tidak tahu cara bagaimana untuk berwuduk. Berada di tingkatan lima tetapi tidak tahu menunaikan sembahyang.

Ini perkara-perkara yang fundamental bagi orang Islam, ini perkara yang asas yang sepatutnya sudah selesai bagi seorang pelajar bila dia sudah berada di tingkatan satu. Tetapi ada ramai di kalangan pelajar tingkatan lima pun tidak selesai lagi masalah-masalah yang asas ini. Ini menunjukkan satu kepincangan yang besar, yang berlaku di dalam masyarakat.

Bila kefahaman agama tidak cukup maka dengan sendiri penghayatan kepada agama juga lemah, bagaimana mereka dapat menghayati sesuatu yang mereka tidak faham. Sebab itulah kefahaman agama ini perlu ditingkatkan di kalangan masyarakat. Lebih-lebih lagi dalam menghadapi arus pemodenan dan juga pembangunan kebendaan yang begitu hebat melanda dunia pada hari ini. Kalau tidak ada satu asas yang kukuh di dalam diri anggota masyarakat kita memang sukar untuk mereka berhadapan dengan cabaran-cabaran yang berat ini.

Bila saya bercakap tentang agama, saya tidak fokuskan hanya kepada agama Islam kerana kita di Malaysia ini suatu rahmat daripada Allah S.W.T., majoriti rakyat Malaysia mempunyai pegangan agama. Orang Melayu dengan agama Islamnya, orang Cina dengan agama mereka, orang India dengan agama mereka, tetapi sayangnya kefahaman dan penghayatan agama ini rendah. Bukan sahaja di kalangan orang Melayu yang beragama Islam tetapi hampir semua bangsa dan penganut-penganut agama di Malaysia ini yang tidak mempunyai asas agama yang cukup pada diri mereka. Ini yang menjadi masalah yang besar. Orang Kristian tidak memahami agama Kristian dan tidak menghayati ajaran Kristian. Orang Hindu tidak memahami agama Hindu dan tidak menghayati ajaran Hindu.

Sedangkan agama ini kalau semua di kalangan kita ini menghayati ajaran agama suasana akan jadi lebih baik daripada apa yang kita tengok pada hari ini, kerana agama ini berdasarkan, kalau kita baca dalam buku-buku ataupun kita mempelajari perbandingan agama secara umumnya seluruh agama sama ada agama Samawi ataupun agama Langit dan juga agama budaya membawa dua perkara yang besar, inti daripada ajaran agama ini iaitu menyuruh berbuat baik dan melarang daripada melakukan perkara yang buruk. Ini adalah inti kepada seluruh ajaran agama.

Kita ambillah agama apa pun, kita akan dapati inilah fokus ataupun orang putih kata *gist* daripada ajaran agama ini. Dan kalau seluruh penganut agama ini menghayati dua perkara yang asas ini maka tentulah kita akan hidup dalam satu suasana yang lebih baik dan kita tidak akan berdepan dengan masalah-masalah yang banyak seperti mana yang dihadapi pada hari ini. Jadi ini

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Baling.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita bercakap mengenai dadah, minta penjelasan. Salah satu antara yang kita terbayang pada kita ialah PEMADAM, suatu agensi yang diberi tanggungjawab yang begitu lama dalam mengatasi masalah dadah. Dahulu kalau cakap dadah kita nampak generasi yang lebih banyak terlibat ialah orang-orang yang berada di dalam kawasan-kawasan bandar, di pinggir-pinggir bandar.

Tetapi sekarang ini kita nampak masalah dadah makin hari makin meningkat termasuk menjejaskan keadaan suasana ketenangan, kedamaian yang selama ini pernah dinikmati oleh masyarakat kampung. Masyarakat-masyarakat kita di kampung-kampung juga berhadapan dengan masalah dadah ini sendiri.

Jadi, nampaknya sekarang ini yang berpendidikan atau tidak berpendidikan, yang di bandar atau di luar bandar, di pinggir bandar dan sebagainya, semuanya telah diliputi dengan ancaman dadah berbahaya ini. Jadi, dengan kerana itu maka apakah Yang Berhormat boleh berpuas hati dengan peranan PEMADAM khususnya dan pihak-pihak agensi yang tertentu dalam usaha-usaha mereka selama ini yang boleh dikatakan hampir puluhan tahun, yang memakan masa yang banyak, yang melibatkan perbelanjaan, tenaga dan sebagainya dalam soal-soal ini.

Yang Berhormat tadi membangkitkan soal pendidikan agama yang bukan sahaja diberi penekanan kepada pendidikan agama Islam tetapi juga dalam agama-agama lain. Apakah PEMADAM mengambil suatu inisiatif yang begitu serius dalam memberikan pengisian untuk mengatasi perkara-perkara ini dengan pendekatan bagi Islam, pendekatan Islam. Dan mungkin bagi yang bukan Islam dengan pendekatan-pendekatan yang tersendiri, yang sesuai dengan mereka. Sedangkan masalah pengedaran dadah juga makin meningkat. Jadi, ini saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Pada pandangan saya PEMADAM ada program dan juga usaha yang dibuat tetapi banyak yang perlu diperbaiki. Dan kita melihat hanya dalam tempoh kebelakangan ini baru nampak ada usaha yang agak bersungguh-sungguh daripada pihak PEMADAM untuk mengatasi masalah ini.

Pada masa-masa yang lepas PEMADAM ini seolah-olah hampir tidak wujud dan banyak orang tidak tahu PEMADAM ini ada kerana tidak berfungsi dengan sebaiknya. Saya melihat kelemahannya mungkin kerana ia dipimpin oleh orang politik yang biasanya suka mempolitikkan apa sahaja perkara yang ada pada mereka. Jadi, sebab itu peranan PEMADAM ini perlu dipertingkatkan untuk membantu pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Balik kepada apa yang saya sebut tadi ialah tentang soal pendidikan dan penghayatan agama. Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa perlu kepada kita semua dan pihak kerajaan perlu memberikan perhatian kepada perkara ini dan kerajaan perlu memberikan penekanan dan usaha yang lebih kepada membentuk kefahaman dan pendidikan agama di dalam masyarakat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat, Tebrau. Hendak bagi jalan?

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Sekejap-sekejap, saya hendak habiskan. Dan kerana itulah tidak sepatutnya kerajaan menjadikan mereka yang mahu mendidik anak-anak mereka secara agama ini sebagai sasaran untuk dikritik seperti mana yang dibuat oleh penasihat agama Perdana Menteri baru-baru ini yang menggunakan satu istilah untuk merendah-rendahkan mereka yang menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah tahfiz dengan istilah '*tadayyun mankus*'. Istilah ini satu istilah yang baru, saya pun tidak pernah jumpa di dalam tulisan-tulisan yang dibuat.

Walaupun boleh jadi ada kebenaran, maknanya kalau kita hantar anak belajar tahfiz Quran semata-mata dengan tidak mempedulikan mata pelajaran-mata pelajaran moden mungkin menyukarkan anak-anak kita untuk *compete*, untuk bersaing di dalam dunia moden. Tetapi janganlah kerana itu semata-mata kita menjadikan usaha yang baik ini walaupun mungkin ada kelemahan sebagai sasaran yang begitu diberikan

perhatian dan diserang dengan begitu terbuka dan secara bersungguh-sungguh, dijadikan fokus di dalam media masa.

Sedangkan ada aspek lain lagi yang lebih teruk daripada itu. Mereka yang tidak mempedulikan agama langsung, yang hanya mementingkan soal ilmu-ilmu semasa semata-mata, memikirkan soal *skill*, kebolehan dan mengetepikan soal agama untuk anak-anak mereka, inilah sepatutnya menjadi sasaran yang lebih berat, yang sepatutnya perlu dikritik oleh penasihat agama kepada Perdana Menteri.

Mereka yang ekstremis sekular dalam pemikiran, yang tidak mempedulikan agama dalam mendidik anak-anak mereka, inilah yang sepatutnya dikritik oleh penasihat Perdana Menteri kerana inilah punca kepada masalah. Orang-orang yang memahami agama menjadi hafiz Al-Quran, walaupun dia boleh jadi tidak ada ilmu semasa tetapi insya-Allah dia akan menjadi insan yang baik. Dia tidak akan menjadi beban kepada masyarakat kerana dia ada Al-Quran di dalam dirinya yang boleh memimpin dan memandunya di dalam kehidupan.

Mereka yang menjadi beban kepada masyarakat, penagih dadah, penjenayah dan sebagainya, ialah mereka yang tidak ada asas agama yang kukuh, mereka yang tidak memahami agama, yang tidak menghayati agama dalam kehidupan, inilah yang menjadi beban kepada masyarakat. Jadi, ini terbalik fokus yang diberikan oleh penasihat Perdana Menteri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Ada yang janji, hendak bagi dulukah? Bagaimana?

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Dia tidak bangun, bagi yang lainlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, oh dia tidak bangun. Tidak pakai yang tadi, ya. Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ada menyebut berkenaan dengan perkataan ekstremis sekular. Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit penjelasan dalam masyarakat Malaysia sekarang ini, berapa ramaikah golongan-golongan yang termasuk di dalam ekstremis sekular ini? Kalau hendak bandingkan dengan apa yang disebutkan oleh pihak penasihat agama di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini dadah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Oleh kerana Rantau Panjang minta angka, saya minta *notis*lah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa oleh kerana banyak sangat orang menyerang mereka yang menghantar anak-anak mereka ke tahfiz, yang lebih mengecewakan yang menyerang itu ialah penasihat agama kepada Perdana Menteri.

Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa setakat ini umur Yang Berhormat sudah 40 tahun lebih, berapa orang yang hafiz Al-Quran disabitkan dengan kes-kes penyalahgunaan dadah setakat ini, mengikut maklumat Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, di kalangan yang hafiz Al-Quran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu ada masuk sikit Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Seperti mana yang saya sebut tadi, angka tidak ada pada saya tetapi setakat pengetahuan umumnya tidak kedengaran mereka yang menjadi hafiz Al-Quran ini yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Kalau maklumat umum ini benarlah, alhamdulillah.

Jadi, sebab itu saya hendak balik kepada apa saya sebut tadi, soalnya ialah songsangnya pemikiran di kalangan pemimpin-pemimpin negara dalam menangani perkara ini. Kita bercakap tentang soal penagihan dadah tetapi dalam masa yang sama kita tidak cuba mencari punca kepada masalah.

Undang-undang ini ialah aspek *punishment*, hukuman kepada apa yang sudah berlaku tetapi sepatutnya kita memberikan perhatian kepada aspek pencegahan lebih. Sebab itulah mencari *roots* ataupun *cause* kepada masalah itu lebih utama. Saya lebih suka kita menggunakan pendekatan *homeopathy*.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Alwi bin Jusoh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dua orang berdiri, Kemaman berdiri dahulu. Mana hendak bagi?

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Bagi yang berdiri dululah. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berdiri dahulu. Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya mengenai pendidikan agama ini. Baru-baru ini Perdana Menteri kita menyatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan orang-orang Melayu tidak dapat kerja ialah kerana ramainya orang Islam ini menghantar pendidikan dalam jurusan agama dan sebagainya. Saya hendak tahu adakah ini merupakan satu penghinaan juga kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga belajar dalam jurusan agama. Saya minta penjelasan sedikit. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak berkaitan dengan dadah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Boleh jadi Perdana Menteri hendak sendiri Timbalan Perdana Menteri, boleh jadilah, saya pun tidak tahu. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk dadah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya memang cakap pasal dadah tetapi soalan banyak yang

Jadi, kalau balik kepada persoalan tadi, sebab itulah dalam usaha untuk mengatasi masalah penagihan dadah ini perlu ada pendekatan bukan setakat pendekatan *allopathy* kalau dalam perubatan disebut *allopathic approach*, pendekatan *allopathy* iaitu mengubati *symptom* kepada penyakit tetapi perlu juga ada pendekatan *homeopathy* iaitu mencari punca kepada penyakit.

Kalau kita tidak boleh menyelesaikan punca kepada penyakit, kita tidak boleh mengatasi masalah penagihan dadah ini sampai bila-bila pun. Sebab itulah kita dengar tadi dan kita baca akhbar, penagih-penagih yang dimasukkan ke dalam pusat serenti apabila mereka keluar daripada pusat serenti, hampir seratus peratusnya kembali menjadi penagih. Maknanya masalah itu berada di dalam masyarakat.

Masyarakat yang tidak dapat dibersihkan daripada dorongan-dorongan dan punca kepada masalah penagihan dadah. Ini yang menjadikan mereka bila balik ke dalam masyarakat, menjadi penagih semula.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Ya, Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa sepanjang yang kita teliti dan kita lihat bahawa kerajaan sendiri tidak serius ataupun tidak bersungguh-sungguh dalam mengatasi masalah penagih dadah

ini? Dan saya dapati bukti nyatanya pengedaran dadah ini bukan sekadar berlaku di kampung, berlaku di bandar tetapi di pusat serenti sendiri. Dalam pusat serenti itu sendiri berlaku pengedaran dadah.

Dalilnya bila ada anak-anak buah - anak buah sayalah dalam kawasan Parlimen saya sendiri - bila dia balik, dia sebut, "Di pusat serenti sendiri, Ustaz, bahawa pengedaran dadah itu berlaku". Jadi, kalau di pusat serenti sendiri berlaku, bagaimana yang di luar? Bagaimana di tempat lain? Jadi, itu yang saya sebutkan bahawa tidak ada keseriusan itu.

Sepatutnya bila satu sekolah dibuka, maka satu pusat serenti ditutup. Begitu keadaannya tetapi satu sekolah dibuka, dua pusat serenti dibuka. Satu sekolah buka, tiga pusat serenti dibuka. Bukan serentak berhenti tetapi serentak masuk. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Ya lah, untuk tambahan. Bukan sahaja berlaku pengedaran dadah di pusat-pusat serenti tetapi mengikut maklumat yang ada pada kita, di dalam lokap-lokap di balai polis pun berlaku juga pengedaran dadah ini. Jadi, ini menunjukkan kepincangan yang banyak berlaku dalam masyarakat, kepincangan sistem yang saya hendak sentuh selepas daripada ini.

Jadi, berbalik kepada fokus yang saya sebut tadi, sebab itulah saya hendak tekankan kerajaan...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Ha, bagi Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya bagi, ha sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak Yang Berhormat berucap dan juga dengan soalan tambahan daripada rakan-rakan satu parti, perkara yang disebut hanya kesalahan kepada kerajaan sahaja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Mesti, mesti!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dan sehinggakan di pusat serenti pun, dia katakan orang keluar, orang yang di dalam pun terlibat. Begitu juga kalau tahan dalam lokap, dia kata orang menahan itu pun terlibat sama.

Tuan Yang di-Pertua, kes dadah ini serius. Saya ingat tidak ada satu manusia pun suka. Jadi, dalam perkara ini, semua pihak kena bertanggungjawab, termasuklah kita sebagai Ahli Parlimen dan ibu bapa juga bertanggungjawab sama. Kita tidak boleh tuduh macam tadi ada Yang Berhormat cakap, masalah penagih dadah dalam PEMADAM ini dipolitikkan. Tidak ada! Semua yang bekerja dalam PEMADAM adalah sukarela hendak mencari jalan hendak mengatasi dadah ini, Yang Berhormat, tidak semudah cakap. Cakap senang. Ini selesailah, kalau saya memerintah selesai semua masalah dadah. Di Kelantan selesaikah? Di Terengganu selesaikah? Tidak selesai!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Apa soalnya?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tetapi maknanya hendak buat itu berhati-hatilah. Cakap dengan cara yang baik, macam mana cara yang betul, bukan tuduh. Jadi, saya minta Yang Berhormat macam mana dengan kes ini? Kita pun sama-sama bertanggungjawablah, jangan menuduh kerajaan sahaja.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Apa soalnya?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalnya sama jugalah, pihak Kerajaan PAS Kelantan pun terlibat juga dalam kes ini. *[Disampuk] [Ketawa]*

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Tidak ada soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa tanggungjawab untuk mengatasi masalah penagih dadah adalah tanggungjawab semua. Saya setuju. Tetapi sekarang kita bercakap di Parlimen, kita tujukan kepada kerajaan. Kita memberikan pandangan dan memberikan komen supaya pihak kerajaan boleh memperbaiki usaha-usaha untuk mengatasi penagihan dadah. Apa gunanya di Parlimen ini kalau kita mengkritik orang

kampung yang tidak dengar? *[Ketawa] [Tepuk] [Sorak]* Itu kena faham. Kita ada tempat di mana kita bercakap dan kita *address* kepada orang yang ada di tempat itu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan kah atau tidak bagi?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau, Tebrau! Dia bagi Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya setuju, cakap di Parlimen memang baik, tetapi cakap di Parlimen ini berhati-hati jugalah. Kadangkala yang dicakap itu tidak betul dan orang lain tidak boleh mempertahankan diri. Di tuduh ke lokap-lokap, maknanya tuduh polis! Kalau di serenti, tuduh orang! Ini pun kadang-kadang yang tidak buat pun dilibatkan sama.

Yang saya katakan tadi, maknanya bercakap itu berhati-hati. Janganlah ikut suka hati sahaja melibatkan orang yang tidak boleh hendak menjawab. Ada soalan yang tidak betul.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Dia tidak ada soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya begini. Saya tidak membuat tuduhan. Tidak ada tuduhan dalam apa yang saya sebut. Saya menyebut ada maklumat. Kalau maklumat ini tidak betul, pihak kementerian boleh menafikan.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Bukan Tebrau yang menafikan.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya tidak buat apa-apa tuduhan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau bangun.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya hanya sebut....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan lagi?

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah:... saya ada maklumat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu, dia tengah bercakap.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Ada maklumat yang mengatakan berlaku pengedaran dadah di pusat serenti dan berlaku pengedaran dadah di dalam lokap. Kalau perkara ini tidak benar, pihak kementerian sama ada Kementerian Kesihatan atau Kementerian Dalam Negeri boleh menafikan dan menteri ada ruang untuk membuat penjelasan selepas daripada ini. Bukan Yang Berhormat bagi Tebrau yang perlu menjelaskan perkara ini. *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi jalan lagi? Tebrau berdiri.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya tidak bagi jalan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dia....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Kalau dia hendak bercakap macam itu, saya tidak bagi. Kalau ada soalan, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak bagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Kalau hendak bercakap macam itu, saya tidak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak benarkan.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini sahaja boleh bercakap, okaylah!

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Kalau hendak lalu, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Nanti giliran saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Ha, nanti tunggu giliran.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini Hulu Terengganu.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Hulu Terengganu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Saya tertarik dengan apa yang dibincangkan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tentang punca-punca penagihan dadah dan sebagainya seperti yang dibentangkan.

Cuma saya hendak maklumkan, kalau Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya bahawa ada satu punca yang baru yang tersorok sebenarnya. Mungkin kita tidak sedar di mana pengedar-pengedar dadah yang ditangkap dan tidak ada bukti yang kukuh telah diambil tindakan buang daerah. Apa yang kita rasa ajaib dan yang rasa peliknya ialah dalam satu taklimat yang saya hadiri dengan pihak polis, sejak satu dua tahun kebelakangan ini, pesalah buang daerah di kalangan pengedar dadah ini telah meningkat dengan begitu ketara sekali di Terengganu dan di Kelantan.

Pengedar-pengedar di luar Terengganu dan Kelantan yang didapati bersalah tetapi tidak mempunyai bukti yang cukup ini dibuang ke Terengganu dan Kelantan. Akibatnya, berlaku penagih-penagih baru dalam masyarakat kerana mereka yang dibuang daerah ini bebas bergerak dalam masyarakat. Jadi, penagih baru dan lama mula berdekat-dekat dengan pengedar profesional ini.

Jadi, kesannya ada sedikit sebanyak peningkatan yang berlaku dalam daerah di kampung-kampung kita. Saya bimbang dan takut ini juga dijadikan satu perkara untuk mendapatkan keuntungan politik seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tebrau tadi, Terengganu dan Kelantan pun ada penagih dadah juga. Tetapi kalau kita perhatikan punca yang baru ini, seperti ada satu usaha sabotaj yang hendak dibuat kepada dua kerajaan ini untuk menambah atau meningkatkan bilangan penagih.

Kalau ini benar, ini satu perkara yang sangat memalukan dan sesuatu yang sangat mendukacitakan. Jadi, ini juga perlu diambil perhatian bahawa ia adalah satu punca baru yang kalau tidak kita tengok dengan serius, ia akan menjadi satu perkara yang merebak dengan pesat walaupun niatnya ke lain perginya, tetapi demi untuk masyarakat dan negara, ia merugikan sebenarnya. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu kerana memberikan input yang baru kepada perbahasan ini dan saya minta supaya pihak kementerian memberikan perhatian kepada perkara ini dan kalau benar kenyataan ini, maka saya minta pihak kementerian supaya membetulkan keadaan dan mengambil perhatian kepada perkara ini.

Berbalik kepada apa yang saya sebut. Kerana itulah saya minta supaya pihak kerajaan memberikan perhatian kepada perkara ini untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama dan janganlah kita menjadikan mereka yang belajar agama ini sebagai sasaran kepada kritikan kerajaan. Boleh jadi kerajaan tidak puas hati kerana ramai daripada mereka yang berpendidikan agama tidak menyokong kerajaan di dalam pilihan raya tetapi itu tidak sepatutnya menjadi alasan untuk kita menyerang sekolah-sekolah agama dan menyerang mereka yang berpendidikan agama.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Yang Berhormat dari Kinabatangan.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Kerana sumbangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi? Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebetulnya saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat di mana sama ada kerajaan ataupun mana-mana kumpulan harus melihat bahawa ancaman dadah ini begitu menggerunkan sehingga boleh melumpuhkan satu masyarakat. Tetapi saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat di mana Yang Berhormat menyatakan bahawa kerajaan membuat sasaran kepada mereka yang arif dalam agama dalam apa-apa juga soal. Ini tidak betul!

Sebetulnya kalau kita kaji, dalam negara ini, kita memang amat menyanjung tinggi mereka yang mempunyai akademik agama Islam ini khususnya, tetapi tidaklah pula mereka ini boleh memutarbelitkan apa sahaja yang mereka suka. Kita kena fleksibel dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh Allah s.w.t.

Jadi, dalam konteks dadah ini, ini adalah peranan kerajaan dan kita semua memberi penjelasan dan pandangan khususnya kepada masyarakat luar bandar kerana fenomena orang kampung mengedar dadah sudah begitu berleluasa. Mungkin mereka tidak tahu undang-undang ini. Jadi, apabila berlaku mereka mesti dihukum sedangkan mereka daif betul dengan peraturan-peraturan dan undang-undang sehingga boleh dihukum mati ataupun digantung dan sebagainya.

Jadi, peranan kita bersama-sama dengan kerajaan harus menyokong perkara ini dan memberi pengetahuan ilmiah kepada orang-orang kampung, khususnya yang selalu ke *border* ataupun selalu melepasi sempadan ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Kalau Yang Berhormat bagi Kinabatangan melihat dada-dada akhbar dan mendengar ucapan-ucapan pemimpin terutama selepas Pilihan Raya 1999, memang ada satu serangan yang tersusun kepada orang-orang agama dan sekolah-sekolah agama, sama ada secara kenyataan ataupun tindakan. Sebagai contoh di Kelantan sekarang ini, banyak sekolah agama yang belum menerima geran bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Balik kepada dadah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Ditahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya hendak menjelaskan apa yang dia sebut. Selepas ini saya balik. *[Ketawa]* Saya hendak menjelaskan apa yang berlaku di Kelantan. Sampai sekarang ini banyak lagi sekolah yang tidak menerima bantuan yang sepatutnya diberikan kepada mereka mengikut bilangan pelajar di sekolah. Ini contoh tekanan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kepada sekolah-sekolah agama, sedangkan yang belajar di sekolah agama ini bukan anak orang PAS sahaja, anak orang UMNO pun ramai.

Jadi, bila geran ini ditahan, membantutkan perjalanan dan kemajuan sekolah dan yang terjejas ialah seluruh pelajar termasuklah anak ahli-ahli UMNO dan juga ahli-ahli PAS. Jadi, ini contoh yang berlaku.

Yang Berhormat boleh jadi tidak menghadapi keadaan ini di Sabah tetapi saya ada bukti dan kalau kita kutip kenyataan-kenyataan dalam akhbar memang ketara serangan-serangan yang dihadapkan kepada mereka yang belajar agama. Sedangkan orang-orang yang belajar agama....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, masuk kepada dadah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya hendak kaitkan dengan dadah ini.... memainkan peranan untuk mencetuskan kesedaran masyarakat. Bila orang yang berpendidikan agama bercakap supaya kita kembali kepada Islam, kembali untuk menghayati Islam, melaksanakan sistem Islam, secara tidak langsungnya ialah untuk mengatasi masalah penagihan dadah kerana penagihan dadah ini adalah *symptom*.

Begitu juga gejala sosial yang lain seperti jenayah dan sebagainya adalah simptom kepada penyakit yang serius yang ada dalam masyarakat, iaitu kita lari daripada landasan agama. Apa yang berlaku ini adalah kerana manusia lari daripada wahyu Allah s.w.t.. Bila kita lari dalam kehidupan ini daripada wahyu Allah s.w.t., akan berlakulah *side effect*, kesan sampingan kepada penyelewengan kita itu yang lahir dalam bentuk jenayah, yang lahir dalam bentuk salah guna kuasa, yang lahir dalam bentuk rasuah, yang lahir dalam bentuk penyalahgunaan dadah kerana masyarakat yang hidup di atas dasar agama, insya-Allah mereka akan terkawal daripada gejala-gejala yang negatif.

Saya tidak mengatakan bila kita mengamalkan agama, kita boleh bersih 100% daripada maksiat ataupun jenayah tetapi sekurang-kurangnya angka peratus itu boleh kita kecilkan kepada tahap yang paling minimum seperti mana yang telah dibuktikan di dalam sejarah pada zaman Rasulullah s.a.w pada zaman tabiin, pada zaman sahabat, pada zaman khulafah ar-rasyidin. Ini perkara yang hendak saya tekankan.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Padang Terap. Mengenai dadah? Padang Terap, ya.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Ya, memang dadah. *Concentrate on* dadah, dengan izin. Yang Berhormat Pengkalan Chepa, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa peranan golongan agama ini di masjid-masjid dan di surau-surau dan di mana-mana juga mereka diberi peluang, bukan hanya mengatakan dadah itu haram tetapi rokok haram.

Menghisap rokok itu adalah merupakan satu perbuatan haram kerana ia menjejaskan kesihatan. Jadi, ini peranan yang telah dilakukan oleh golongan agama. Cuma kebelakangan ini, tugas ini agak terbantut sedikit oleh kerana mereka ini tidak diberi ruang untuk masuk ke masjid. Macam di Padang Terap umpamanya, wakil rakyat tidak boleh masuk masjid, pada hal bila kita masuk masjid, kita menerangkan peranan ini, tetapi inilah yang menyebabkannya. Oleh kerana politik, kita menghalang banyak hal yang akhirnya masyarakat akan terlibat dengan keadaan-keadaan yang negatif. Adakah Yang Berhormat setuju?

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Setujulah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak terangkan tentang dadah di mana-mana pun boleh Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya setuju. Sebab itulah kerajaan perlu meningkatkan majlis-majlis pengajaran agama di masjid-masjid. Kalau kerajaan tidak suka dengan ustaz-ustaz yang kononnya berpolitik, maka kerajaan perlu menghantar ustaz-ustaz yang tidak berpolitik di masjid. Tetapi tanggungjawab ini selalunya kita lihat bila tidak ada ustaz-ustaz yang kononnya berpolitik, ustaz-ustaz yang tidak berpolitik tidak hadir ke masjid. Dan kalau dia mengajar pun, biasanya tidak ada orang. Tinggal dia dengan tok imam, siak dan bilal sahaja. Jadi, ini yang jadi masalah yang kita hadapi. Saya boleh bersetuju kalau kerajaan menghadkan orang yang betul-betul bercakap politik, *pure politics*, dalam masjid untuk mengelakkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk perkara dadah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Ini hendak kaitkan dengan dadahlah. [Ketawa] Tetapi kerajaan boleh menghantar pegawai-pegawai agama yang diiktiraf oleh

kerajaan untuk mendidik masyarakat kerana Imam Ghazali sendiri dalam kitab Ihya'nya menyebut bagaimana pemerintah ini wajib mewujudkan seorang pengajar di setiap masjid di dalam daerah-daerah untuk mendidik masyarakat tentang Islam. Apabila masyarakat diberi pendidikan yang cukup tentang agama, insya-Allah....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Rantau Panjang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah:....kita boleh mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan? Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, Terima kasih, menyentuh masalah pusat serenti sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa sebentar tadi. Pertamanya saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat sejauh manakah peranan golongan agama ataupun mereka yang berpendidikan agama dalam mengendalikan pusat pemulihan ataupun pusat serenti khususnya fasilitator yang berada dalam itu. Saya dimaklumkan tidak ramai mereka yang berpendidikan agama ini berada di pusat serenti bagi memulihkan mereka ataupun penagih-penagih dadah tersebut,

Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya berikan cadangan kepada Yang Berhormat iaitu sewaktu revolusi Iran berlaku dahulu, sewaktu kejatuhan regimdan pemerintahan Othmaniah memerintah di Iran, waktu mula-mula dia memerintah dahulu kita dapati di bandar Taheran sahaja terdapat lebih daripada 10,000 penagih-penagih dadah dan terdapat lebih daripada 6,000 pelacur-pelacur yang berada di sekitar bandar Taheran. Tetapi apabila pemerintahan Othmaniah mengambil alih mereka itu menangkap semua sekali pelacur-pelacur, penagih-penagih dadah dan diletakkan satu tempat, kalau di sini kita katakan pusat serenti, di sana di pusat tarbiyah dipulihkan.

Cara perlaksanaan mereka itu ialah cara memasukkan fahaman Islam kepada setiap individu sama ada pelacur ataupun penagih dadah. Dan setiap pelacur dan penagih dadah yang berada di tempat pemulihan itu tidak kira masalah berapa lama mereka berada di situ, dan mereka dilepaskan apabila terdapat orang-orang yang sanggup mengambil mereka itu. Sama ada keluarga mereka itu mengambil mereka itu balik pulang ke keluarga itu ataupun seseorang individu yang sanggup mengambil mereka itu untuk menjaga dan membimbing seterusnya memberi satu pekerjaan kepada mereka itu atau ada syarikat-syarikat ataupun mana-mana individu yang mempunyai pekerjaan ambil mereka itu beri pekerjaan dahulu barulah dilepaskan. Kalau tidak ada orang yang sanggup mereka tidak akan terlepas begitu sahaja. Ini apa yang berlaku di bandar Taheran di bawah pemerintahan Othmaniah di Iran.

Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau Malaysia ini dibuat demikian juga walaupun seseorang itu sudah nampak pulih dari segi penagihannya tetapi tidak dilepaskan kembali kampung sehingga keluarga mereka itu sanggup untuk menjaga atau pada mana-mana individu, syarikat-syarikat besar yang sanggup memberi pekerjaan kepada mereka itu, bimbing mereka itu barulah dilepaskan mereka itu daripada berada di pusat serenti, adakah Yang Berhormat bersetuju sedemikian?

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Saya bersetuju bahawa pihak kerajaan dan pihak yang terlibat dengan penagihan dadah ini perlu belajar daripada mana-mana tidak kiralah sama ada di Irankah atau daripada Singapurakah sebab tadi Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah mengemukakan bagaimana ada NGOs dan juga pendekatan keagamaan yang digunakan dan peratus kejayaannya untuk mengatasi masalah penagihan dadah ini tinggi. Dan memang kita ada juga pusat-pusat yang menggunakan pendekatan agama Islam seperti Inabah di Terengganu dan juga di Kedah dan dahulu kalau tidak silap saya pihak kementerian ada memberikan jawapan di dalam Parlimen ini bahawa kerajaan juga sedar akan kewujudan pusat-pusat seperti ini. Cuma yang saya tidak tahu setakat manakah kerajaan mengambil pengalaman daripada pusat-pusat yang menggunakan pendekatan agama ini untuk mengatasi penagihan dadah dan setakat manakah *approach* ini diterapkan di dalam pusat-pusat serenti yang ada di seluruh negara.

Yang kedua yang saya rasa selain daripada aspek pendidikan dan juga penghayatan agama, perkara yang kedua yang menjadi punca kepada masalah ini ialah soal budaya hidup kita. Budaya hidup masyarakat yang bersifat materialistik, kebendaan ini, di mana-mana sahaja kita bercakap tentang soal asas pertimbangan ini ialah kebendaan dan media massa kita sendiri bertanggungjawab memainkan peranan merangsang masyarakat ini ke arah mencapai suatu tahap kebendaan di dalam kehidupan sehingga setiap orang berusaha untuk mengejar keadaan tersebut dan mengetepikan faktor-faktor yang lain yang lebih utama. Setiap perkara dinilai daripada sudut kebendaan, kebendaan, kebendaan dan akhirnya lahirlah masyarakat yang pada hari ini walaupun tidak sepenuhnya tetapi kita melihat wujud unsur-unsur *hedonistic* di dalam masyarakat kita iaitu budaya yang mencari keseronokan dan ini disuburkan melalui media massa dengan hiburan-hiburan yang keterlaluan, di mana-mana kita tengok terutama generasi muda yang hendak dikejar dalam hidup pada hari ini ialah keseronokan. Budaya yang dahulunya berlaku di Eropah yang disebut sebagai *hedonism*.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Budaya hedonism ialah budaya yang mencari keseronokan di dalam hidup. Hidup ini hanya untuk *enjoy* semata-mata, cari duit dan bila dapat duit dia gunakan duit itu untuk *enjoy* tanpa mengambil kira soal-soal dan nilai-nilai budaya, tanpa mengira soal-soal keagamaan, soal-soal rohani tidak diambil kira.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Pengkalan Chepa ada menyebut bahawa suatu perkara itu berjaya kerana iklan-iklannya dan juga propaganda-propagandanya. Daripada *survey* yang dilakukan didapati bahawa mereka yang terlibat dengan dadah ini asalnya adalah semasa peringkat juvannya, peringkat remajanya mereka ini merupakan penghisap rokok, kebanyakannya penghisap rokok ini *survey* yang telah dibuktikan.

Jadi saya pernah bertanya kepada Setiausaha Parlimen dahulu, dalam Parlimen yang sama, saya mengatakan bahawa bila lagi kerajaan bersungguh-sungguh untuk menghentikan propaganda-propaganda dan iklan-iklan yang menggunakan jenama rokok. Dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang sama juga mengatakan bahawa dalam masa yang terdekat kerajaan akan mengharamkan sebarang bentuk iklan-iklan rokok. Tetapi yang menyedihkan dalam keadaan demam bola sekarang ini, tidur bola, makan bola, semua bola-bola, pengiklan yang pertama, penaja utama kepada semua benda-benda ini tidak ada yang lain ialah syarikat rokok itu sendiri.

Jadi apakah Yang Berhormat setuju bahawa pada satu masa yang sama kita mengenakan undang-undang yang berat, bahkan menyedihkan kita kalau kita buat kajian undang-undang yang paling berat yang pernah dibentangkan di Parlimen tentang dadah ini ialah Malaysia itu sendiri di mana mendapat tentangan daripada negara-negara Barat pada ketika itu yakni hukum mandatori gantung sampai mati. Tetapi apa yang berlaku negara-negara yang tidak menggunakan hukum hukuman gantung mandatori, bilangan penagih-penagih dadahnya tidak begitu boleh dikatakan satu tragedi negara, tetapi di dalam negara kita walaupun hukuman itu diperkenalkan dan untuk akta ini diberatkan lagi tetapi kita lihat bilangan penagihnya bukan semakin berkurangan tetapi semakin bertambah.

Oleh sebab itu bersetuju ataupun tidak Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sekiranya kita minta pihak kerajaan mulai hari ini dengan desakan NGO dan persatuan-persatuan perubatan negara Malaysia supaya iklan-iklan mengenai rokok sama sekali tidak dibenarkan demi kepentingan generasi masa depan dan demi kepentingan keberkesanan undang-undang yang dibentangkan pada hari ini. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rokok pula, Yang Berhormat.

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Saya setuju dengan pandangan Jeli, dan memang saya hendak sentuh dalam ucapan saya bahagian akhir ini ialah tentang rokok ini di antara yang menjadi faktor yang membawa kepada penagihan dadah kerana

ramai yang terlibat dalam penagihan dadah ini berpunca daripada kebiasaan mereka ini merokok iaitu saya akan sentuh secara agak *detail* selepas ini.

Berbalik kepada apa yang saya hendak sebut ini tentang budaya materialistik ini kita melihat perkara ini menular dalam masyarakat. Dan satu lagi istilah yang biasa kita pakai dalam perbincangan-perbincangan ialah adanya apa yang disebut sebagai budaya cita rasa yang berlaku di dalam masyarakat. Ini menjadi penyumbang pada pandangan saya kepada penagihan dadah yang berlaku di dalam tanah air kita. Budaya cita rasa, budaya *hedonism*, budaya kebendaan, hiburan yang melampau, kita tidak menolak hiburan kerana manusia ini perlu hiburan di dalam kehidupan dalam bentuk-bentuk yang berbagai tetapi apa yang kita kritik ialah hiburan yang melampau. Hiburan yang melampau yang melepasi batas-batas agama dan budaya, lebih-lebih lagi budaya kita di timur ini yang tidak sesuai dengan kehidupan masyarakat ini dan ini ditonjolkan melalui dada-dada akhbar dan media massa.

Kalau ada orang tanya contoh yang berlaku tuan-tuan boleh pergilah ke Bangsar sebagai contohnya, tuan-tuan boleh pergi ke *Bintang Walk* dan boleh tengok perkara seperti ini berlaku di dalam masyarakat dan dua tiga hari lepas dalam *The Star* pun ada sebut yang pertunjukan yang dibuat di *Kiara Equestrian* dan *Polo Club* itu, persembahan itu dan banyak lagi contoh-contoh yang berlaku bagaimana budaya yang tidak baik ini menular di dalam masyarakat kita dan masyarakat kita sedikit sebanyak menjadi semakin jauh daripada nilai-nilai agama dan ketimuran yang sepatutnya menjadi teras kepada setiap orang di dalam masyarakat.

Saya melihat tidak ada usaha bersungguh-sungguh daripada pihak kerajaan untuk membendung perkara ini ataupun untuk menurunkan darjahnya dan mengembalikan masyarakat kepada kehidupan yang selari dengan agama dan masyarakat kita. Apabila ada usaha-usaha untuk membetulkan keadaan ini kadang-kadang kita dengar kritikan-kritikan sumbang dan tindakan-tindakan sabotaj secara halus yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa seperti mana yang dibuat di Kelantan dalam peristiwa pesta air di Tok Bali itu, kerajaan telah membuat satu dasar dan ketetapan meluluskan Enakmen Hiburan yang sesuai dengan dasar kerajaan negeri tetapi dicerobohi, dicabuli oleh pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sendiri yang tidak menghormati dasar dan juga pendirian kerajaan negeri.

Ini adalah suatu perkara yang malang dan dalam pesta Citrawarna baru-baru ini saya dimaklumkan bagaimana Burung Petalawati yang ditolak oleh Kerajaan Kelantan dan dianggap sebagai khurafat dan syirik oleh Mufti Negeri Kelantan tetapi diletakkan di hadapan perbarisan daripada Kelantan sedangkan kita daripada Kelantan telah pun memberikan pandangan kita boleh menyertai acara Citrawarna di Dataran Merdeka itu tetapi dengan tidak ada dengan perkara-perkara lain terutamanya dengan burung Petalawati itu. Tetapi bila sampai malam acara itu dibuat saya dimaklumkan, saya tidak hadir tetapi saya dimaklumkan, bagaimana burung Petalawati itu diletakkan di hadapan, diletak di hadapan kontinjen daripada Kelantan yang turun ke Kuala Lumpur dengan niat yang baik untuk bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menampilkan budaya masyarakat yang ada di Malaysia.

Jadi sikap seperti ini yang tidak sepatutnya berlaku yang kita merasa cukup terkilan di atas perangai kementerian yang tidak tahu menghormati pendirian dan juga perasaan orang lain. Kerajaan Persekutuan minta supaya kita ini bersikap terbuka, Kelantan bersikap terbuka dan menghormati dasar Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Pusat sendiri tidak tahu menghormati pendirian dan juga pegangan kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Jadi inilah yang mendukacitakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau berdiri Yang Berhormat, hendak Bagi jalan?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ini selalu kata kerajaan negeri ini tidak hendak bekerjasama dengan Kerajaan Pusat termasuk dalam masalah kebudayaan Yang Berhormat timbulkan masalah burung itu tadi. Yang Berhormat sendiri sedia maklum negeri Kelantan sendiri pun kalau sifatkan itu sebagai khurafat, ialah perkara yang

dilarang dari pandangan negeri Kelantan, kalau begitu Yang Berhormat fikir juga yang lain ada juga Buddha yang besar yang didirikan di kawasan itu. Itu Yang Berhormat menganggap sebagai apa, adakah Yang Berhormat itu tidak khurafat, itu *no problem*, okay kerana ada politik Yang Berhormat. Itu sebab Yang Berhormat bila politik itu menguntungkan Yang Berhormat, Yang Berhormat tukar kata okay tetapi kerana masalah yang ini Yang Berhormat yang menimbulkan isu khurafat yang besar seolah-olah menjadi satu kesalahan dan dosa yang besar, tapi dibenarkan bina. Tetapi kalau ia betul-betul khurafat, ceritakan ada satu patung dibenarkan di Kelantan, cuba Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya?

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Ada unsur kejahilan di dalam kenyataan Yang Berhormat daripada Tebrau dan saya hendak tanya adakah Yang Berhormat setuju dan hendak minta Kerajaan Kelantan menghancurkan patung itu?

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh bertanya begitu Yang Berhormat, nanti akan menjadi satu perbalahan pula.

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Tidak, tidak, ini pertanyaan *rhetoric*, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak minta dijawab.

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau ya.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua,....[*Ketawa*]....saya tidak kata sebab sama ada cerita yang lain itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau duduk ya.

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Ya, duduk, duduk dulu. Ikut peraturanlah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Tebrau duduk, duduk. Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa jangan buat soalan yang macam tu.

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Soalan *rhetoric*, di dalam percakapan biasa, baiklah, baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya kata tidak boleh, tidak bolehlah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jam pukul 1.00, Dewan ditangguhkan dan disambung jam 2.30 petang.

Tuan Mohd Amar bin Abdullah: Baiklah. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan disambung semula. Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya ini, saya rasa perlu saya menjelaskan tentang soalan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tebrau tadi, yang mengungkit tentang isu 'burung petalawati' dan berhala ataupun patung yang ada di Kelantan. Walaupun ini tidak berkait dengan akta yang dibincangkan tetapi, kerana perkara ini memang menjadi isu di dalam masyarakat, sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan. Tentang soal 'burung petalawati' ini, memang pihak Mufti Kerajaan Negeri Kelantan telah pun mengeluarkan fatwa rasmi mengatakan bahawa 'burung petalawati' ini adalah satu khurafat yang boleh membawa syirik sekiranya dipercayai sepertimana yang dipercayai.

Khurafat ini adalah satu perkara yang tidak ada asas dan tidak ada bukti kewujudannya kerana 'burung petalawati' ini tidak ada *scientific evidence* dan juga bukti-bukti yang lain yang membuktikan kewujudan burung ini. Lebih-lebih lagi kepercayaan yang ada di sekitar 'burung petalawati' yang mana sebahagian daripada masyarakat menganggap 'burung petalawati' inilah yang menaungi negeri Kelantan selama ini dan melindungi Kelantan daripada bahaya dan juga bencana. Bahkan dalam arca, kepala 'burung petalawati' itu dibuat satu bulatan kecil di dalam mulutnya dan dalam kepercayaan dongengnya, bulat yang kecil yang ada dalam mulut itu lambang kepada dunia yang dikawal oleh 'burung petalawati'.

Jadi, kepercayaan ini sudah jelas bercanggah dengan akidah, dengan syahadah yang kita ucapkan. Sebab itulah, pihak kerajaan menolak perkara ini. Dan oleh kerana isu ini timbul di kalangan masyarakat Islam dan yang mengupah orang buat 'burung petalawati' pun orang Islam, menghabiskan wang sehingga RM35,000 katanya untuk membuat 'burung petalawati' tersebut. Jadi, kerana itulah, perkara ini saya rasa, saya perlu perjelaskan dan saya harap Yang Berhormat bagi Tebrau boleh memahami perkara ini dengan baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Tadi, Yang Berhormat menyebut bahawa di sana ada unsur ataupun perkara-perkara khurafat. Kalau dapat Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa jelaskan lagi, apakah ia makna khurafat itu kepada Majlis ini sendiri sehingga masyarakat Parlimen kita ini tidak terlibat dengan perkara-perkara khurafat. Dan sejauh manakah khurafat itu sendiri boleh menjejaskan dari segi keyakinan akidah sebagai orang Islam yang mengaku bertauhid kepada Allah s.w.t. dan tidak syirik. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya sebut secara mudah sahaja. Khurafat ini adalah perkara yang tidak ada asas, yang tidak ada bukti tentang kebenarannya. Sebagai contohnya, selain daripada 'burung petalawati' ialah kepercayaan orang Melayu bahawa mandi safar itu boleh menolak bala pada hari Rabu dan hari Rabu minggu yang keempat bulan Safar dianggap hari yang nahas. Itu di antara bentuk-bentuk khurafat yang boleh merosakkan akidah, pegangan kita sebagai umat Islam.

Ada pun tentang masalah berhala ataupun patung yang ada di Tumpat itu, yang dibesar-besarkan oleh Tebrau dan juga memang sebahagian daripada penceramah-penceramah UMNO mengambil peluang daripada perkara ini untuk mengkritik kerajaan PAS di Kelantan, sedangkan kalau kita melihat perkara ini, yang pertama ialah patung ini dibuat pada zaman kerajaan Barisan Nasional. Itu satu fakta yang dibuat pada zaman kerajaan Barisan Nasional, dibina pada waktu itu dan apabila kita mengambil alih kekuasaan negeri Kelantan, kita tidak berniat untuk menghancurkan patung itu sebagai satu penghormatan. Kita menghormati kepercayaan di kalangan rakyat yang beragama Buddha yang ada di Kelantan kerana patung itu dibuat dalam kawasan mereka, sesuai dengan kepercayaan mereka. Maka kita menghormati pegangan itu dan ini menjadi bukti bahawa PAS menghormati pegangan-pegangan agama yang lain dan menghormati kebebasan beragama. Ini bukti yang jelas dan tidak benarlah tuduhan yang mengatakan bahawa PAS mahu memerintah negara ini serupa dengan Taliban di Afghanistan. Kalau kita ikut jejak langkah Taliban, sudah tentu tahun 1990 lagi kita runtuhkan patung tersebut di Tumpat. Sebelum Taliban meruntuhkan patung ini di Bhamiya, kita sudah melakukan perkara ini. Jadi, ini perkara yang saya perlu jelaskan kerana dijadikan isu oleh penceramah-penceramah UMNO yang separuh masak yang ada di Kelantan.

Jadi, berbalik kepada apa yang saya hendak sebut tadi tentang masalah. Antara punca pada pandangan saya yang menjadi masalah kepada penagihan dadah ialah budaya hidup kita yang bersifat kebendaan dan daripada budaya hidup yang kebendaan inilah, yang menjadikan kita semakin jauh daripada nilai-nilai agama dan nilai-nilai Timur. Apabila kita jadi semakin jauh daripada nilai agama dan Timur, maka dengan sendirinya kita mudah terjerumus ke dalam perbuatan yang negatif di dalam masyarakat.

Saya ingin ulangi perkara ini untuk diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membetulkan keadaan ini

kerana kerajaan daripada perspektif Islam, apabila seseorang ataupun suatu organisasi politik diberikan kuasa memerintah, maka ia perlu melaksanakan tanggungjawab yang besar iaitu, politik di dalam Islamiah, [*Membaca ungkapan dalam bahasa Arab*]. Objektif politik di dalam Islam ialah menegakkan agama 'iqomatuddin', menegakkan agama dalam keseluruhan segi ajarannya. Dan yang kedua [*Membaca ungkapan dalam bahasa Arab*] yang bermaksud, mentadbir dunia ini sesuai dengan kaedah-kaedah agama. Inilah objektif yang telah digariskan oleh para ulama di dalam tulisan-tulisan mereka yang berkisar tentang soal politik.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar ini lebih-lebih lagi daripada perspektif agama, kita sebagai manusia mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan 'ubudiah' di dalam kehidupan. Kerajaan bertanggungjawab untuk mewujudkan satu suasana di mana rakyat boleh merealisasikan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah s.w.t. di atas muka bumi. Sebab itulah, kerajaan ini mesti membimbing masyarakat pada jalan hidup yang benar dan menutup lubang-lubang yang boleh membawa kepada kerosakan di dalam masyarakat.

Kalau kita baca dalam kaedah '*usul fiqh*', ada satu kaedah disebut '*sadduzzari'ah*' ataupun '*sadduzzara'i*' iaitu menutup lubang ataupun pintu-pintu kemaksiatan ataupun pintu maksiat. Bila seseorang itu ada kuasa sebagai kerajaan, sebagai contohnya, maka kerajaan perlu menggunakan kuasa ini untuk meminimumkan ruang bagi masyarakat melakukan penyelewengan-penyelewengan, melakukan maksiat dan dosa, bukan kita membuka ruang begitu banyak kepada masyarakat. Ruang yang ada perlu ditutup dan diminimumkan. Seperti saya sebutkan awal-awal lagi, untuk menghapuskan semua sekali maksiat, penyelewengan jenayah, memang perkara itu hampir mustahil kerana pada zaman Rasulullah s.a.w. sendiri pun, ada orang yang melakukan jenayah. Ada orang mencuri pada zaman Nabi s.a.w. Ada orang yang berzina pada zaman Rasulullah s.a.w.. Tetapi, peratusnya ada amat minimum. Boleh jadi 0.001%, ini perbezaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila berucap yang itu.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Ya, saya hendak balik. Saya hendak jelaskan sikit, saya hendak balik ke sini. Jadi, kerana itulah pada pandangan saya, untuk menangani.....

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di belakang, dia bangun ini.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Kita tentu terpegun tiga hari yang lepas, hari mula-mula kita bersidang, pada kali ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengaku yang beliau adalah Muslim fundamentalis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara itu tidak bersangkutan dengan rang undang-undang di depan kita ini, ya.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Tidak, tidak! Kita tidak pergi ini.

Jadi, bila mana kita membincangkan tentang penagihan dadah yang terus meningkat ini dan dalam pembentangan Setiausaha Parlimen sebentar tadi pun, kita telah nampak setiap tahun meningkat sampai hampir suku juta, yang rasmi. Yang tidak rasmi mungkin sampai satu juta dengan pusat-pusat serenti yang terus meningkat. Kemudian, dalam soal tadi, Yang Amat Berhormat sebut yang terlibat dengan perzinaan, penagihan arak pun juga meningkat.

Maka, apakah yang diakui sebagai sebuah negara Islam yang menjadi contoh, yang ditiru oleh negara-negara luar, termasuklah negara Islam, negara-negara Arab, akan terus menjadi ikutankah? Apakah mereka tidak "*goofed*" dengan segala jenayah dan juga perkara-perkara yang tidak beretika yang bercanggah dengan Islam ini. Bagaimana pendapat dan pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Pada pandangan saya, sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan saya, kalau Perdana Menteri jujur dengan perisytiharan dia, maka inilah saat yang paling baik untuk melihat pelaksanaan kepada

peraturan-peraturan Islam sebagai salah satu kaedah untuk mengatasi kepincangan-kepincangan yang berlaku di dalam masyarakat. Maka, oleh kerana itu, kalau ada usaha daripada Kerajaan Terengganu untuk melaksanakan hudud sebagai contohnya, pihak Kerajaan Pusat sepatutnya memberikan sokongan yang terbuka dan bersungguh-sungguh, bukan mengeluarkan kenyataan untuk *block in any way* yang *possible*.

Jadi, ini suatu perkara yang terbalik kalau saya lihat. Jadi, berkait dengan apa yang saya sebut tadi, dalam menangani masalah penagihan dadah ini, saya rasa oleh kerana puncanya berpunca daripada budaya hidup itu, maka perlulah kerajaan mengawal perkara-perkara seperti ini, membetulkan rakyat ini supaya berada di dalam landasan hidup yang betul dan kemudian mengawal bentuk-bentuk hiburan, pesta-pesta yang dibuat, kadang-kadang liar dan terlalu bebas. Mengikut maklumat-maklumat yang kita dapat, melalui pesta-pesta yang tidak terkawal seperti inilah, selain daripada arak diminum secara terbuka, berlakunya pengedaran dadah. Mereka yang terlibat ini mengambil kesempatan daripada pesta-pesta seperti ini untuk menghisap dadah ataupun menggunakan dengan pelbagai cara untuk menikmati dadah ini. Jadi itu yang kedua yang saya hendak sebut.

Kemudian yang ketiga yang pada pandangan saya antara faktor yang membawa kepada penyalahgunaan dadah ialah merokok. Walaupun mungkin isu ini agak sensitif bagi sebahagian daripada kita, tetapi mengikut apa yang saya baca dalam akhbar dan juga dalam majalah, antara faktor generasi muda ini terlibat dalam penagihan dadah ialah berpunca daripada kebiasaan merokok. Daripada mereka biasa merokok di sekolah dan sekarang ini di sekolah rendah pun, sudah ada remaja-remaja yang menghisap rokok. Tingkatan satu pun ada yang hisap rokok, apatah lagi yang lebih tinggi daripada tersebut. Jadi, daripada kebiasaan merokok ini, mereka akhirnya pergi kepada dadah.

Pada peringkat awalnya, boleh jadi mencuba ataupun menyahut cabaran kawan. Akhirnya, mereka menjadi penagih. Jadi kerana itu, pada pandangan saya, pihak kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang tegas dan berkesan untuk mengawal masalah merokok ini. Kalau kita hendak ambil pendapat yang keras, memanglah ada ulama yang berpendapat merokok ini haram. Walau bagaimanapun, kita menghormati juga ada pandangan yang mengatakan makruh. Ini terserahlah kepada kerajaan dia hendak pegang yang mana. Tetapi, setahu saya fatwa yang lebih kuatnya mengatakan merokok ini haram.

Jadi, kerana itu perlu ada usaha daripada pihak kerajaan untuk mengawal benda ini dan saya bersetuju dengan cadangan yang mencadangkan supaya iklan-iklan rokok ini tidak ditayangkan, walaupun dalam bentuk barangan. Sekarang ini, memang rokok secara terangnya tidak diiklankan di dalam media massa kita tetapi jenama-jenama barangan dan kegiatan-kegiatan yang berkait dengan rokok itu dibenarkan disiarkan di dalam media massa dan jenama itulah yang lebih menonjol. Salem sebagai contohnya dengan pengembaraan dia, selepas itu yang lain itu dengan gaya hidup, dengan sukan. Dunhill dengan alat-alat seperti baju, bola dan sebagainya.

Jadi, perkara seperti ini pun kalau boleh, perlulah juga disekat daripada diiklankan di dalam media massa kerana bila kita membenarkan, ada kajian yang dibuat walaupun tidak seratus peratusnya dapat disahkan, saya diberitahu bagaimana iklan-iklan ini memang mempengaruhi golongan-golongan muda dan bila dibuat soal selidik kepada generasi muda, apabila dikeluarkan barangan Dunhill dan sebagainya, apa yang mereka bayangkan ialah rokok. Yang ada di sebalik daripada jenama itu bukan barangan itu sendiri. Jadi pada pandangan saya kalau kita boleh mengatasi perkara ini mengurangkan jumlah mereka yang merokok ini, boleh jadi kita akan berjaya mengurangkan jumlah mereka yang juga terlibat di dalam dadah terutamanya bagi golongan-golongan muda yang ada di dalam tanah air kita.

Selain daripada itu, daripada tiga faktor ini yang besar yang saya tonjolkan ini, saya juga berpendapat kerajaan perlu lebih bersungguh-sungguh dalam menguatkuasakan peraturan. Antara perkara yang malang dalam tanah air kita ialah kita mempunyai terlalu banyak akta, tetapi lemah daripada segi penguatkuasaan dia. Inilah yang selalu ditimbulkan setiap kali kita bersidang dalam Parlimen ini, pihak Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja daripada pembangkang, daripada pihak kerajaan sendiri pun menimbulkan perkara ini, masalah kelemahan daripada segi penguatkuasaan yang menyebabkan gagal tujuan-tujuan yang baik daripada sesuatu akta yang diluluskan di dalam Parlimen ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa berkenaan dengan Akta Dadah Berbahaya, yang disebut kepada kita, yang telah pun dipinda beberapa kali, untuk menguatkuasakan akta ini. Barangkali tujuan pindaan untuk mengemas kini dan memberi perasaan takut kepada mereka-mereka ataupun penagih-penagih dadah tapi nampaknya roh akta ini tidak boleh memberi satu kesan yang drastik kepada penagih-penagih dadah.

Kalau hendak dibandingkan dengan Kanun Jenayah Syariah ataupun Hudud yang begitu ditakuti oleh semua pihak daripada peringkat atas sampai ke peringkat bawah, adakah Kanun Jenayah Syariah ataupun Hudud ini lebih berkesan ataupun mempunyai roh yang baik, kalau hendak dibandingkan dengan Akta Dadah Berbahaya yang tidak mendapat, ataupun yang tidak digeruni oleh penagih-penagih dadah. Bolehkah Yang Berhormat huraikan atau perbezakan di antara dua?

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Saya tidak akan menghuraikan kerana akan mengambil masa yang panjang, tetapi pada pandangan saya bila kita bercakap tentang penguatkuasaan ini, mungkin pihak kerajaan boleh bersikap terbuka setelah kita memperkenalkan Akta Dadah Berbahaya ini begitu lama dengan hukuman-hukuman yang berat, tapi masih lagi gagal mengatasi masalah penagihan dadah, mungkin inilah masa yang sesuai.

Perdana Menteri sendiri sudah mengisytiharkan Malaysia negara Islam, maka inilah masa yang sesuai, kalau boleh menerapkan hukuman-hukuman yang ada di dalam undang-undang jenayah Islam untuk menangani perkara ini, sebagaimana bila timbul cerita sumbang mahram baru-baru ini, ada cadangan Perdana Menteri sendiri pun bersetuju kalau dijatuhkan hukuman sebat kepada mereka yang melakukan sumbang mahram. Cuma saya tidak setuju kalau ada orang suruh 'kasi' kerana itu menzalimi, ataupun pakai cawat, itu pun menjatuhkan maruah wanita, seolah-olah semua wanita kita jahat belaka sehingga terpaksa dipakaikan cawat besi, macam lembu pula.

Jadi balik kepada perkara tadi, penguatkuasaan ini, penguatkuasaan ini perlu diberikan perhatian kalau kerajaan serius untuk menyelesaikan masalah ini, penguatkuasaan perlu diberikan perhatian. Sudah banyak pertanyaan-pertanyaan persoalan timbul kenapa pihak berkuasa boleh menangkap penagih-penagih dadah tetapi susah untuk menangkap pengedar dan juga orang yang di atas itu daripada pengedar.

Ini persoalan yang berlaku dan setakat ini kita tidak dengar lagi, pengedar-pengedar yang besar yang pernah ditangkap dan dijatuhkan hukuman yang setimpal, yang ditangkap ialah anak bilis, yang kecil-kecil yang di bawah sahaja ditangkap. Adakah kerana pihak berkuasa tidak cekap atau buat kerja tidak bersungguh-sungguh?

Kalau kita hendak kata polis kita tidak cekap, tentulah tidak munasabah kerana KMM yang belum buat apa-apa lagipun sudah boleh ditangkap oleh pihak polis, sudah dikenal pasti orang-orangnya dan begitu juga dengan Al Maunah dan sebagainya, tiba-tiba dalam kes seperti dadah ini sebenarnya serius kepada keselamatan negara dan juga masa depan generasi kita tidak ada suatu kejayaan yang besar, yang membanggakan, yang boleh kita cakap kepada masyarakat.

Jadi perkara ini perlu diberikan perhatian, kalau tidak ada kakitangannya cukup perlu ditambah kakitangan untuk melaksanakan ataupun menguatkuasakan akta ini dan kalau kakitangan yang ada ini tidak mampu maka mungkin dibuat pertukaran, dilantik orang-orang lain ataupun diganti orang lain yang lebih mampu dan lebih *dedicated* untuk melaksanakan tanggungjawab yang besar ini

Selain daripada itu yang saya hendak sebut juga ialah dalam usaha untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah ini saya rasa suatu pendekatan yang bersepadu perlu dilakukan oleh pihak kerajaan. Tidak sepatutnya tanggungjawab yang berat ini diserahkan hanya kepada Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Dalam Negeri sahaja dan kementerian-kementerian yang lain yang tidak melaksanakan tanggungjawab ini, kerana seperti saya sebut tadi antara punca-puncunya ialah *multi-related* ataupun berkait antara satu sama lain. Maka kerana itu usaha ini mestilah dilakukan secara menyeluruh, secara bersepadu oleh kementerian-kementerian. Sekarang ini kita melihat seolah-olah tidak ada titik temu aktiviti antara satu kementerian dengan kementerian yang lain. Menteri ini sebagai contohnya ajar orang

jadi baik, tiba-tiba Kementerian ini ajar orang supaya jadi huru-hara dengan hiburan-hiburan yang melampau. Dengan pesta-pesta yang menyebabkan lupa diri.

Anggota masyarakat kita menyambut pesta-pesta yang sebenarnya tidak perlu kadang-kadang kita lihat menghabiskan wang yang begitu banyak, buat pesta-pesta, lepas itu hasilnya tidak sampai ke mana. Jadi ada, orang putih kata *paradox* dalam kegiatan-kegiatan ataupun perancangan Kementerian, yakni bawa orang kepada satu titik, Kementerian ini bawa orang kepada satu titik yang berbeza, sedangkan kerajaannya satu kerajaan sahaja. Jadi tidak ada satu titik temu di dalam pelaksanaan program dan kegiatan.

Sebab itulah kerajaan perlu pada pandangan saya untuk menggembelng tenaga bersepadu dan menyeluruh daripada semua Kementerian untuk melaksanakan perkara ini, jadi kita bentuk masyarakat kita supaya menjadi masyarakat yang baik, masyarakat yang mengamalkan nilai agama, masyarakat yang mengamalkan nilai ketimuran, hidup dalam suasana yang elok dan kemudiannya dalam masa yang sama penguatkuasaan kepada akta yang berkaitan ini juga dilakukan oleh pihak-pihak kerajaan.

Jadi saya rasa itulah perkara-perkara penting yang saya hendak sebut di dalam penyampaian ini mudah-mudahan boleh diberikan perhatian oleh pihak Kementerian dan juga pihak kerajaan supaya usaha untuk mengatasi masalah penagihan dadah yang menjadi ancaman serius kepada masyarakat kita ini dapat kita atasi bersama untuk kebaikan negara kita. Insya-Allah.

2.52 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan dadah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semakin serius. Oleh itu adalah salah satu sebab membawa kepada pemindaan akta ini dengan mengenakan hukuman yang lebih berat dengan harapan masalah sosial ini dapat dikurangkan.

Apakah dengan mengenakan satu hukuman yang berat semata-matanya langkah yang paling baik untuk mencegah penggunaan dadah. Walaupun kita ada hukuman mati mandatori ke atas kesalahan dadah tetapi hukuman *deterrence* ini sejauh mana? Ia adalah langkah yang berkesan.

Menurut satu laporan sehingga Februari tahun 2001 telah terjumpanya 10 buah makmal memproses dadah. Kita baca di mana ada yang menunjukkan hubungan di antara para pengedar dadah tempatan dengan sindiket pengedaran dadah antarabangsa di mana terjumpanya jenis kokain yang hanya dihasilkan di luar negara seperti di negara-negara American Latin semasa rampasan dibuat. Oleh itu hukuman berat semata-mata ke atas mereka apakah ia menghasilkan impaknya.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah memberi angka jumlah yang merupakan penagih berulang melebihi 50%, kita harus mengkaji sebab-sebabnya mereka kembali ke tabiat buruk ini, walaupun mereka telah pergi ke pusat pemulihan dadah atau pusat serenti.

Saya percaya antara faktornya adalah keselamatan di pusat serenti. Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pengalaman di mana seorang penagih dadah dalam lingkungan 20an datang berjumpa saya. Dia memaklumkan kepada saya bahawa dia seorang penagih dadah, dia telah pernah pergi ke pusat pemulihan dadah tapi gagal kerana di dalam, dia kata, dia boleh memperolehi bekalan dadah. Dia datang kepada saya, dia meminta saya membantunya mendapatkan satu tempat di Hospital Batu Gajah.

Selepas saya menghubungi pihak hospital, pihak hospital kata memang ada tempat tapi tempat itu hanya adalah untuk penagih dadah di mana mereka sudah melalui proses mahkamah. Jadi saya rasa perlu ditekankan di sini adalah keselamatan di pusat serenti. Tambahan pula pernah dilaporkan rusuhan yang berlaku di pusat serenti di Muar adalah kerana terdapat lima orang pelatih telah berjaya keluar ke pekan untuk beli bekalan dan semasa mereka balik mereka telah disekat oleh warden-warden pusat serenti tersebut.

Oleh itu apakah langkah, saya ingin tahu untuk memperbaiki keadaan dan keselamatan di pusat serenti, sebab objektif pusat serenti adalah untuk memulihkan mereka tapi kalau di dalam boleh dapat bekalan, saya rasa objektifnya kita perlu kaji

semula. Saya juga ingin tahu apakah kelulusan mereka, iaitu tenaga pengajar di dalam pusat-pusat serenti ini. Jika kita mahukan mereka pulih ke pangkal jalan, keadaan sekeliling mereka harus juga menyokong mereka.

Keduanya faktor persekitaran. Tadi Yang Berhormat telah menyatakan bahawa hukuman ini dapat memastikan mereka tidak wujud di dalam masyarakat. Saya rasa yang mereka menagih dadah ini, kita harus memberi sokongan kepada mereka dengan hanya mengasingkan mereka, itu bukan cara penyelesaiannya. Pengasingan ini adalah hanya sementara waktu. Kita boleh penjarakannya selama 7 tahun, 13 tahun, tapi selepas itu mereka kembali semula? Ia juga akan menambah kepada masalah sosial negara ini.

Jadi saya ingin tahu apakah bantuan kepada mereka selepas mereka keluar dari pusat-pusat serenti ini? Pada pandangan masyarakat penagih dadah ini adalah satu kategori yang kita tidak boleh bergaul, jadi saya harap pihak kementerian akan mengadakan lebih banyak program, menerangkan bagaimana masyarakat dapat membantu bekas-bekas penagih dadah yang telah keluar dari pusat serenti.

Tambahan pula saya rasa kita juga perlu ada satu kerjasama yang rapat di antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan juga pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pernah saya terima satu panggilan di mana pihak polis telah membuat serbuan di pub-pub, pusat-pusat hiburan dan telah menangkap lebih dari 500 orang anak-anak muda di dalam belasan tahun. Tapi masalah di sini adalah mereka telah dibawa ke kompaun balai polis lebih 500 orang tapi tidak mempunyai kakitangan, pegawai yang mencukupi untuk menjalankan ujian air kencing ke atas mereka.

Jadi lebih 500 orang mereka di dalam kompaun, berjam-jam, anak-anak muda ini kelaparan, kesejukan sebab biasanya mereka ke tempat-tempat ini, berpakaian yang menjolok mata, jadi apabila mereka ditangkap dibawa ke balai, mereka kesejukan, kelaparan, tidak ada yang menagih kerana mereka terpaksa menunggu lama untuk giliran untuk diambil ujian air kencing tersebut. Tetapi selepas mereka ditangkap hanya 100 sahaja diberi ujian air kencing kerana pegawai polis maklumkan saya *we take randomly*. Jadi apakah ia telah, dengan izin *serve the purpose* serbuan tersebut, yang amat kesalnya adalah pihak operator yang telah membenarkan mereka masuk walaupun mereka di bawah umur 18 tahun tidak akan dikenakan apa-apa tindakan. *Premise disco* itu, pub tersebut masih menjalankan perniagaan seperti biasa, keesokan malamnya, yang kena hukum hanyalah anak-anak muda ini.

Jadi saya rasa kalau kita benar-benar hendak membanteras penyalahgunaan dadah ini kita mesti ke tempat-tempat di mana dengan mudahnya anak-anak muda ini mempunyai *excess* kepada dadah ini dan pihak berkuasa hanya, mestilah tegas di dalam menguatkuasakan undang-undang mereka. Sehingga masa kini, setahu saya pihak berkuasa tempatan hanya mengenakan denda ke atas pihak operator, tetapi denda itu pada pendapat saya adalah satu hukuman yang terlalu ringan sebab mereka semalam sahaja boleh dapat mengembalikan, mendapat balik wang yang mereka telah gunakan untuk membayar denda tersebut.

Oleh itu saya harap mendapat lebih banyak kerjasama di antara ketiga-tiga kementerian dan juga pihak berkuasa tempatan bagi membanteras penyalahgunaan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga percaya Agensi Dadah Kebangsaan memainkan peranan yang penting di dalam aspek ini. Sebab saya ada dimaklumkan oleh Pegawai Narkotik di kawasan saya di sebuah kampung, ada masalah dadah, penyalahgunaan dadah yang amat serius di mana pengadu ada datang jumpa saya, dia boleh maklumkan saya tarikh dan masa penjual akan menjual dadah di sepanjang jalan di kampung tersebut. Walaupun aduan telah dibuat dan pihak Pegawai Narkotik telah mengambil tindakan tetapi berulang semula. Ini mendedahkan kepada anak-anak muda dengan mudah untuk mendapatkan asses kepada dadah ini.

Oleh itu Agensi Dadah Kebangsaan memainkan peranan penting dalam aspek ini kerana apabila saya rasa tidak kira dari mana pihak Wakil Rakyat pergi berjumpa meminta kerjasama memberi taklimat, saya rasa pegawai agensi dadah haruslah mempunyai sikap yang terbuka dan menerima permohonan dan memberi kerjasama.

Sebab pernah sekali Tuan Yang di-Pertua, saya pergi berjumpa dengan Pegawai Agensi Dadah, mereka telah bersetuju untuk hadir kepada program di mana saya mengadakan satu program pertandingan mewarna untuk kanak-kanak sebab sementara menunggu keputusan, saya fikir ada baik kita adakan satu taklimat berkenaan bahayanya dadah. Pegawai Agensi Dadah telah bersetuju untuk hadir tetapi hari Jumaat dia telefon dia kata tidak boleh sebab ada mesyuarat hari Ahad.

Jadi saya hendak tahu, apakah ini kerana kekurangan pegawai di dalam agensi dadah atau ketakutan untuk hadir memberi kerjasama kepada Wakil Rakyat dari pembangkang. Oleh itu saya harap kementerian mengambil perhatian dalam perkara ini kerana apa yang kita hendak buat ini juga adalah untuk negara.

Walaupun kita di dalam pembangkang, kita bukan membangkang kesemuanya. Kita membangkang juga kerana kita cintai negara kita. Oleh itu saya akhir sekali pohon Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan statistik bilangan penagih mengikut umur dan profesion mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan.

3.02 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya ucapan-ucapan yang ada dari pagi ini sehingga sekarang kebanyakan tertumpu kepada masalah penguatkuasaan dan tidak hairanlah sebentar nanti Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan akan kata, ini adalah tugas dan bidang KDN dan beliau tidak akan campur tangan dalam hal ini.

Saya ingat lebih baik supaya Menteri Dalam Negeri sendiri datang untuk menjawab berkenaan dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan bukan menghadiri Persidangan UMNO yang diadakan sekarang di dalam bandar Kuala Lumpur ini. Tengok di dalam Dewan yang mulia mana ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun, ya.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya jangan kita mencaci sesiapa. Kita baca undang-undang dahulu. Apa yang terkandung dalam undang-undang, kalau kita faham, kita bahaskan. Kalau kita tidak faham tentang undang-undang itu, lebih elok kita duduk sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Hem, ya.

Tuan S. G. Sothinathan: Ini secara suka-suka tidak mengerti, tidak mengerti apa yang terkandung dalam Akta Dadah Berbahaya, mereka cakap yang tidak betul semua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan S. G. Sothinathan: Ini Akta Dadah Berbahaya ini, memang ianya menteri yang bertanggungjawab ialah Menteri Kesihatan. Itu pun Yang Berhormat tidak tahu. Tetapi dia hendak cakap di sini. Elok dia duduk di situ lebih baik.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab berkenaan dengan tindakan atau langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang?

Puan Chong Eng: Ya, siapa yang pegang kuasa?

Tuan Lim Hock Seng: Kalau Yang Berhormat boleh jawab nanti, akan jawab berkenaan hal ini, saya tidak payah bangkit.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, jawab atau tidak jawab, itu terpulang kepada saya. Apa maklumat yang saya ada, saya akan jawab tetapi jangan bimbang fasal itu. Itu bukan tugas Yang Berhormat. Tugas Yang Berhormat itu untuk meminta penjelasan, beri komen-komen ataupun pandangan sahaja. Jawapan itu, kementerian akan menjawab.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, lebih baik Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap pada dinding.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan cakap macam itulah.

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya, saya minta jangan bercakap begitu, ya. Hem.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, beliau tidak akan jawab Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat hendak berucap, silalah berucap.

Tuan Lim Hock Seng:.....Kerana Akta Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini ialah satu akta yang menyebut kesalahan-kesalahan, jadi kesalahan-kesalahan ini siapa hendak menguatkuasakan?

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Tuan Lim Hock Seng: Kementerian Kesihatan sendiri tidak akan panggil *nurse* atau kakitangan-kakitangan hospital untuk pergi untuk menguatkuasakan

Seorang Ahli: Mengambil sampel *urine*.

Tuan Lim Hock Seng:.....yang ini, *even* mengambil sampel *urine* ini pun diberi kuasa kepada polis dan kastam.

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Tuan Lim Hock Seng: Inilah masalahnya. Dan sebentar tadi Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada berkata, adakah ruang disediakan di hospital kepada penagih-penagih dadah untuk memulihkan ketagihan dadah mereka? Tiada. Cuma untuk tahan banduan-banduan yang akan dihadapkan kepada mahkamah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak menyalahkan Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan di sini kerana Kerajaan Barisan Nasional selalu bercakap tentang *collective responsibility*. Dia kata *collective responsibility* tetapi apabila Yang Berhormat-Yang Berhormat membangkitkan soalan-soalan yang tidak berkaitan dengan kementerian beliau, dia akan kata, ini di luar bidang kuasa saya. Jadi kebanyakan tidak dapat dijawab.

Saya balik kepada rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menghormati Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Dalam mukadimah beliau semasa membentangkan Akta Dadah Berbahaya ini dan tidak dapat dinafikan bahawa penagih dadah ini adalah betul-betul najis masyarakat.

Siapa pun tidak suka kepada mereka sekiranya mereka bertabiat menagih dadah ini. Kita nampak dalam kes-kes jenayah seperti curi, pecah rumah atau jenayah-jenayah yang lain, semua berpunca dari penagih dadah ini.

Mereka sanggup mencuri tanda jalan (*signboard*). *Signboard* diperbuat dari aluminium semua dicuri. Pondok telefon pun dipecah untuk mengambil aluminiumnya. Penutup *manhole* iaitu *switch manhole* penutupnya, *cast iron* mereka curi. Tingkap-tingkap dan pintu-pintu rumah-rumah atau kedai-kedai yang terbengkalai pun mereka pecah dan menjualkan barang-barang itu.

Kalau hendak dibuat baru, itu kira ribu-ribu. Tetapi mereka ambil kedai *second hand* itu, dengan izin, *clean bottle* mereka jual satu kilogram mungkin 30 sen atau 40 sen tetapi untuk itu mereka dapat RM10 atau RM20, mereka puas hati. Ambil wang itu untuk beli dadah untuk di *consume*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perlulah usaha yang lebih gigih diambil untuk membanteras penagihan dadah ini dan ini adalah tanggungjawab kerajaan khasnya oleh pihak-pihak yang menguatkuasakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, di bandar-bandar kita boleh nampak juga ada penagih dadah terlibat dalam maksiat iaitu mereka menjadi bapak ayam, ada juga perempuan

menjadi pelacur dan tukang urut. Ini semua berasas atau timbul akibat penagihan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Pangkalan Chepa ada menanya dari punca penagihan dadah ini. Saya ingat antara satu puncanya ialah di pusat-pusat hiburan seperti kelab malam, karaoke atau pub-pub dan juga tempat-tempat *night life*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu bagaimana Kerajaan Barisan Nasional boleh membenarkan pusat-pusat ini berniaga dari tengah malam hingga besok pagi pukul 6.00 pagi dan sekiranya orang biasa, seperti kamu dan saya, pada pukul 11.00 malam, pukul 12.00 malam tidak tidur pun sudah mengantuk, sudah susah, sudah letih. Macam mana boleh menari, minum sehingga besok pagi kalau tidak ada pengaruh dadah.

Di situlah mereka ambil pil-pil ecstasy, di situlah mereka ambil dadah dan ini seolah-olah pihak yang berkuasa tidak nampak. Tidak nampak langsung. Itu fasal saya pun merasa sangat marah dalam hati. Saya perlu meluahkan perasaan saya tetapi saya pun rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak boleh buat apa-apa dan tidak mahu menjawab hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pihak penguat kuasa kadang-kadang mereka ada membuat *window dressing*, dengan izin, mereka akan dari semasa ke semasa untuk pergi menangkap beberapa orang penagih dadah dan dibawa ke balai di mana mereka diuji air kencing lepas itu keesokan dibawa ke Majistret untuk dibicarakan dan Majistret sekiranya mendapatkan bukti-bukti bahawa beliau adalah seorang penagih dadah akan diperintah supaya dihantar ke pusat-pusat serenti atau pemulihan dadah atau dipenjarakan.

Sebentar tadi, kita pun ada dengar dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa walaupun dihantar ke pusat-pusat serenti selepas satu, dua tahun, mereka akan keluar dan mereka merayau-rayau di masyarakat menjadi penagih dadah lagi. Bukan diubahsuai. Bukan dipulihkan sebagai seorang yang baik atau berguna kepada masyarakat Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sini juga saya ingin tahu apakah kursus-kursus dan ajaran-ajaran yang di *conduct* dan dijalankan dalam pusat serenti. Saya juga khuatir bahawa Setiausaha Parlimen tidak akan jawab hal ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, nantilah, dia jawab atau tidak jawab itu tunggulah dahulu.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya, kalau dia jawab hal ini kita semualah.....

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Tuan Lim Hock Seng:Gembira, kita semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Hem. Biarlah, biarlah, ya, biarlah dia jawab, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di Fasal 5 diberi kuasa kepada pihak pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan atau seorang pegawai kastam menghendaki seseorang yang ditangkap untuk memberi spesimen air kencing untuk pemeriksaan. Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Tuan Lim Hock Seng:....Tadi Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada membangkitkan ada juga golongan-golongan pasukan penguatkuasaan, mereka boleh tukar spesimen kencing dan kalau hendak menukar spesimen kencing itu memerlukan syarat-syaratnya. Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada kata, kena bayar sejumlah wang. Ini bukan hairan, bukan pertama kali kita dengar. Berkali-kali kami telah mendengar boleh tukar air kencing.

Jadi, kuasa ini kalau diberi kepada pihak polis memang tidak ada pihak yang kena. Jadi, akta ini walaupun ia kata untuk maksud memelihara keterangan *for reservation of* bukti sahaja tetapi walaupun begini mereka perlu menghantar orang yang kena tahan itu pergi ke hospital atau memanggil kakitangan hospital untuk datang ke

balai untuk mengambil *specimen* air kencing orang yang kena tahan itu barulah ada satu keadilan kepada orang-orang yang kena tahan itu. Kerana kadang-kadang seseorang yang ditahan itu apabila dia ditahan oleh polis mungkin pada masa itu dia ada sakit, demam dan beliau ada makan ubat *Panadol* atau yang dipanggil dalam perkataan *medical* ialah *Paracetamol* atau ubat-ubat demam yang dibeli dari kedai ubat, *Contact 500* atau sirap batuk dan lain-lain ubat-ubatan. Sekiranya mereka mengambil ubat-ubatan ini tentulah najis air kencing mereka ini ada bahan-bahan ubat ini dan mereka disalah anggap sebagai penagih dadah dan mereka ditahan dalam lokap mungkin 24 jam, selepas itu *diremand* lagi dan selepas itu dibicarakan. Ini menjadi satu *innocent* kepada seseorang yang kena tahan. Jadi, saya berharap kuasa ini diberi kepada kakitangan hospital atau doktor-doktor supaya mereka boleh mendengar kepada pengaduan atau keterangan orang yang kena tahan itu supaya mereka tidak dianiyai oleh sesiapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya perlu membangkitkan di sini bahawa penguatkuasaan undang-undang yang ketat dan lain-lain juga, di samping itu perlu mengadakan pengajaran iaitu murid-murid di sekolah perlu diajar berkenaan dengan bahayanya ubat-ubat atau dadah-dadah yang berbahaya ini supaya menyedari mereka menjauhi dari dadah-dadah dan juga konsep-konsep atau peringatan-peringatan. Orang dewasa, mereka ingat apabila sudah ambil dadah mereka boleh kuat di mana-mana sahaja. Jadi, ini adalah satu salah anggapan dan propaganda untuk mengajar orang dewasa berkenaan dengan ilmu-ilmu atau dengan pengetahuan bahayanya dadah ini perlu dijalankan juga.

Akhir sekali, saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan dengan wujudnya atau adanya penjualan ubat-ubat yang lain yang boleh memudaratkan kesihatan seperti *Slimming 10* yang ada pada masa sekarang ini di Singapura, di Malaysia ada ramai yang mengambil ubat-ubat yang bahaya ini kerana ia mungkin tidak diiktirafkan oleh kerajaan kita atau mana-mana dan selepas mengambil ubat-ubatan ini ianya memudaratkan kesihatan sehingga maut. Ini saya tidak ada dengar ada apa-apa pengumuman daripada Kementerian Kesihatan. Sekiranya sesuatu jenis ubat kalau boleh memudaratkan kesihatan sehingga maut, ini tidak lain serupa juga dengan dadah yang berbahaya.

Maka dengan ucapan-ucapan ini, saya berharap semua ucapan Ahli Yang Berhormat boleh dapat satu jawapan yang memuaskan. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dungun.

3.20 ptg.

Dato' Mustafa bin Ali [Dungun]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi keizinan untuk saya mengambil bahagian bersama dalam membahaskan akta yang dikemukakan berhubung dengan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2002. Saya akan menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan, yang dikemukakan ini berdasarkan kepada fasal yang dikemukakan tetapi lebih umum dalam menangani perkara yang ada di depan kita.

Yang pertama, saya suka dan ingin menyebut dan ini diketahui oleh semua orang bahawa soal dadah ini satu isu yang sangat *crucial*, yang sangat kritikal, yang sangat penting kita selesaikan walaupun jalan penyelesaian bukannya mudah kerana ia sudah merupakan satu penyakit yang melanda seluruh dunia sekarang. Ia bukan sahaja melanda negara kita Malaysia, tetapi ia melanda seluruh dunia - barat, timur, utara dan selatan yang sedang dihadapi oleh dunia dan dunia sedang mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

Sebab itu saya mengatakan jalannya tidak mudah, tetapi kita perlu mencari jalan penyelesaian yang seharusnya kita mempunyai keupayaan dalam menyediakan saluran-saluran yang memungkinkan kita walaupun kita tidak dapat menyelesaikan masalah ini dan semestinya tidak mungkin dapat menyelesaikan sekali gus, tetapi mungkin dapat kita kurangkan dari masa ke semasa jika pendekatan diambil oleh pelbagai pihak kerana penyelesaian bukan sahaja bergantung kepada undang-undang yang diadakan oleh pihak pemerintah. Ia tidak mungkin diselesaikan hanya melalui suatu kaedah perundangan tetapi ia memerlukan kerjasama, dukungan daripada semua pihak sama ada kerajaan, sama ada rakyat biasa, daripada kalangan ibu bapa dan memerlukan suatu pendekatan yang *holistic* dalam pengertian bahawa semua orang harus terlibat.

Kalau kita bercakap tentang penguatkuasaan, barangkali kita sedih kalau kita dapat melihat apa yang berlaku sekarang kerana pegawai yang terlibat dengan penguatkuasaan itu sendiri terlibat dengan perkara-perkara yang menyebabkan dadah ini lebih tersebar. Yang terlibat dengan penguatkuasaan, kita menyebut barangkali polis - ada di kalangan polis yang terlibat. Pihak penjara yang menjaga atau pusat serenti, mereka yang bertanggungjawab, ada kalangan orang yang bertanggungjawab ini juga yang menjadi pengedar kepada orang yang terlibat dengan dadah ini sendiri. Jadi, kalau orang yang kita harapkan untuk menyekat orang ini sendiri terlibat, ertinya kita menghadapi suatu keadaan yang sangat parah dalam negara kita ini.

Dalam setengah negara Barat, kita alhamdulillah, barangkali kita masih mengharamkan bukan sahaja pengedaran, tetapi kita mengharamkan pengambilan dadah itu sendiri. Di setengah negara Barat mereka hanya mengharamkan pengedaran tetapi tidak mengharamkan pengambilan dadah. Ini lagi teruk dan lagi parah. Dalam dunia globalisasi sekarang di mana dunia menjadi kecil, apa yang berlaku di Barat sampai kepada kita, apa yang berlaku di mana-mana pun sampai kepada kita. Jadi, kalau kita hendak bercakap tentang puncanya terlalu banyak yang saya rasa tentulah kita tidak mempunyai waktu yang cukup untuk menghuraikan segala faktor yang menyebabkan berlakunya soal yang sedang kita hadapi sekarang.

Kita boleh menyebut mudah bahawa perkara ini berlaku kerana wujudnya dadah, kalau tidak ada dadah tidak wujud. Di mana datangnya dadah. Ia bukan sahaja daripada luar negara tetapi termasuk dalam negara kita sendiri. Soalnya bagaimana kita hendak membanteras. Saya telah mengatakan, ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan kesedaran daripada semua pihak ini mestilah ditanamkan bukan sahaja secara *ad hoc*, tetapi secara yang terus menerus di kalangan masyarakat dalam negara kita Malaysia.

Apabila kita bercakap tentang masyarakat negara kita Malaysia sendiri, masyarakat kita terdiri daripada pelbagai kaum, pelbagai agama, yang pada saya setiap agama yang dianuti oleh seluruh masyarakat, walaupun agama itu berbeza di antara satu sama lain ada perbezaannya tetapi daripada segi moralnya, menentang dadah ini saya rasa tidak ada satu agama pun yang boleh menerima bahawa dadah ini satu perkara yang baik. Semua agama mengatakan dadah itu tidak baik. Jadi, kalau begitu maka peranan agama ini penting dalam kita memerangi soal dadah ini sama ada agama Islam, agama Kristian, agama apa pun dari sudut memerangi dadah ini saya rasa perlu pihak ibu bapa menanamkan moral yang baik, *back to basics* dari segi agama yang menentang dadah ini supaya pembangunan insan yang kita hendak wujudkan ini akan menjadi suatu tenaga yang sangat kuat bagi kita menghadapi penyakit yang kita sedang hadapi ini.

Jadi, penyelesaiannya salah satu yang saya sebut ialah pembangunan insan itu sendiri. Manusia itu sendiri mestilah dibangunkan. Daripada segi moralnya mestilah moral yang baik yang ditanamkan dalam kepala mereka bahawa ini bukan sekadar disebut najis tetapi mulutnya barangkali menggunakan najis itu ditelan. Kita boleh menyebut ini tidak baik, tetapi senyap-senyap barangkali ini juga di'*consume*'kan daripada masyarakat kita.

Jadi, sebab itu apabila kita menyebut soal pembangunan insan, soal pembangunan manusia dan agama ini penting maka seluruh masyarakat kita di Malaysia ini daripada berbagai-bagai latar belakang perlu memainkan peranan masing-masing supaya ajaran yang boleh ditanam di kalangan anak-anak kita ini sejak daripada kecil lagi sampai kepada yang lebih dewasa akan dapat diserapkan nilai-nilai yang baik ini dan ini akan menjadi satu penghalang mereka melakukan perkara-perkara yang tidak baik.

Satu contoh misalnya, sekarang ini kalau kita bercakap tentang disiplin didapati bahawa disiplin, kalau kita ambil sahaja sekolah-sekolah sekarang ini yang di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan sendiri, disiplin di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah ada aliran agama yang di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan sendiri adalah lebih baik daripada kebanyakan sekolah-sekolah yang lain. ertinya, berdasarkan kepada kajian dan statistik ini agama memainkan peranan yang penting sebagai salah satu daripada saluran yang penting untuk kita menghadapi isu penyakit yang kita sedang hadapi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menjadikan pembangunan insan, pembangunan manusia ini sebagai pendekatan yang perlu dilakukan, ini akan kita tanamkan. Pegawai

enforcement akan kita tanamkan dalam kepala mereka bahawa mereka perlu memainkan peranan ini sebagaimana yang sewajarnya. Yang menjadi penyakit oleh kerana di kalangan sebahagian masyarakat kita hendak menjadi kaya cepat. Pegawai *enforcement* daripada kalangan polis hendak kaya cepat, penjara hendak kaya cepat, orang perniagaan hendak kaya cepat, sebahagian masyarakat yang lain termasuk petani, nelayan hendak kaya cepat, mereka menjadi rangkaian kepada pengedaran dadah yang berlaku dalam negara kita sekarang. Yang menjadi mangsa ialah anak-anak muda kita yang disambung semula dengan apa yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat saya, wakil-wakil yang telah bercakap adanya pusat-pusat hiburan, pusat-pusat yang mereka dapat ketemukan sepanjang masa, 24 jam, ini merupakan saluran yang menyebabkan penyakit ini terus bertambah dan makin parah dari hari ke hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin untuk bercakap lebih panjang tetapi masalah yang kita hadapi ini tidak dapat hanya diselesaikan melalui proses penguatkuasaan undang-undang sahaja. Ia mestilah dilakukan secara yang bersepadu, secara yang *integrated*, secara yang menyeluruh yang melibatkan pembangunan manusia, pembangunan insan secara yang menyeluruh daripada semua kaum, semua agama, semua peringkat umur dan kalau kita boleh melakukan ini, insya Allah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peringat berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peringat berdiri hendak minta penjelasan. Peringat, ha, sila.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagaimana yang kita sedia maklum menurut dasar atau prinsip ajaran Islam, dadah adalah dikelaskan sama bahayanya dengan arak. Menurut prinsip Islam setiap yang memabukkan itu adalah arak. Penagih-penagih arak adalah sama statusnya dan bahayanya dengan penagih dadah. Kenapa dalam negara kita sekarang ini ada semacam *double standard* di antara penyalahgunaan dadah dengan penyalahgunaan arak itu sendiri, di mana arak dengan segala jenisnya dibebaskan begitu sekali? Kilang-kilang pengeluaran arak, pengedar, peminum begitu meluas dan arak tidak dianggap sebagai merbahaya seperti dadah. Itu yang pertama.

Yang keduanya, untuk menghapuskan punca-punca yang menjadi faktor kepada penyalahgunaan dan pengedaran dadah itu, sedangkan ianya menjadi salah satu sumber pendapatan negara. Minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada wakil Peringat yang minta penjelasan ini. Dan berdasarkan kepada kajian yang dibuat, arak sendiri itu merupakan satu perkara yang sangat merbahaya yang boleh mendatangkan penyakit. Yang ini bukan sahaja suatu kajian yang kita buat. Dunia Barat sendiri mengiktiraf bahawa arak salah satu daripada punca penyakit yang besar termasuk di Barat sendiri. Cumanya barangkali secara relatifnya dadah tentulah lebih teruk, lebih merbahaya daripada arak. Kedua-duanya adalah merbahaya tetapi secara relatifnya dadah lebih merbahaya daripada arak. Tetapi ini bukan suatu alasan untuk membiarkan sebenarnya penyakit yang dua-dua ini - dadah dan arak - dan sebagainya dibiarkan berleluasa. Sebab itulah bagi negeri-negeri yang PAS memerintah - Terengganu dan Kelantan - kita menghormati agama yang dipegang oleh penganut selain daripada Islam, dan sebab itu kita masih mengizinkan bahawa penganut yang bukan Islam ini oleh kerana arak ini mereka mengatakan agama mereka membolehkan kita juga membenarkan, tetapi dalam bentuk yang terbatas. Kita tidak membenarkannya secara yang berleluasa yang dibuat oleh kerajaan yang diperintah oleh BN sekarang. Kita menghormati agama mereka tetapi kita perlu bataskan penyakit yang boleh membawa bahaya kepada masyarakat.

Soalannya sama ada kerajaan yang ada sekarang ini bersedia untuk bertindak sebagaimana yang kita bertindak, saya tidak yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah di peringkat Pusat ini akan melakukan sama sebagaimana yang dilakukan oleh PAS yang memerintah di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Terengganu dari sudut apa yang telah saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, saya tidak ingin untuk melanjutkan perbicaraan ini. Cuma saya mengulangi sebagai suatu kesimpulan

penyakit ini tidak mudah untuk kita selesaikan tetapi kita mestilah mencari jalan untuk menyelesaikannya, dan penyelesaian bergantung kepada kerjasama seluruh pihak, semua orang, semua peringkat, dan apabila ianya dapat dilakukan dengan secara yang ikhlas dan jujur maka Pemadam barangkali boleh kita pertingkatkan dari segi keupayaannya.

Agensi-agensi lain boleh kita pertingkatkan keupayaannya, agensi yang *enforce*, yang menguatkuasakan boleh kita pertingkatkan ini, kesedaran kerajaan pun boleh kita pertingkatkan, kesedaran masyarakat, kesedaran sekolah boleh kita pertingkatkan, tetapi contohnya hendaklah, mestilah dimulakan daripada peringkat yang lebih atas. Contohnya, bukan *automate tetapi top-down*. Atas mesti menunjukkan contoh yang baik barulah mudah untuk yang di bawah ini mengikut contoh dan tauladan itu. Ini adalah tanggungjawab kita semua yang mesti kita mainkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan menjawab. Ya, silakan.

3.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, Bukit Mertajam, Gelang Patah, Pengkalan Chepa, Batu Gajah, Bagan dan Dungun yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini.

Sebenarnya kalau kita lihat masalah yang kita cuba atasi melalui pindaan rang undang-undang ini ialah untuk memberi satu tumpuan khusus kepada penagih-penagih tegar kerana mereka adalah punca pelbagai jenayah. Namun demikian, dan juga kalau kita perhatikan Akta Dadah Berbahaya ini, ini adalah di bawah kuasa bidang Menteri Kesihatan. Menteri yang bertanggungjawab adalah Menteri Kesihatan, dan saya amat dukacita kerana ada juga Ahli Yang Berhormat sengaja sama ada mereka tidak memahami perkara itu ataupun sengaja membangkitkan perkara ini seolah-olah pihak-pihak yang lain tidak bertanggungjawab.

Kalau sesuatu akta itu dipertanggungjawabkan kepada sesuatu kementerian, tugas pindaan itu pun diserahkan kepada kementerian tersebut. Jadi, saya rasa eloklah kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat menjadi contoh kepada orang lain, jangan kita memperbodoh-bodohkan diri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan ataupun pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok supaya kerajaan lebih proaktif terhadap pengeluar dan pengedar, sebenarnya kalau kita lihat kepada statistik untuk kes-kes di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dari tahun 1997 hingga tahun 2001, iaitu dalam tempoh lima tahun jumlah kes yang disabitkan di bawah seksyen 39B adalah sebanyak 4,992 kes.

Bagi seksyen 39A(2) ada sebanyak 4,119 kes dan bagi seksyen 39A(1). Jumlah kes yang disabitkan ialah 7,575. Dan lain-lain pula adalah sebanyak 46,929 kes. Dan juga di bawah langkah-langkah pencegahan, sebanyak 8,034 orang telah dimasukkan dalam pusat pemulihan di Batu Gajah, Simpang Renggam dan Muar. Dan ada juga yang dikenakan *restricted residence*.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga telah menyentuh tentang tiga aspek utama iaitu dalam menangani masalah dadah iaitu aspek pengeluar, pengedar dan dadah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bekalan dadah yang ada adalah diseludup dari luar negara kecuali sedikit sahaja dari dadah jenis ATS yang dibuat di makmal haram di dalam negeri.

Masalah penyeludupan adalah satu perkara yang amat sukar kerana jalan masuk yang amat luas, laut, darat dan udara. Pihak polis memang banyak mengadakan kerjasama antarabangsa dan serantau untuk membanteras dadah. Begitu juga tindakan dipergiatkan untuk membanteras sindiket pengedar dadah di dalam dan luar negara.

Mengenai penagih dadah, usaha untuk memulihkan mereka telah dilaksanakan di pusat-pusat serenti tetapi selepas mereka keluar dari pusat serenti, mereka memerlukan sokongan semua pihak iaitu keluarga dan masyarakat untuk terus pulih.

Dan mengenai penempatan di pulau perkara ini sedang dikaji dan ditinjau kesesuaian dari segi pengurusan, kos dan program-program pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan saya percaya oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Bagan berkenaan dengan menteri yang bertanggungjawab itu memang saya ingin rujuk balik kepada seksyen 2 iaitu seksyen *interpretation* di mana dengan jelasnya ditakrifkan tentang menteri yang bertanggungjawab itu. Jadi, saya percaya saya tidak perlu buang masa untuk memberi penerangan tentang perkara itu.

Menyentuh lagi tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Akta Dadah Berbahaya adalah di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan dan juga pegawai-pegawai dari juga Kementerian Dalam Negeri, agensi dadah kebangsaan; dan polis adalah juga turut hadir dalam untuk memantau perjalanan persidangan pada hari ini.

Kerajaan terpaksa membina lebih banyak tempat-tempat pemulihan dan penjara tambahan untuk menampung keperluan tambahan. Adalah dijangkakan sebanyak RM2.5 juta diperlukan untuk membina 50 buah pusat penjara untuk memastikan bahawa penagih-penagih tegar ini dapat ditahan dan diberi latihan yang secukupnya.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga, bilangan yang benar-benar pulih selepas menjalani tempoh pemulihan di pusat-pusat serenti adalah kira-kira 20% hingga 25% sahaja. Yang lain didapati menagih semula kerana kurangnya sokongan keluarga, masyarakat dan orang ramai. Kita juga menggalakkan pusat pemulihan swasta untuk membantu kerajaan untuk merawat penagih-penagih dadah. Jika mereka begitu berjaya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, maka hal ini akan membantu menambah bilangan mereka yang pulih dan mereka tidak perlu menghadapi hukuman-hukuman yang lebih berat seperti yang dicadangkan di bawah pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga telah menyentuh tentang penyalahgunaan kuasa pegawai-pegawai dan saya percaya ini juga telah pun disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat selepas itu.

Tentang pengambilan contoh air kencing, di bawah cadangan pindaan Akta Dadah Berbahaya ini pengambilan air kencing adalah dihadkan kepada seorang pegawai polis berpangkat sarjan dan ke atas sahaja, berbanding dengan kuasa yang diberi di bawah seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 iaitu kuasa mengambil air kencing diberi kepada mana-mana pegawai polis termasuk seorang konstabel.

Tujuan pengambilan contoh air kencing oleh pegawai polis berpangkat sarjan adalah semata-mata bagi maksud memelihara keterangan, dengan izin, *preservation of evidence* sahaja. Untuk memastikan tidak ada salah guna kuasa dalam pengambilan contoh air kencing, satu perintah tetap tata cara dan aliran pengurusan pengambilan air kencing telah dikeluarkan sebagai garis panduan kepada semua warga Polis DiRaja Malaysia. Pegawai polis yang ingkar atau salah guna kuasa boleh diambil tindakan mahkamah ataupun tindakan tata tertib.

Saya ingin juga merujuk kepada Fasal 5 di mana ianya jika seperti dinyatakan bahawa ianya hanya akan dilakukan sekiranya, dengan izin, *if it is not practical for the medical officer or the person who is acting in aid of or on the direction of a medical officer to obtain this specimen of the urine within a reasonable period.*

Jadi, ini memang seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya dalam keadaan-keadaan di mana memang tidak sesuai ataupun mendesak kita tidak boleh menunggu untuk pengamal-pengamal perubatan untuk mengambil *sample*. Dalam keadaan-keadaan tersebut kita mempunyai suatu peruntukan khas ini di mana pegawai-pegawai polis yang berpangkat sarjan ke atas boleh menjalankan tugas tersebut dan kita ada garis panduan yang perlu mereka ikuti. Dan ini adalah merupakan satu garis panduan yang bukan baru, kalau kita lihat seperti yang saya terangkan tadi, dalam peruntukan rang undang-undang yang sedia ada, memang seorang pegawai polis yang berpangkat konstabel itu boleh berbuat demikian, tetapi kali ini kita telah pun memperkukuhkan supaya seorang yang berpangkat sarjan ke atas.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Sekiranya seseorang yang kena tahan sebelum ia diambil sampel air kencing dan dia telah mengambil ubat-ubat seperti yang saya sebut tadi, Panadol, ubat batuk atau *Contact 500* atau lain-lain ubat. Adakah najis ubat-ubat ini boleh terdapat dalam air kencing ini kepada seorang yang bukan di dalam bidang perubatan, bolehkah beliau cam atau beliau mengenal pasti bahawa najis dalam air kencing ini bukan berpunca dari dadah tetapi dari ubat-ubatan?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan di mana ia tidak mengizinkan untuk seseorang yang disyaki mengambil dadah itu kita boleh rujuk kepada pegawai perubatan, pegawai polis yang mengambil sampel itu tidak akan membuat analisis secara sendiri. Dia cuma akan mengambil sampel itu supaya sampel itu diambil pada masa yang tepat dan bukan satu atau dua hari selepas seseorang penagih itu ditangkap dan bila sampel itu diambil, lepas itu ianya akan dihantar ke makmal untuk dianalisa dan dalam undang-undang ini pun kita memang sudah ada peruntukan. Sekiranya didapati di dalam air kencing itu mengandungi dadah bermakna wujudlah anggapan bahawa orang itu telah mengambil dadah. Jadi terpulanglah kepada orang tersebut, dengan izin, untuk *rebate the evidence, rebate the presumption*. Jadi caranya ialah mungkin dia boleh mengemukakan preskripsi-preskripsi yang telah diberi oleh doktor yang telah memberi ubat kepada beliau.

Jadi saya rasa memang ada peruntukan undang-undang untuk pastikan bahawa orang-orang yang tidak terlibat itu tidak akan teraniaya. Jadi saya rasa ini adalah demi untuk kepentingan masyarakat dan rang undang-undang ini dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menekankan hal pencegahan. Perkara ini memang diberi penekanan dan keutamaan yang tinggi dalam usaha mengatasi masalah dadah. Pelbagai program dan strategi telah dilaksanakan yang ditujukan kepada kumpulan sasaran tertentu seperti kanak-kanak sekolah, remaja, belia, ibu bapa dan semua ahli masyarakat. Program ini akan terus dipertingkatkan.

Berkenaan dengan program pemulihan dan rawatan juga telah dipertingkatkan. Masalah yang dihadapi ialah apabila mereka keluar dan berada dalam masyarakat seperti yang saya sentuh tadi kurang sokongan dari ahli keluarga dan masyarakat dan ini menyebabkan mereka kembali menagih. Juga saya hendak cakap di sini bahawa badan agama memang diajar dan digalakkan supaya terlibat dalam program pencegahan dan pemulihan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sipitang berdiri, ya sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penerangan Setiausaha Parlimen tadi, minta penjelasan. Kalau kita lihat bilangan penagih dadah ini setiap tahun sekitar 100 ribu lebih kes baru yang dikesan. Jadi ertinya kalau kita lihat setiap tahun anak-anak kita yang lulus daripada peperiksaan SPM, PMR sekitar setengah juta. Jadi lebih kurang 20% daripada anggaran itu walaupun yang 100 ribu itu bukan penuntut sekolah. Ini menggambarkan bahawa dadah ini sangat merbahaya dan kalau kita lihat dadah ini banyak kategorinya misalnya *Syabu*. Salah satu kesan sampingan ataupun kesan *Syabu* ini ialah ia menimbulkan keadaan gila, *psychotic*. Saya dapat melihat beberapa kes penagih *Syabu* yang membunuh diri, yang membuat kes-kes jenayah.

Satu kes di Kuala Penyu mungkin tiada direkodkan, dia bawa pisau masuk ke dalam bilik darjah, ingin membunuh seorang guru tetapi guru tidak ada, dia tangkap murid perempuan. Lepas itu dia sudah jadi gila, dia ambil pisau, dia potong "barang" dia, dia suap dekat mulut murid sekolah, ini kesnya.

Jadi banyak lagi kes-kes jenayah yang lain. Jadi ertinya begitu berbahaya. Kalau kita melihat dalam masyarakat tadi seperti yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen bahawa masyarakat tidak begitu sedar, tidak begitu faham apakah usaha-usaha kerajaan. Ada dua peringkat, satu di peringkat sekolah, bolehkah kita adakan sebagai salah satu mata pelajaran atau kurikulum dalam sekolah mata pelajaran dadah ini kerana kesan dan akibatnya begitu buruk kepada masyarakat. Kita jadikan sebagai

satu yang wajib dalam pelajaran kerana kalau kita lihat bahawa soal dadah ini cuma diajar di peringkat universiti kalau dia mengambil mata pelajaran sains, tetapi yang mengambil pelajaran sastera atau agama, dia tidak tahu walaupun dadah ini bukan kehendak mereka, mereka tidak suka ambil tetapi oleh kerana pengaruh dan perbuatan jenayah yang mereka buat bukan kehendak mereka tetapi pengaruh dadah itu., Jadi saya minta penjelasan, apakah Kementerian bercadang dimasukkan dalam satu mata pelajaran di sekolah yang wajib semua murid belajar, faham apa itu *Syabu*, apa itu ganja dan akibatnya. Jadi orang jijik dengan dadah ini, itu yang pertama.

Yang kedua dari segi pendidikan kesihatan. Apakah dimasukkan ke dalam kurikulum supaya pendidikan kesihatan mengenai dadah ini diperluaskan sebagai satu tanggungjawab penting dalam JKK, dalam masyarakat supaya semua masyarakat tahu tentang dadah ini. Saya pun tidak melihat satu buku panduan mengenai dadah berbahaya ini. Sepatutnya setiap ibu bapa mesti ada sebuah buku kerana kesan dan akibatnya merosakkan masyarakat. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak banyak penjelasan diberikan melalui media massa elektronik tentang bahaya dadah ini dan saya percaya murid-murid sekolah pun memang dia tahu tentang bahaya dadah ini. Sebenarnya seperti yang saya katakan tadi, orang yang boleh memainkan peranan dalam perkara ini ialah ibu bapa sendiri. Masalah ini berpunca kerana kekurangan keprihatinan ibu bapa sendiri terhadap anak-anak mereka. Itulah sebabnya wujud bila mereka cuba mengambil dadah, ada ibu bapa yang tidak tahu sampai mereka ditangkap dan bila mereka ditangkap, ibu bapa mengadu kepada polis, anak mereka baik, memang tidak pernah kenal dengan najis dadah ini. Bermakna perhubungan di antara ibu bapa dan anak itu tidak ada.

Jadi itulah saya nyatakan tadi, pemimpin kita yang harus memainkan peranan yang penting memastikan bahawa ibu bapa mengetahui tentang perkara ini dan juga walaupun mereka mempunyai tanggungjawab yang berat dari segi aspek kerja, mereka tidak boleh lupakan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak mereka. Jadi bila mereka sudah lupa semua, lepas itu kita pula menyalahkan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak menjalankan tugas. Memang saya rasa itu bukan satu cara mudah untuk kita keluar daripada menghadapi keadaan yang realistik. Kita harus praktikkan apakah sebabnya wujud. Kita begitu menumpukan perhatian terhadap politik dan dalam ceramah-ceramah pun kita banyak politik sahaja. Mana kita ada cakap tentang dadah? Kita selalu menghentam dan mengkritik khususnya pembangkang. Mereka mengkritik kerajaan sahaja, itu sahaja tugas mereka. Mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat langsung. Mereka tidak cakap pasal dadah, tetapi di sini mereka kata pegawai kerajaan mengambil rasuah, polis tidak betul, itu semua kerja mereka. Tetapi dari segi Kementerian Kesihatan kita memang menjalankan tugas kita dan begitu juga dengan Kementerian Pendidikan pun terus menjalankan tugas mereka dari segi pelajaran agama di mana murid-murid muslim diberikan pelajaran agama dan yang bukan muslim mereka diberi pelajaran moral.

Jadi saya rasa kita pun boleh persalahkan parti-parti pembangkang yang tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Tadi mereka menyalahkan polis tidak boleh dipercayai. Siapa lagi kita hendak percaya? Polis tidak boleh percaya, pegawai-pegawai dan agensi dadah kebangsaan tidak boleh percaya, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tidak boleh percaya, Menteri Dalam Negeri tidak boleh percaya, siapa lagi hendak percaya? Mungkin saya tidak tahu sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat pihak pembangkang percaya pada Tuhan atau tidak, itu pun kita tidak tahu, mungkin. Memang inilah perkara yang sebenarnya.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Selangor berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen mengenai masalah dadah yang sehari suntuk membincangkan perkara yang mana sebagai musuh pertama negara hari ini. Hari ini kita rata-rata tidak menyetujui bahawasanya dadah ini sebagai satu perkara yang remeh dan hari ini kerajaan sentiasa memainkan peranan saya rasa dari masa ke semasa hinggakan satu masa dahulu dadah ini tidak pun dikategorikan sebagai satu perkara yang serius sehinggakan dihukum mati.

Justeru itu saya bersependapat dengan Yang Berhormat bagi Dungun sebentar tadi yang mana saya turut sama mendengar bagaimana pendapat Ahli Yang Berhormat bagi Dungun mengenai masalah ini. Ini adalah gejala bersama yang perlu ditangani bukan sahaja oleh kerajaan dan kita semua dan saya bersetuju di atas pandangan dari kementerian dan pada hari ini kita teruskan mencari yang terbaik untuk anak remaja yang akan menjadi pelapis pemimpin masa depan.

Saya sependapat dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sipitang supaya program anti-dadah ini diterapkan secara tidak langsung, sama ada di semua peringkat agensi kerajaan diadakan risalah-risalah yang berterusan, bukan sahaja semasa kempen anti-dadah setiap tahun tetapi pada setiap masa, di sekolah-sekolah, JKKK umpamanya, terutama di luar bandar. Hari ini pun dadah ini menjadi punca masalah sosial yang agak serius di luar bandar. Jadi, saya bersependapat supaya perkara ini, didikan moral kepada yang non-Islam dan Islam ini, dijadikan satu teras sebagai landasan utama memainkan peranan untuk mereka ini tidak terjebak dalam gejala dadah. Apa yang difahamkan, orang-orang Melayu, orang Islam ini yang lebih ramai terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat. Soalnya.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Soalnya, saya mencadangkan supaya risalah-risalah berterusan diterbitkan, dan juga kerajaan terus memainkan peranan, semua agensi kerajaan, bukan sahaja Kementerian Kesihatan tetapi agensi-agensi kerajaan, berterusan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih terhadap pandangan Yang Berhormat tadi. Memang saya harap pegawai-pegawai daripada Agensi Dadah Kebangsaan akan terus menjalankan usaha mereka dengan lebih giat lagi. Dari segi Kementerian Kesihatan pun, kita terus menjalankan program-program CeraH, iaitu untuk mencegah tabiat merokok dan program PROSTA. Program PROSTA ini sebagai program Sihat Tanpa AIDS untuk remaja, di mana aspek penekanan khusus diberikan kepada dadah, untuk mencegah pengambilan dadah ini. Jadi, pelbagai program dilakukan. Kita akan terus menggiatkan lagi program-program seumpama ini di masa-masa akan datang, mungkin kita akan teruskan dengan peruntukan-peruntukan kerajaan yang ada.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena berdiri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut bahawa kadang-kadang pembangkang tidak memberi kerjasama, hanya bercakap soal politik dan sebagainya. Saya rasa bahawa Yang Berhormat harus sedar bahawa betapa sukarnya kami hendak mendapat kerjasama daripada agensi-agensi yang berkaitan dengan soal pencegahan dadah ini, umpamanya PEMADAM, Agensi Dadah Kebangsaan, untuk kita mengaturkan program-program. Kita pernah meminta hendak menganjurkan program-program, tetapi tidak diberikan kerjasama oleh pihak-pihak ini, kerana mereka tidak mahu nanti menampakkan imej seolah-olahnya kita bersedia menyelesaikan masalah-masalah yang menjadi masalah bersama kepada masyarakat.

Begitu juga saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat bahawa soal, kita katakanlah soal polis - bukanlah bermakna semua polis kita tidak percaya. Saya pernah melihat persoalan bagaimana polis, sebahagian polislah, yang jual air kencingnya. Saya pernah duduk dalam lokap, saya pernah sebut di Parlimen ini – lokap di Balai Polis Dang Wangi. Saya pernah duduk dalam lokap, dalam kes kriket dahulu, yang membawa saya kena penjara. Jual air kencing – ada seorang India yang juga kena lokap dengan saya. Saya kata, "Kamu sudah berapa kali?", dia kata sudah banyak kali. "Macam mana kamu boleh terlepas?". "Aah! Beres" dia kata. "Nanti keluarga saya jumpa cikgu itu, ubah kes, kemudian termasuk juga boleh jual air kencing". "Macam mana?". "Bayar dengan cikgu RM300, satu botol Nescafe kecil". Ini berlaku dalam polis, tetapi saya hendak katakan bahawa bukan semua anggota polis, saya tidak mengatakan semua anggota polis.

Tetapi ini yang saya katakan, bahawa pihak kerajaan juga harus mengambil kira bagaimana soal yang berlaku dalam perkhidmatan pasukan polis ini perlu diatasi, supaya mereka bekerja secara yang lebih profesional, secara yang bersungguh-sungguh, untuk mengatasi masalah besar dalam negara kita. Akhir sekali, ialah berkaitan dengan kementerian Yang Berhormat Dato' Seri sendiri – bagaimana soal kerjasama, kami sukar hendak dapat, kerana ada campur tangan politik.

Selain daripada isu dadah ini, umpamanya dalam kes yang pernah berlaku di negeri Perlis, bila campur tangan oleh Menteri Besar, akhirnya pihak hospital tidak boleh memberi kerjasama kepada program derma darah yang hendak dianjurkan oleh PAS, atas nama PAS di pejabat PAS, di pusat Pas, di markas PAS. Ini ada surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar kepada Pengarah Hospital Negeri Perlis, menyebabkan Pengarah Hospital Negeri Perlis menarik balik kelulusan tersebut kerana dia kata, "ini merupakan arahan daripada pihak politik dalam Kerajaan Negeri Perlis sendiri".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini menunjukkan bagaimana campur tangan politik, yang akhirnya sukar bagi pegawai-pegawai dan agensi-agensi kerajaan memberikan kerjasama, dan sukar untuk kami melaksanakan tugas dan tanggungjawab kami. Kami sedar kami ada tugas, ada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, untuk menyelesaikan masalah bersama.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang saya rasa dalam program-program pencegahan dadah ini, memang ini adalah satu program yang serius dan kita harus memandang serius tentang perkara ini. Tetapi masalahnya pihak PAS biasanya mempolitikkan banyak perkara. *[Disampuk]* Kita pernah dengar, kita pernah mengalami keadaan, di mana kalau Kerajaan Persekutuan hantar peruntukan *[Disampuk]* tetapi Kerajaan PAS tidak menghantar, menyalurkan peruntukan tersebut. Itu sebabnya pegawai-pegawai kita pun berjaga-jaga. Tetapi kalau sesuatu program itu sebenarnya bertujuan baik, saya percaya semua pegawai kerajaan harus memberi kerjasama untuk mencegah. Tetapi jangan mempolitikkannya untuk kepentingan PAS, itu yang kita tidak mahu.

Dato' Mustafa bin Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Dungun bangun.

Tuan S.G. Sothinathan: *[Disampuk]* Saya rasa ini pun cakap politik juga, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, hendak bagi atau tidak bagi, Yang Berhormat?

Tuan S.G. Sothinathan: Tidak bagilah. Banyak lagi saya hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi. Ya, dia tidak bagi.

Seorang Ahli: Dia sudah larilah.

Tuan S.G. Sothinathan: Tetapi dalam pengertian Yang Berhormat sentuh tadi, polis memang, kalau ada mungkin kalau seorang itu tidak boleh memberi imej tentang keseluruhan pasukan polis. Itulah sebabnya kita terpaksa mengambil tindakan tata tertib terhadap pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Jadi kalau kita dapat tahu maklumat tentang perkara-perkara ini, kita mesti membuat aduan kepada pihak-pihak berkenaan. Kalau kita simpan sahaja dan kita bercerita di luar, tidak berguna – bermakna kita tidak melakukan kerja kita secara *constructive*, kita hendak pakaikan isu-isu ini untuk kepentingan politik sahaja. Tetapi sebagai Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab mesti membangkitkan perkara ini kepada pihak yang berkenaan, yang berkuasa. Kalau tidak berbuat demikian, buat apa?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalnya kita hendak buat *report*, kadang-kadang ia membabitkan kepentingan orang politik dalam kerajaan. Umpamanya, saya hendak sebutkan di sini, bahawa Pengarah Hospital Negeri Perlis diberi amaran oleh Pejabat Menteri Besar. Ini disebut di dalam Dewan Undangan Negeri. Dia mempersoalkan bagaimana Pengarah Hospital boleh mengepulkan surat daripada Pejabat Menteri Besar, yang mengarahkan Pejabat Pengarah Hospital membatalkan program tersebut. Ini menunjukkan campur tangan daripada orang politik, sedangkan Pengarah Hospital, atas dasar profesionalnya, dia memberikan kelulusan untuk pihak PAS mengadakan program derma darah, hendak melawat hospital untuk memberikan sumbangan, memberikan apa-apa bantuan kepada pesakit-pesakit dan sebagainya. Ini profesional punya kerja, tetapi yang tidak profesionalnya ialah pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Jadi jangan hendak menuduh mengatakan kami yang berpolitik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukuplah. Ini tidak kena-mengena Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang berpolitik, yang menjaga kepentingan politik, sampaikan kes orang sakit, orang hendak memerlukan darah pun hendak politik lagi, ini UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apa punya samdol! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah jawablah Setiausaha Parlimen. Jawab benda lainlah.

Tuan S.G. Sothinathan: Itu politik sahaja. Memang Yang Berhormat pun sedar tentang hakikatnya, tidak perlulah kita buang masa tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, bilangan penagih di pusat-pusat serenti adalah dalam lingkungan 9,000 setiap masa. Bilangan ini agak *consistent* sejak beberapa tahun. Sekiranya masalah ini tidak berkurangan, bilangan ini mungkin akan bertambah, kerana mereka yang terlibat perlu diberi rawatan dan dipulihkan. Pendekatan pencegahan melalui penghayatan agama adalah sangat baik dan boleh mengatasi banyak masalah sosial, termasuk masalah penagihan dadah. Dalam hal ini, peranan ahli keagamaan, ibu bapa dan masyarakat, perlu berusaha menerapkan ajaran agama kepada setiap anak muda dan remaja kita.

Mengenai PEMADAM, PEMADAM ialah sebuah NGO yang diwujudkan khas untuk memerangi dadah. Badan ini telah menjalankan tugas dan peranannya dengan sangat berkesan, baik dari aspek pencegahan dan pemulihan. Kerajaan mengharapkan lebih ramai sukarelawan dapat menceburkan diri untuk membantu PEMADAM meningkatkan aktivitinya.

Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa juga telah menyentuh tentang beberapa kes murid-murid dalam IPTA yang terlibat. Sepanjang tahun 2001, sebanyak 22 kes baru oleh pelajar-pelajar IPTA telah dikesan. Saya juga kagum dengan syor yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tentang merokok harus diharamkan atau dilarang. Dari segi itu, ingin saya maklumkan kepada Dewan ini, dan tahun ini juga telah dibangkitkan tentang perkara pengiklanan merokok secara tidak langsung di dalam media-media elektronik, khususnya dalam perlawanan liga bola sepak FIFA baru-baru ini.

Memang kita dalam Kementerian Kesihatan telah pun diberi kuasa baru-baru ini melalui pindaan-pindaan akta makanan iaitu pada tahun lalu untuk memberi kuasa mutlak dalam perkara ini. Kami telah mengadakan perbincangan dengan pihak syarikat-syarikat rokok di mana mereka telah pun bersetuju secara *voluntarily* mereka akan menarik balik semua pengiklanan-pengiklanan yang akan mereka lakukan buat masa ini. Jadi mereka telah bersetuju pada akhir tahun ini mereka akan memastikan tidak ada lagi iklan-iklan secara tidak langsung di dalam media-media elektronik.

Jadi, saya rasa itu adalah berita baik. walau bagaimanapun, kita tidak memaksa mereka, kita perlu mengadakan peraturan-peraturan dan ini mungkin mengambil masa sehingga akhir tahun ini. Jadi ini adalah satu langkah yang baik di

mana kita bekerjasama dengan pihak swasta di mana mereka bersetuju secara sukarela untuk menarik balik pengiklanan ini. Tetapi di sini juga saya ingin meminta kepada Tuan Yang di-Pertua khususnya di Dewan ini, kita banyak bercakap tentang rokok ini.

Sebentar tadi pun bila saya masuk ke Dewan saya ada melihat banyak tanda "Dilarang merokok", tetapi ada juga banyak orang yang merokok. Jadi, saya rasa kita tidak boleh menggunakan pegawai-pegawai *enforcement officers* kita untuk melakukan tugas-tugas di Dewan ini. Saya rasa itu adalah satu penghinaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, saya meminta Tuan Yang di-Pertua, supaya mengeluarkan satu arahan. Kenapa kita tidak boleh, melarang atau menjadikan kawasan Parlimen ini satu kawasan bebas daripada merokok? Saya rasa itu adalah satu cara, mungkin ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua pihak yang merokok. Tetapi bila kita lihat murid-murid sekolah yang datang ke galeri ini untuk melihat perbincangan kita dan bila mereka balik mereka melihat kita merokok. Saya juga bersetuju dengan pandangan beberapa Ahli Yang Berhormat merokok itu adalah permulaan untuk seseorang itu memulakan tabiat merokok itu. Itu adalah melalui kajian kita. Jadi saya rasa kita mesti bertegas dalam perkara ini dan saya meminta Tuan Yang di-Pertua supaya melaksanakan perkara ini dengan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya tidak menghisap rokok Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan S. G. Sothinathan: Saya bukan maksudkan Tuan Yang di-Pertua tetapi semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang merokok. Kalau kita boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan:..... seluruh kawasan Parlimen ini kita jadikan zon bebas dari merokok. *[Tepuk]* Jadi saya meminta sesiapa yang merokok jangan marahlah kepada saya. Kita kena menjalankan tugas kita dengan tegas *[Ketawa]*.

Satu lagi isu yang dibangkitkan dalam perbincangan tadi adalah tentang *modality* pemulihan yang dilaksanakan dalam pusat serenti, iaitu *modality* kerohanian yang menekankan aspek kerohanian, guru-guru agama yang bertauliah memang ditempatkan di semua pusat serenti untuk mengadakan kelas dan program keagamaan seperti Maal Hijrah, Maulidur Rasul dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas walaupun tidak mengambil dalam perbincangan tetapi telah membangkitkan soalan ini yang saya percaya tidak dijawab oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tadi, iaitu mengenai pengedaran dan bekalan dadah di pusat-pusat serenti. Perkara ini tidak benar dan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sepatutnya percaya dengan cerita-cerita yang dibawa oleh penagih-penagih dadah. Jangan percaya dengan cerita-cerita yang dibawa oleh penagih dadah. Kita harus tahu siapa itu penagih dadah dan kita hendak mendengar kata-kata mereka dan membangkitkannya sebagai satu isu di sini. Kita harus menyiasat, kita harus mendapat bukti yang konkrit. Walau bagaimanapun, kerajaan memandang serius...

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Sebenarnya saya membangkitkan perkara tersebut supaya pihak-pihak yang berkaitan mengambil suatu tindakan dan suatu kajian apakah benar atau tidak benar, bukan hanya sekadar menjawab di sini. Barangkali perkara ini berlaku benar, kalau tidak masakan mereka membawa keluar daripada pusat serenti itu. Jadi, saya maksudkan supaya pihak-pihak yang berwajib mengambil tanggungjawab melihat dan sekali gus mengkaji, adakah tidak perkara ini berlaku. Sekian.

Tuan S. G. Sothinathan: Yang Berhormat saya telah mengatakan tadi kerajaan memang walaupun saya telah memberi komen tetapi kerajaan memang

memandang serius tentang sebarang aduan yang dibuat berkaitan dengan penagihan dadah ataupun pengedaran dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas saya telah menjawab tadi tentang perkara ini. Jadi, di sini saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan serius mengenai perkara ini dan mengambil segala langkah yang perlu membendung dan mengatasinya. Kerajaan juga telah mempertingkatkan kawalan keselamatan di pusat serenti dan memperbaiki pagar keselamatan bagi menghalang kegiatan atau cubaan membawa bahan-bahan terlarang termasuk dadah ke pusat serenti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah pun membangkitkan beberapa isu dan untuk makluman Dewan ini sememangnya penagih-penagih dadah yang telah menjalani tempoh pemulihan memerlukan sama sahaja perkara ini iaitu masih memerlukan bantuan semua pihak termasuk ahli keluarganya sendiri dan masyarakat setempat. Agensi Dadah Kebangsaan telah dan akan mengadakan kempen dan aktiviti untuk meminta dan mengajak masyarakat membantu dan menolong penagih dadah. Satu jawatankuasa di peringkat daerah telah diwujudkan di seluruh negara untuk merancang menggerakkan usaha di peringkat daerah melibatkan semua lapisan masyarakat dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kita tidak mempunyai sebarang musuh politik di dalam usaha kita Agensi Dadah Kebangsaan akan memberi kerjasama ke atas segala program yang diaturkan ataupun yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Begitu juga untuk program-program yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Ahli Yang Berhormat Batu Gajah juga telah mengatakan sebentar tadi bahawa pengasingan bukanlah cara yang terbaik tetapi kalau kita lihat di dalam perkara ini yang saya telah katakan tadi untuk ini kita cuba menangani isu penagih tegar di mana mereka menyumbangkan 60% daripada segala isu-isu jenayah, kes-kes jenayah yang telah saya nyatakan tadi dalam ucapan saya di peringkat awal tadi.

Satu lagi saya juga telah memaklumkan di Dewan ini tentang kebaikan, apakah kelebihan-kelebihan yang kita akan perolehi sekiranya kita dapat membendung mereka ataupun menahan mereka di suatu pusat khusus. Walaupun ia akan menelan belanja yang banyak tetapi saya rasa faedah yang kita atau masyarakat perolehi adalah terlalu banyak dan ini juga di dalam jangka masa yang panjang akan juga dapat memulihkan penagih-penagih dadah yang tegar ini.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga telah menyentuh tentang kerjasama di antara Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Walaupun Yang Berhormat sendiri boleh lihat bahawa walaupun agensi pelaksana dalam rang undang-undang adalah Kementerian Dalam Negeri tetapi Kementerian Kesihatan sebagai kementerian yang bertanggungjawab di dalam perkara ini sebaik sahaja kita mengetahui bahawa ini adalah satu masalah yang serius kepada negara, kita berusaha bersama-sama dengan secepat mungkin meminda rang undang-undang ini untuk menangani masalah-masalah yang kita hadapi pada masa sekarang khususnya dari segi pil *ecstasy* di mana sebelum ini kita mempunyai banyak masalah dari segi aspek undang-undang yang tidak memberi peruntukan yang secukupnya tetapi dengan pindaan ini yang dibawa sekarang ini saya percaya kita boleh melaksanakan ataupun mempertingkatkan lagi tindakan undang-undang kita.

Jadi, ini adalah beberapa kerjasama, ini adalah satu daripadanya. Kita ada beberapa lagi konsep bekerjasama yang saya akan huraikan sebentar lagi. Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga telah meminta tentang statistik-statistik penagih-penagih mengikut umur dan profesion.

Ingin saya nyatakan daripada jumlah penagih-penagih baru sepanjang tahun 2001 daripada jumlah 15,831 orang, mengikut pecahan berikut:

Umur	Penagih Baru (orang)
------	----------------------

Kurang dari 13 tahun	4
13 - 15	126
16 - 17	555
18 - 19	1,275
20 - 24	4,845
25 - 29	3,692
30 - 34	2,139
35 - 39	1,273
40 - 44	705
45 - 49	318
50 - 54	115
55 - 60	38
Lebih daripada 60 tahun	17

Ini adalah mengikut umur. Dan mengikut profesion, Tuan Yang di-Pertua, saya kena bagi kerana Ahli Yang Berhormat bagi Bagan merasa kita tidak mempunyai sebarang maklumat dan kita tidak boleh memberi jawapan sebab itulah walaupun panjang, saya minta izin supaya terus memberi maklumat ini. Kerana kita tidak boleh diperbodoh-bodohkan di dalam Dewan ini. *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, ya.

Tuan S. G. Sothinathan: Mungkin Ahli Yang Berhormat berkata tentang apa tadi itu, mengenai *nightclub*, dia kata sampai 11.00 malam dia mengantuk tetapi dia pagi-pagi pun mengantuk. Dia tidur di Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat. *[Ketawa]* Terus Yang Berhormat.

Tuan S G. Sothinathan: Saya telah pun tegur dia tadi. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bukan tidur, dia berfikir. *[Ketawa]*

Tuan S. G. Sothinathan: Mula-mula dia fikir lepas itu dia tertidur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus, terus, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Terus, terus.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, statistik mengikut profesion iaitu:

Profesion	Penagih Baru (orang)
Binaan	996
Ikhtisas, tadbir & pengurusan	110
Jualan	1,629
Pekerja-pekerja teknikal	838
Pengangkutan	855
Pengeluaran/Kilang	954
Perkeranian	96
Perkhidmatan	1,133
Perikanan/pertanian/ternakan/ perhutanan	689
Buruh am	2,241
Hiburan	58
Penganggur	1,438
Penuntut	402
Tidak diketahui kategorinya	1,392

Jadi, ini adalah statistik-statistik yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, berdiri Yang Berhormat, Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya hendak tahu apakah kelulusannya tenaga pengajar di pusat-pusat serenti ini. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, pengajar-pengajar di pusat-pusat serenti adalah orang-orang yang terlatih. Mereka diberi latihan khusus untuk menjalankan pemulihan dari segi aspek kaunseling dan mereka juga mendapat bantuan selain daripada pegawai-pegawai dalam pusat serenti itu mereka juga mendapat bantuan daripada Kementerian Kesihatan, di mana pakar-pakar kita dihantar untuk memberi nasihat kepada mereka. Jadi, itu bukan satu sebabnya pusat-pusat serenti itu tidak berkesan, memang pegawai-pegawai yang ada di situ adalah orang-orang yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan tentang contoh air kencing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah pun menjelaskan perkara ini. Jadi, jangan ingat saya tidak jawab. Yang Berhormat juga telah bertanya tentang bagaimana kalau kita tahu seseorang itu telah mengambil ubat berbanding dengan dadah. Perkara itu pun saya telah jelaskan tadi.

Jadi bermakna jikalau didapati dia telah mengambil ubat dan di mana air kencingnya diambil, kalau di mana *presumption* itu menjadi *operative*, jadi orang yang menagih itu mempunyai tanggungjawab untuk membatalkan ataupun untuk, dengan izin, *to rebut the presumption*. Seperti yang saya katakan melalui *prescription* doktor yang telah diberikan oleh beliau.

Masih dengan Yang Berhormat bagi Bagan. Pemulihan dan rawatan di pusat serenti adalah komprehensif meliputi aspek-aspek kaunseling, keagamaan, fizikal dan pelbagai terapi yang bertujuan untuk menjadikan penghuni lebih bersedia untuk berada dalam masyarakat. Sungguh pun begitu, tarikan penagihan dan lain-lain tekanan yang dihadapi menyebabkan ada di antara mereka yang kembali menagih.

Usaha untuk memulihkan ketagihan dadah adalah satu perkara yang sangat sukar. Tidak ada satu kaedah mujarab yang boleh menjamin seseorang penagih itu terus pulih dan kekal pulih. Ini adalah disebabkan ketergantungan kepada dadah bukan sahaja dari aspek fizikal tetapi juga dari aspek mental. Hal ini memerlukan kesungguhan yang berterusan daripada penagih itu sendiri dan keluarga dan pihak-pihak lain untuk terus berusaha.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ada satu lagi perkara yang saya ingin sentuh walaupun bukan berkenaan dengan dadah. Ini adalah berkenaan dengan *Slim 10* kerana perkara ini hangat diperkatakan di kalangan orang ramai. Jadi, elok juga saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit keterangan.

Banyak pengumuman telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan khususnya oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri, di mana berita-beritanya keluar dalam halaman depan surat khabar tetapi saya masih sedihlah kerana Yang Berhormat bagi Bagan masih belum tahu dan mengatakan tidak ada apa-apa pengumuman.

Saya tidak tahu sebenarnya apa niat, mungkin Yang Berhormat betul-betul tidak tahu atau tidak ingin tahu atau tidak boleh faham. Dari itu sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PUTRAJAYA (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama dan Kedua

4.25 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Pindaan) 2002, Akta 536 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini perlu dibuat iaitu:

Pindaan seksyen 2. Akta ibu dipinda –

(a) dengan memotong takrif "Kawasan Perbadanan Putrajaya"; dan

(b) dengan menggantikan takrif "Menteri" dengan yang berikut:

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya;".

Pindaan seksyen 3 – Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 4 – Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Kawasan Perbadanan Putrajaya" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Putrajaya".

Pindaan seksyen 5 – subseksyen 5(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "seorang wakil Kerajaan Negeri" dengan perkataan "dua orang mewakili Kerajaan Negeri, yang akan dinamakan oleh Menteri Besar Selangor dengan perkenan Raja Negeri Selangor."

Seksyen baru 5(A) – Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

5A. (1) Anggota silih ganti iaitu Menteri boleh, berkenaan dengan tiap anggota-anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(b) dan (c), melantik seseorang anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Perbadanan sebagai anggota itu apabila anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Perbadanan, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai seorang anggota Perbadanan.

(3) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya dia menjadi anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Perbadanan."

Pindaan seksyen 10 – Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 10 dengan seksyen yang berikut:

"Menjadi tanggungjawab Perbadanan untuk melaksanakan, di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya, fungsi yang diperuntukkan oleh Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain".

Pindaan seksyen 11 – Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau Kerajaan Negeri”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagikah?

Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Panjang, ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana kita ada usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), maka dengan ini saya cadangkan Yang Berhormat sambung ucapan Yang Berhormat nanti ataupun esok. Kita tengok keadaan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Kuota Sepuluh Peratus kepada Bukan Bumiputera ke MRSM dan Pusat Matrikulasi

4.30 ptg

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah pun sudah pukul 4.30 petang dan menurut Peraturan Mesyuarat 18(3) dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi yang telah meluluskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) saya sekarang hentikan perbahasan mengenai rang undang-undang untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi kawasan Pokok Sena.

Seperti yang telah pun diputuskan pagi tadi, pihak pencadang dan penyokong akan diberi 30 minit dan bagi pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kerana menerima usul yang dibawa ini dan saya dibenarkan untuk membahaskan dan saya percaya bahawa usul ini akan mendapat sokongan daripada rakan-rakan saya, khususnya dari Parit Sulong sebab konvensyen UMNO Johor juga menolak peruntukan pembukaan kuota ini. Begitu juga dengan rakan-rakan saya dari Sabah dan Sarawak yang mewakili sebahagian besar masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya membawa usul ini ialah harus difahami bahawa ianya bukan bertujuan untuk membangkitkan soal isu perkauman dalam negara kita. Jauh sekali untuk menyatakan penafian hak kepada orang ataupun kaum bumiputera dalam negara kita, jauh sekali untuk hendak merampas hak mereka. Tetapi apa yang saya bawa ini ialah semata-mata untuk kita hendak memperkukuhkan kontrak sosial yang sudah pun kita bina dan persetujui sejak daripada kemerdekaan kerana bagi saya bahawa hak untuk masyarakat bukan bumiputera dan sebagainya, jika mereka ada hak, itu haruslah kita berikan kepada mereka.

Sebab itu saya tidak menyatakan, malah sokongan saya kepada isu yang ditimbulkan oleh MCA sebelum ini pada tahun yang lalu tentang sejumlah pelajar-pelajar daripada masyarakat Cina yang tidak diberi peluang ataupun tidak mendapat tempat ke IPTA sehingga menyebabkan Kabinet mengarahkan Kementerian Pendidikan untuk mencari jalan penyelesaian dan kemudian kenyataan daripada Presiden MCA sendiri, beliau menyatakan pada 17 Mei 2001, Kabinet telah bersetuju bahawa biasiswa untuk pelajar-pelajar Cina yang gagal mendapat tempat di IPTA.

Bagi saya, kalau itulah hak mereka sama ada biasiswa, berilah! Malah bukan sahaja kepada orang Cina tetapi juga kepada seluruh kaum dalam negara kita. Sebab itu saya katakan bahawa ini bukan soal hendak menafikan hak orang lain ataupun hendak menafikan, jauh sekali hendak merampas hak-hak mereka. Malah kita rasa dalam isu sejumlah pelajar-pelajar Cina yang tidak boleh melanjutkan pelajaran ke IPTA seharusnya diatasi oleh kerajaan dengan menambahkan bilangan IPTA ataupun tempat-tempat di IPTA untuk membolehkan sejumlah pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat di IPTA itu dapat ditempatkan.

Sebab itu ingin saya katakan bahawa apa yang saya kemukakan ialah untuk memperkukuhkan kontrak sosial yang menjadi satu instrumen penting pada perhubungan antara kaum yang lebih harmoni dalam negara kita dan inilah yang termaktub di dalam Perlembagaan sejak daripada merdeka.

Kemudian, kontrak sosial itu pula diterjemahkan di dalam pelaksanaan dasar DEB yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara kaum dalam negara kita kerana satu ketika dahulu jurang antara kaum dalam pendidikan, umpamanya seperti mana yang disebutkan oleh Profesor Ramlah Adam dari Universiti Malaya. Mengikut rekodnya dalam 1998, pada waktu itu hanya lapan orang sahaja anak-anak Melayu khususnya, yang berjaya masuk ke Universiti Malaya dalam fakulti-fakulti yang begitu penting yang menyentuh soal-soal seperti sains dan sebagainya pada waktu itu.

Sebab itulah bahawa Dasar Ekonomi Baru, antaranya ialah menterjemahkan kontrak sosial ini untuk memperuntukkan kuota dan sebagainya kepada bumiputera sekian banyak dan kepada bukan bumiputera sekian banyak. Sebab itu tidak timbul sekarang ini bahawa bumiputera tidak boleh bergantung kepada soal tongkat, seperti mana yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri, sebab sekarang ini bukan soal tidak boleh bergantung kepada tongkat, tongkat pun kena curi! Malah dipatahkan tongkat tersebut sehingga akhirnya akan menjadi pincang perjalanan masyarakat bumiputera dalam negara kita.

Sebab itu, akhirnya bila Dasar Ekonomi Baru ini dilaksanakan, malah sebelum daripada itu, maka lahirlah institusi ataupun pusat-pusat pengajian yang dikhususkan untuk bumiputera bagi mencapai tujuan atau maksud bagi merapatkan jurang antara golongan bumiputera dalam negara kita.

Sebab itu bagi saya bahawa perubahan dasar pendidikan ini yang memberikan 10% kuota kepada bukan bumiputera di Maktab Rendah Sains MARA dan pusat matrikulasi adalah satu tindakan yang drastik dan amat tergesa-gesa yang pada saya bahawa tidak melalui satu proses penelitian dan pengkajian yang begitu teliti. Ia adalah satu perubahan yang akan mengundang kesan negatif kepada kedudukan kaum bumiputera dalam pendidikan negara dan juga kepada integrasi kaum yang lebih adil.

Oleh itu, kita di Dewan yang mulia ini sewajarnya perlu membuat pendirian bahawa perubahan ini perlu dikaji semula dan tidak dilaksanakan dalam keadaan yang tergopoh-gapah kerana kita lihat bahawa penjelasan yang saya sebutkan tadi bahawa jurangnya masih jauh. Apakah persaingan yang kita kata hendak wujudkan ini akan munasabah bahawa 'pipit boleh bersaing dengan enggang'? Sudah tentulah bahawa mestilah saiznya yang sama dan kita persoalkan di mana kita hendak mulakan perlumbaan ataupun persaingan itu, sedangkan persaingan itu yang kita hendak mulakan sekarang ini dalam keadaan kita jauh ke belakang, sedangkan orang lain sudah jauh ke hadapan. Sebab itu bagi saya bahawa usaha hendak merapatkan akan jurang ini perlu diperingkatkan, sebab itu mengekalkan penguasaan 100% kepada pusat-pusat pengajian tinggi ini, yang dimaksudkan ini perlu dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah benar alasan bahawa akan wujud persaingan yang baik di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera untuk kecemerlangan pendidikan kepada bumiputera jika diwujudkan dasar ini. Di manakah asas yang diambil untuk membenarkan kenyataan ini? Adakah telah dilakukan satu kajian yang terperinci dan menyeluruh bahawa akan wujud kedudukan ini jika dilakukan perubahan dasar ini? Apakah persaingan akan wujud di kalangan anak-anak Melayu, anak-anak bumiputera bila dasar ini dilaksanakan? Saya akan jawabkan kemudiannya nanti.

Alasan yang kedua, adakah benar alasan bahawa akan wujud proses integrasi kaum yang positif apabila berlakunya perubahan dasar ini? Di manakah asas yang diambil untuk membenarkan kenyataan ini? Adakah telah dilakukan satu kajian yang terperinci dan menyeluruh bahawa akan wujud kedudukan ini, jika dilakukan perubahan dasar ini?

Apakah ada satu kajian bahawa dengan memasukkan 10% dalam dua pusat pengajian ini maka integrasi kaum akan berlaku secara yang sihat, secara yang baik? Ada satu kajian, sebab bagi saya bahawa, kalau ini hendak dipraktikkan oleh kerajaan bahawa kerana integrasi kaum kita menimbulkan masalah, bermakna bagi saya bahawa konsep Barisan Nasional sudah gagal sebab konsep Barisan Nasional untuk integrasi kaum tapi sekarang ini terpaksa cari satu formula yang baru kerana integrasi kaum, kononnya seolah-olah integrasi kaum ini satu masalah yang begitu besar

kepada negara ini. Kalau ini yang dimaksudkan bermakna bahawa konsep Barisan Nasional (BN) gagal untuk menyatukan hubungan antara kaum. Kalau begini gagal, bermakna bahawa BN harus dibubarkan. [Tepuk].

Perubahan dasar yang tergesa-gesa ini adalah satu bukti yang jelas bahawa kerajaan telah gagal untuk menjamin kedudukan dan matlamat penubuhan sebenar diwujudkan institusi bumiputera khususnya MARA. Perubahan tergesa-gesa ini telah menodai asas dan objektif penubuhan institusi bumiputera ini yang bermatlamat memberikan kemudahan dan bantuan yang terbaik kepada kemajuan dan kecemerlangan bumiputera. Adakah kerajaan sudah tidak lagi yakin dengan dasar-dasar yang digubal?

Sebab itu kalau kita merujuk kepada asas-asas matlamat penubuhan umpamanya, Matrikulasi, saya semak dari laman web Kementerian Pendidikan sendiri, antaranya dimulakan, Matrikulasi ini dimulakan sejak daripada tahun 1974, dimulakan dengan UKM. Ha, ini dimulakan. Antaranya ialah untuk sebagai program persediaan bagi pelajar bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di institut pengajian tinggi dalam bidang sains, teknologi dan sastera ikhtisas. Kemudian juga program ini untuk menjadikan pelapis profesional bumiputera dan pemimpin pada masa yang akan datang. Sebab itu bagi saya bahawa matlamat ini tidak harus dirungkai, matlamat ini tidak harus dirungkai, harus dikekalkan, harus diperkukuhkan.

Begitu juga dengan MRSM khususnya di bawah pendidikan menengah MARA yang menyediakan, merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan satu sistem pendidikan yang unggul berteraskan sains dan teknologi bagi pelajar bumiputera yang berpotensi untuk menghasilkan sumber manusia yang berkualiti, yang dapat menyumbang bakti kepada pembangunan negara selaras dengan matlamat dan keperluan negara maka Maktab Rendah Sains Mara pun ditubuhkan. Ini matlamat dia. Sebab itu antara lain tujuan ataupun matlamatnya ialah program pendidikan menengah yang dilaksanakan di Maktab Rendah Sains Mara adalah bermatlamat ke arah membangun dan memajukan masyarakat bumiputera.

Ini bermakna bahawa asas pewujudan penubuhan kedua-dua institusi pusat pengajian tinggi ini ialah untuk bumiputera. Kenapa kita harus hendak merungkai asas ini yang tidak dipersoalkan oleh kaum lain, yang tidak dipersoalkan oleh masyarakat lain malah kita orang bumiputera pun tidak pernah bertujuan hendak merampas hak kaum lain. Ini yang saya katakan bahawa tujuannya ialah hendak membangun masyarakat yang profesional, golongan profesional, jurang yang begitu jauh, yang berlaku antara dua kaum ini antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Perubahan tergesa-gesa ini tidak langsung dilakukan secara pengkajian dan pengamatan yang mendalam serta terperinci. Ia dilihat telah dilakukan atas dasar kepentingan politik kepartian yang sempit dan tindakan terdesak untuk meraih undi dan simpati. Inilah yang dinyatakan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz bahawa tidak ada satu penelitian, tidak ada satu pengkajian, dia hanya dibuat untuk semata-mata untuk memenuhi meraih simpati sokongan setelah Kerajaan Barisan Nasional mencari satu formula tidak berjaya.

Orang UMNO sendiri, Melayu sendiri masih belum balik benar-benar kepada UMNO. Semalam saya dengar Dr. Agus dalam TV mengulas tentang Perhimpunan Agung UMNO, pengacara mengatakan kepada dia apakah kehadiran yang ramai ini pertanda orang Melayu sudah balik kepada UMNO. Dia kata ini bukan orang Melayu balik kepada UMNO, ini orang ramai hadir ini kerana orang minat politik, hendak dengar perkembangan politik.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan UMNO Barisan Nasional gagal untuk mencari satu formula bagaimana hendak meyakinkan masyarakat Melayu khususnya bumiputera supaya *survival* mereka, kelangsungan politik mereka dapat diteruskan dan akhirnya formula yang ada ialah mengorbankan kepentingan bumiputera ini untuk menjadi barang dagangan politik dan bagi saya bahawa ini sesuatu yang cukup memilu dan menyedihkan.

Kalau mereka beranggapan bahawa dengan pemberian ini, mereka dapat mengambil simpati dan mendapat sokongan daripada orang bukan bumiputera, ini bermakna bahawa tindakan ini menjatuhkan maruah golongan bukan bumiputera, seolah-olah menganggap golongan bukan bumiputera ini golongan yang boleh dijual

beli untuk mendapat sokongan ataupun undi daripada mereka untuk kepentingan Barisan Nasional.

Realiti yang wujud pada hari ini adalah jelas bahawa hak dan kedudukan bukan bumiputera di dalam pendidikan tidak pernah dinafikan atau dianaktirikan untuk kaum bukan bumiputera. Bahkan institusi pendidikan yang berteraskan bukan bumiputera semakin bertambah dan berkembang maju. Perkembangan dan kemajuan sekolah rendah, menengah jenis kebangsaan, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, institut perubatan dan sains teknologi dan kewujudan 706 IPTS yang mempunyai 95% pelajar bukan bumiputera adalah bukti bahawa kaum bukan bumiputera tidak pernah dinafikan hak dan pendidikan mereka.

Oleh yang demikian adalah suatu yang tidak adil jika hak bumiputera dalam pendidikan yang telah dilaksanakan begitu lama cuba pula untuk dikurangkan. Saya hendak mengatakan bahawa ini bukan salah orang bukan bumiputera, tidak salah. Mereka tidak salah, itu hak mereka tetapi yang kita minta sekarang ini ialah hak kita ini harus dipertahankan oleh semua pihak. Jika perubahan tergesa-gesa ini akan dilaksanakan juga maka akan timbulah perkembangan negatif kepada integrasi kaum yang adil. Hal ini akan berlaku apabila kaum bumiputera dalam pendidikan akan berkurangan dan semakin terhakis.

Lihat sahaja jumlah bumiputera dalam aliran sains, perubatan dan kejuruteraan akan terus menjunam berbanding pelajar bukan bumiputera. Pegangan ekuiti Melayu dan bumiputera jauh masih ketinggalan hanya 19.4%, golongan profesional Melayu bumiputera hanya 32% daripada jumlah bilangan profesional yang berdaftar. Dalam tahun 1998 realiti ini akan dipenuhi, realiti ini akan bertambah paras apabila 10% tempat sepatutnya diisi kepada pelajar bumiputera akan dipenuhi oleh pelajar bukan bumiputera sedangkan pelajar bumiputera dalam bidang-bidang itu jauh lebih tinggi berbanding dengan bumiputera. Adakah perubahan tergesa-gesa ini akan mewujudkan integrasi kaum yang lebih baik seperti yang didakwa atau sebaliknya? Sudah pasti perubahan tergesa-gesa ini bukan jalan penyelesaian kepada integrasi kaum bahkan akan mewujudkan jurang yang lebih dalam perhubungan antara kaum.

Sebab itu ingin saya rujuk kepada satu kes, kenyataan, ataupun angka, bagaimana kajian yang dilakukan ke atas pengambilan pelajar di Universiti Malaya dalam tahun 2002-2003, telah memperlihatkan pelajar bukan bumiputera, telah berjaya mengisi tempat yang sepatutnya diisi oleh pelajar bumiputera terutama dalam kursus kritikal apabila konsep meritokrasi ini dilaksanakan.

Umpamanya, berasaskan kuota 57% dalam jurusan Sains hanya dapat diisi mengikut meritnya 53 sahaja untuk bumiputera. Kalau ikut kuotanya dia boleh dapat 57% dalam bidang Sains tapi bila ikut merit dia hanya akan dapat kepada 53%. Ini sedang berlaku di Universiti Malaya. Bagi kuota jurusan Sastera dan Sains Sosial untuk pelajar bumiputera 57% kalau mengikut kuota tetapi mengikut meritnya hanya dapat 50% sahaja. Ini yang banyak angka-angka yang saya kumpulkan untuk menunjukkan bukti bagaimana permasalahan yang besar yang sedang berlaku dalam negara kita.

Dakwaan mengatakan perubahan tergesa-gesa ini untuk mewujudkan persaingan yang tinggi di kalangan pelajar adalah suatu dakwaan yang amat dangkal dan kabur. Realiti sebenarnya sememangnya menunjukkan Maktab Rendah Sains Mara merupakan antara 12 buah sekolah yang terbaik pencapaian akademiknya di peringkat SPM dan berjaya mengeluarkan pelajar bumiputera yang berkualiti. Ini dibuktikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam setahun dua yang lalu bahawa kesemua 15 buah sekolah di bawah Maktab Rendah Sains Mara ini telah mengekalkan keputusan cemerlangnya dalam peperiksaan SPM dengan mencatat kejayaan 100% kejayaan. Sebanyak 3,785 calon SPM memperolehi pangkat Satu dan hanya 47 sahaja atau 1.24% sahaja yang mendapat pangkat Dua. Jadi apa lagi hendak bersaing, yang masuk ke MRSM semuanya yang dapat cemerlang, yang *excellent*. Kalau UPSR nya 5A, kalau PMR nya habis minimumnya kalau tidak silap saya 6A, ini yang berlaku.

Jadi apakah lagi yang hendak dikatakan persaingan. Persaingan apa yang hendak diminta daripada pelajar-pelajar bumiputera ini, sedangkan sememangnya khusus peringkat MRSM ini, memang yang masuk ini mempunyai daya saing yang tinggi, yang cemerlang, yang *excellent* dalam pendidikan akademiknya sama ada di peringkat UPSR ataupun PMR, kemudian mereka akan mendapat satu peningkatan, pencapaian akademik yang baik di peringkat SPM dan sebagainya.

Jadi sebab itu saya lihat bahawa ini bukan soalnya sebab bagi saya kalau hujah yang saya sebutkan tadi bahawa daya saing ini bukan satu hujah integrasi nasional, bukan satu alat kesan yang munasabah yang boleh diterima bahawa untuk hendak merungkai masalah yang sudah dispaghetti.

Sebab bagi saya kalau daya saing, kalau integrasi nasional sepatutnya, Parti UMNO kena buka kuota 10 hingga 30 per sen untuk bukan bumiputera untuk menyertai UMNO sebab Perdana Menteri sendiri mengaku dalam wawancaranya dalam Mingguan Malaysia baru-baru ini dia mengatakan bahawa saya gagal, saya gagal mencapai perkara yang lebih penting bagaimana hendak mengubah orang Melayu.

UMNO pun kadang-kadang menjadi perosak kerana terlampau berebut hendak mendapat tempat sampai sanggup kalau tidak dapat tempat, bagi orang UMNO kalah. UMNO sendiri kena bersaing, kena berintegrasi dengan orang lain. Sebab itu saya cadangkan UMNO yang sepatutnya buka dia punya kuota 10 hingga 30 persen untuk bukan bumiputera dan ini peluang untuk rakan-rakan Team 'A', Team 'B' daripada MCA ada pilihan untuk menyertai UMNO.

Kalau sudah meluat duduk dalam MCA boleh melompat masuk UMNO. Ini boleh memberikan satu motivasi kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang lain. Sebab itu hujah-hujah saya tadi, pengumuman disebut bahawa peruntukan ini, kuota ini tidak akan dilaksanakan di peringkat Sabah dan Sarawak. Jadi alasan ini, alasan tidak munasabah.

Kalau betul untuk hendak bersaing, apakah orang Sabah, bumiputera Sabah dan Sarawak tidak perlu bersaing? Kalau integrasi nasional apakah pelajar-pelajar di Sabah dan Sarawak tak perlu integrasi dengan orang lain? Ini menunjukkan bahawa alasan-alasan yang dangkal yang tidak menepati sebenarnya maksud sebenarnya melainkan hanyalah untuk tujuan politik semata-mata.

Di samping itu permohonan untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara untuk pelajar-pelajar bumiputera adalah meningkat setiap tahun, malah menurut Pengerusi MARA dan juga Ahli Parlimen di sini, bahawa MARA pernah terpaksa menolak 10,000 permohonan pelajar perempuan yang mempunyai keputusan minimum 6A dalam Penilaian Menengah Rendah kerana hanya 2,263 kuota untuk pelajar perempuan yang boleh ditampung oleh Maktab Rendah Sains MARA di seluruh negara.

Permohonan yang diterima untuk kemasukan MRSM pada tahun ini ialah berjumlah 19,311 orang, justeru tindakan yang paling tepat ialah menambahkan bilangan tempat belajar dan juga institusi itu sendiri untuk menampung mereka, dan bukan membuka kuota kepada orang. Hak bumiputera pun tidak cukup, terpaksa ditolak, sedangkan mereka berkeinginan untuk berada di Maktab Sains MARA, tetapi kerana tempat tidak cukup, lalu akhirnya mereka terabai dan peluang mereka terlepas begitu sahaja.

Dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, justeru itu atas dasar bagi saya ini menunjukkan bahawa dasar kerajaan ini sangat-sangat bercelaru. Dasar kerajaan bercelaru! Hari ini dia kata kuota. Dahulu waktu hendak hapus meritokrasi bila paling marah dekat pelajar-pelajar, siswazah, mahasiswa ini kerana dok lawan kerajaan politik, dia kata, ini kuota memalukan orang Melayu. Kuota tak penting untuk orang Melayu. Hapuskan kuota. Hari ini kerana hendak beri kat orang lain, kuota pula? Jadi yang mana satu betul? Kuotakah, meritokrasikah? Kita tidak tahu. Kalau betul cakap meritokrasi, okay, semua meritokrasi. Kita buka semua buka bagi londeh habis! Bagi! Maknanya dengan UMNO-UMNO pun kita bagi meritokrasi, kalau betul. Bagi, bagi, bagi saja!

Sebab itu bagi saya bahawa dasar dan polisi UMNO, Barisan Nasional bercelaru hanya lebih mementingkan soal politik. Oleh itu, justeru itu atas dasar senario semasa dan berdasarkan statistik yang saya kemukakan tadi kita menegaskan bahawa golongan bumiputera masih perlu terus dibantu diperkukuhkan. Oleh yang demikian Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Matrikulasi mesti dipertahankan sebagai institusi pendidikan yang berteraskan kepada bumiputera.

Akhirnya kita mencadangkan agar kerajaan membatalkan segera cadangan perubahan ini dan berusaha untuk meningkatkan lagi kedudukan bumiputera dalam pendidikan ekonomi, sosial dan keseluruhannya. Insya-Allah dan masa yang selebih ini saya beri peluang kepada rakan saya daripada Parit Buntar dan juga daripada Kota Bharu nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini, ini keputusan *Speaker*.

Siapa lagi hendak berucap?

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: [*Bangun*]

Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Tuan Ramli bin Ibrahim: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada, peraturan mesyuarat tak? Ada peraturan.

Tuan Kerk Kim Hock: Hah? Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat 18 (3). Tadi Tuan Yang di-Pertua kata bahawa setengah jam untuk penyokong dan setengah jam untuk pihak kerajaan. Saya tidak sokong usul ini. Tetapi saya bukan anggota kerajaan. Jadi mana peluang saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini keputusan sayalah. Saya, saya, saya pilih siapa yang terjadi

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi bila-bila pun saya boleh berdiri dan mendapat peluang yang sama?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:..... dalam, dalam masa satu jam. Cukup, cukuplah!

Tuan Kerk Kim Hock: Maksud saya peluang akan dirampas oleh golongan speaker tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. maafkan.....

Tuan Kerk Kim Hock: Bahawa saya masih mempunyai peluang untuk berdiri dan mendapat perhatian dari speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang sayalah. Terpulang kepada sayalah, terpulang kepada saya.

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti saya akan cuba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendengar hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebentar tadi. Sebenarnya hujah-hujah dan statistik yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena itu tidak akan menjejaskan keputusan Barisan Nasional, sebab kita tahu ini sebuah kerajaan tidak demokratik yang tidak ada demokrasi. Ia hanya akan ikut sahaja apa sahaja yang diarah yang disuarakan oleh Perdana Menteri.

Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri, itulah yang akan dilaksanakan di Malaysia ini. Sebab itu bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan beberapa pandangan saya berhubung dengan isu ini.

Pertama, kita telah dikejutkan dengan kenyataan, dengan pengumuman Perdana Menteri untuk membuka 10 peratus kuota dalam MRSM dan program matrikulasi kepada bukan bumiputera. Dan lebih memeranjatkan lagi apabila didapati hanya lima peratus sahaja bumiputera yang berada di hampir 700 buah kolej-kolej swasta di negara ini.

Beberapa kalangan termasuk beberapa orang tokoh pendidik negara kita, termasuk Profesor Ungku Aziz misalnya, melihat isu ini sebagai suatu kekacauan dalam sistem pendidikan negara yang kehilangan arah dan menjadi cacamarba yang semata-mata memenuhi perjanjian dan kompromi politik dan memberi amaran supaya pendidikan dan kedudukan istimewa orang Melayu yang telah termaktub dalam

Perlembagaan 153 dan telah pun dipersetujui bersama sekian lama itu jangan dipolitikkan sehingga boleh merampas hak istimewa orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menentang keputusan ini sebagai mewakili hasrat dan inspirasi majoriti orang-orang Melayu dan bumiputera termasuk beberapa cendekiawan dan tokoh-tokoh berpendirian yang terdapat di negara kita ini.

Pertama sebabnya termasuk UMNO, sebab itu Ahli Yang Berhormat bagi Senai cuba membawa usul tidak percaya kepada Menteri Pendidikan sendiri. Nampaknya usaha ini telah diberi amaran macam mana saya tidak tahulah. Tiba-tiba diam hari ini. Tak ada, barangkali seperti biasalah bila diberi amaran maka terpaksa ditarik. Inilah dikatakan tidak demokrasi di negara kita ini.

Dato', bagaimana? Senyum dia. Arkitek, arkitek dia senyum pada saya.

Saya menentang pertama, perkara ini tidak pernah berbangkit sepanjang pilihan raya 1999. Kalau betul UMNO ingin melaksanakan dasar ini, sepatutnya dimasukkan dalam manifesto pilihan raya 1999. Tetapi ia tidak pernah dinyatakan bahawa UMNO dan Barisan Nasional akan melaksanakan dasar-dasar seperti ini. Saya percaya kalau ini dijadikan manifesto dalam pilihan raya tahun 1999, UMNO dan Barisan Nasional tidak akan mendapat majoriti seperti sekarang sebab ini menjadi punca kemarahan orang-orang Melayu kerana mereka merasakan bahawa hak mereka telah dirampas oleh kerajaan yang tidak ada demokrasi secara tiba-tiba tergesa-gesa seperti mana yang telah diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kolej matrikulasi dan MRSM, 11 buah Kolej MRSM, telah membuktikan keupayaannya dan melalui program inilah sebilangan besar pelajar-pelajar Melayu dapat memasuki IPTA sama ada di luar ataupun di dalam negeri. Sehingga baru-baru ini, dengan tidak semena-mena Perdana Menteri mengumumkan bahawa kedua-dua program ini diubah.

Keputusan ini sebenarnya sebagai susulan kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri mengenai kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam Bahasa Inggeris, isu siswazah menganggur, isu pelajar-pelajar Melayu yang ramai yang menyokong pembangkang dan termasuk isu-isu meritokrasi serta isu-isu aliran Bahasa Inggeris dan dalam pendidikan negara. Dan sekarang ini isu pelaksanaan serentak pengajian mata pelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris.

Kesemua ini menggambarkan bahawa Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Malaysia sendiri sudah kehilangan arah untuk membawa ke manakah masa depan negara ini dalam sistem pendidikan. Yang inilah yang menjadi kegelisahan dan keresahan sebilangan besar masyarakat Melayu termasuk di kalangan cendekiawan Melayu dan juga badan-badan yang di luar dari rangkaian UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan ini pada hemat saya akan membabitkan masa depan dan maruah martabat bangsa Melayu yang sudah menjadi kehilangan arah di bawah pimpinan Barisan Nasional sehingga dalam banyak hal tidak sensitif lagi dengan keresahan dan kebimbangan yang disuarakan oleh orang-orang dan cendekiawan Melayu yang saya sebut tadi.

Saya menentang keputusan ini dengan sekeras-kerasnya kerana ini satu keputusan yang tidak menghormati hasrat dan inspirasi majoriti masyarakat Melayu di negara ini. Keputusan ini tidak boleh dianggap sebagai keputusan tadbiran yang boleh dibuat sesuka hati oleh Jemaah Menteri tanpa merujuk terlebih dahulu kepada *referendum* rakyat dalam Pilihanraya Umum 1999 yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita menentang keputusan ini kerana masalah kebimbangan bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang profesional masih terlalu jauh. Berapa ramai doktor, *engineer*, arkitek, pakar kaji bumi, pakar kaji cuaca, pengurus kewangan, akauntan dan lain-lain daripada kalangan bumiputera yang terdapat di negara kita hari ini. Kalau dikaji dengan teliti, sangat jauh bezanya. Sebab itu saya rasa keputusan ini adalah terlalu tergesa-gesa dan terlalu awal. Sebab itu saya minta perhatian Dewan, termasuk juga Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO dan Barisan Nasional supaya menimbang semula keputusan ini dan menarik balik keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Buntar.

4.57 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong Usul yang dibawa oleh Pokok Sena. Tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ada tiga minit sahaja, saya ingin memetik beberapa ucapan yang dibuat oleh orang-orang yang terkenal dalam bidang pendidikan ini, orang-orang yang telah memberikan hampir seluruh jiwanya mendidik rakyat, mendidik bangsa yang sepatutnya UMNO dan Barisan Nasional tidak mengetepikan orang-orang ini dan tidak mengetepikan pandangan orang-orang ini serta sepatutnya pada peringkat awalnya menimba pendapat-pendapat daripada orang-orang yang akan saya sebut.

Seperti mana yang saya sebut misalnya Datuk Profesor Diraja Ungku Aziz menyebut "Saya fikir ini satu langkah politik. Tidak ada kena mengena dengan perkara lain, ia didorong oleh pengaruh politik." Kemudian Ungku Aziz juga menyebut mengenai memberikan kuota 10 peratus kepada MRSM dan program Matrikulasi, beliau menyebut "Saya dapati ada pemimpin apabila kena cuit sedikit mereka melenting. Mereka ini bersifat reaktif, bila ada masalah baru melakukan sesuatu, jadi akhirnya seperti tikus membaiki labu."

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membacakan, elok juga dibacakan. Profesor Datuk Ishak Tambi Kechik, bekas Naib Canselor USM mengatakan "Apa rasionalnya kita berbuat begitu, sehingga begitu banyak peluang diberikan, sedangkan pada masa yang sama mengurangkan peluang pelajar bumiputera."

Tan Sri Ainuddin Wahid, bekas Naib Canselor UTM berkata "Kewujudan MRSM dan program Matrikulasi dibuat supaya kaum Melayu tidak terpinggir di dalam arus perdana negara."

Datuk Dr. Abdul Aziz Awang, bekas Pengarah Pusat Matrikulasi USM mengatakan "Kemasukan pelajar bukan bumiputera bukanlah satu-satunya cara untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar bumiputera."

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin sebut di sini dalam masa satu minit ini ialah sebagaimana yang disebut oleh teman-teman saya tadi, ini adalah contoh proses *bulldozer* oleh UMNO terutamanya kepada masalah-masalah besar negara, kepada polisi-polisi besar negara, pada dasar-dasar besar negara. Hal mengenai pendidikan sebagaimana yang diketahui adalah merupakan hati, benak, perasan dan jiwa seluruh golongan rakyat terutama dalam hal ini ialah rakyat yang berkaitan dengan bumiputera, yang menyentuh tentang aspirasi mereka. Melalui MRSM, melalui Matrikulasilah mereka hendak lihat lahirnya generasi sebagaimana yang telah lalu, generasi yang akan masuk ke universiti, generasi yang akan menunjukkan kecemerlangan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan Kota Bharu tadi. Generasi ini yang telah membuktikan bahawa mereka mampu bersaing, mampu berjuang dalam bidang pendidikan dan mampu menunjukkan sesuatu pencapaian yang tertinggi dalam negara ini. Dan mereka jugalah yang sebenarnya daripada kumpulan yang telah mengisi peluang-peluang yang diberikan untuk menjadikan profesional-profesional di pelbagai bidang yang disebut.

Saya ingin menyebut akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam hal ini kita tidak mahu sama sekali....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:...Bahawa proses dasar ini hendak dijadikan percaturan politik. Dan kita menentang habis-habisan kalau ini dijadikan sebagai dasar percaturan politik. Sebab itu sebagaimana teman-teman yang lain, kita harap sangat supaya perkara ini dapat dibincangkan semula, perkara ini dapat dibawa kepada pengetahuan mereka yang benar-benar berpengetahuan, berpengalaman dan mempunyai kebolehan untuk membincangkan perkara ini sebelum kita membuat satu keputusan asasi mengenai kepentingan perkara ini dalam konteks pembangunan negara. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong.

5.05 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6(9) Perlembagaan PAS pada tahun 1989 memuktubkan bahawa PAS berusaha, dengan izin, "Memperjuangkan hak-hak kepentingan bangsa Melayu dan bumiputera dalam usaha mencapai cita-cita keharmonian kaum." Tetapi Fasal 6(9) Perlembagaan PAS yang telah dipinda pada tahun 1993 dan terus diguna pakai hingga ke hari ini pula memuktubkan bahawa dengan izin, "Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini."

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa mulai tahun 1993, PAS memang secara rasminya tidak lagi prihatin terhadap perjuangan Melayu dan bumiputera. [Tepuk] Ini juga bermakna bahawa tindakan Yang Berhormat bagi Pokok Sena pada petang ini dengan Usulnya adalah satu tindakan yang jelas melanggar peruntukan 6(9) Perlembagaan partinya sendiri. [Tepuk] Lebih serius lagi tindakan Yang Berhormat bagi Pokok Sena hari ini juga mencanggahi pendirian Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden PAS iaitu Ahli Parlimen bagi Marang merangkap Menteri Besar Terengganu. Buktinya, pada 15 September 1985 *Utusan Melayu* telah melaporkan Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden PAS, Ahli Parlimen bagi Marang sebagai berkata bahawa "PAS akan menghapuskan hak istimewa Melayu jika PAS berkuasa." [Tepuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mana ada!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Pada malam 14 September 1985 sewaktu Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden PAS menghadiri satu majlis dialog dengan 300 orang anggota masyarakat Cina di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Terengganu, beliau telah dipetik oleh *Utusan Malaysia* sebagai berkata bahawa "PAS memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa seandainya mereka diberi peluang iaitu sekiranya PAS memerintah, segala keutamaan dan keistimewaan yang diberikan kepada golongan bumiputera akan dihapuskan." [Tepuk] Ini termasuklah Tanah Simpanan Melayu, Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain dasar yang memperlihatkan semata-mata kepentingan orang Melayu.

Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen bagi Marang juga dipetik oleh *Utusan Melayu* sebagai berkata "PAS akan memberikan kepada masyarakat Cina kebebasan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi waima ke peringkat universiti dengan bahasa pengantar yang berbeza-beza, bukan bahasa pengantar Melayu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen bagi Marang dipetik dalam laporan yang sama bahawa "Semua bahasa yang menjadi pertuturan ramai yang membolehkan perhubungan menjadi lancar iaitu *lingua franca* akan dianggap sebagai bahasa rasmi dan tidak ada paksaan untuk menggunakan bahasa-bahasa lain".

Tuan Yang di-Pertua, PAS berjanji melaksanakan perkara ini walaupun ada tentangan, walaupun ada bantahan sekalipun. Inilah buktinya PAS memang sejak tahun 1993 tidak prihatin terhadap bangsa Melayu ataupun bumiputera. Inilah buktinya bahawa PAS memang telah lama bercita-cita untuk menghapuskan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara sebagaimana yang termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, inilah buktinya sekiranya PAS memerintah Malaysia kemungkinan besar PAS akan menghapuskan seluruh keistimewaan orang Melayu dan bumiputera sebagaimana termaktub dalam Perkara 153. Dan inilah buktinya bahawa usul PAS pada petang ini adalah usul politik semata-mata. [Tepuk] PAS memang pakar sandiwara, pakar kerja menanggung di air keruh, PAS cukup masyhur dengan kenyataan dan pendirian politiknya yang sentiasa berdolak dalih, dari dahulu sampai sekarang.

Saya kasihan dengan PAS Tuan Yang di-Pertua, yang muda bergerak ke kiri, yang tua bergerak ke kanan, saya takut mati terkangkang satu hari nanti [Ketawa]. Kalaulah Ketua Pemuda PAS telah bersuara macam itu, masuklah dalam UMNO kerana suara saudara telah sumbang di dalam PAS. Buktinya perlembagaan PAS 69 tidak memperjuangkan Melayu, saudara hari ini cuba jadi *champion* Melayu, masuklah UMNO! Besok pagi perhimpunan agung UMNO kita bicara baik-baik [Disampuk] Tak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dia buktinya PAS dan inilah dia pendirian PAS. Ketua Pemuda dengan Timbalan Presiden PAS tidak seiring tidak sesuara tidak senada.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payahlah.

Beberapa Ahli: Duduklah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Semasa dia berucap, kita tidak kacau pun, teruskan, teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, saya minta Ketua Pemuda PAS pergi jumpa Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden PAS, cium tangan minta maaf, oleh kerana telah langgar Perlembagaan, sudah langgar cakap Timbalan Presiden.

Saya rasa apa yang diperjuangkan hari ini, DAP pun tidak bersetuju dengan PAS. Tadi DAP dia janji kata hendak tepuk, tetapi dia malu. *[Ketawa]*

Dan dengan kata-kata itu, dengan harapan dan doa, semoga Yang Berhormat Presiden PAS, Ahli dari Pendang yang sedang menjalani rawatan di HUKM hari ini segera sembuh. Dengan kenyataan itu, dengan rendah hati saya dengan ini membangkang Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

5.07 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak membuat penjelasan di sini, pertama ini, Kota Bharu kata arkitek - arkitek ada di sini - dia tidak lari daripada tanggungjawab. Saya menteri yang bertanggungjawab, ada yang kata bahawa apa yang kita cakap pun kalau Perdana Menteri suruh buat, kita buat. Ini tidak betul.

Bawah Akta MARA, dengan izin, seksyen 5: *"the minister may give to the Majlis directions not inconsistent to this Act as to exercise of the function of the Majlis and the Majlis shall get back to all such directions."*

Saya beri arahan kepada MARA 10% bukan Perdana Menteri, saya hendak beritahu ya, jadi jangan ada sangkaan iaitu bahawa kita jadi menteri maknanya apa Perdana Menteri kata sergah kita ikut – tidak, ini memang datang daripada Kementerian Pembangunan Usahawan. Itu pertama.

Keduanya, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa apa yang kita buat tidak bercanggah dengan akta kerana akta dalam seksyen 6, dengan izin, *"it shall be the duty of the Majlis to promote, stimulate, facilitate and undertake economic and social development in Malaysia and more particularly in the rural areas thereof."*

Dia tidak sebut iaitu bahawa bumiputerakah, Melayukah, tidak ada, dia cuma sebut luar bandar sahaja. Jadi, apa yang kita buat adalah tidak bercanggah dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena kata kita buat dengan tergesa-gesa. Sebenarnya anggapan dia, dia tidak tahu bahawa kita telah mesyuarat sudah banyak kali tentang perkara ini. Kita mula-mula bincang tentang perkara ini ialah kerana wujudnya iaitu mahasiswa menggugur dan Kabinet telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet masa orang menggugur.

Di situ kita bincangkan mengapa perkara ini berlaku dan saya merupakan seorang ahli daripada Jawatankuasa Kabinet dan Jemaah Menteri dan kita telah bermesyuarat kalau tidak silap saya, setakat ini tiga kali, dan kita mendapat pelbagai maklumat daripada Kementerian Pendidikan kita mendapat *feedback*.

Jadi, sebab itu kalau hendak dikatakan bahawa kita bincang benda ini tergesa-gesa – tidak betul, setelah kita bermesyuarat tiga kali, kita dapat *feed back* baru kita mengambil keputusan untuk membetulkan suasana yang berlaku pada hari ini.

Kalau daripada Kota Bharu tadi dan juga Parit Buntar memberitahu iaitu bahawa pandangan daripada Ungku Aziz, daripada Ishak Tamby Chik mereka mewakili diri sendiri, dia tidak mewakili orang ramai, macam kita ini, kita mewakili orang ramai, orang pilih kita, jadi apa yang kita buat, kita mewakili orang ramai.

Dia boleh beri pandangan, tetapi itu pandangan dia. Tetapi kita buat keputusan apa, kita buat keputusan berdasarkan laporan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan.

Jadi, apa juga keputusan yang kita buat berdasarkan kepada maklumat yang kita terima daripada laporan-laporan yang diberikan kepada kita, yang kita bermesyuarat khusus untuk mengatasi masalah yang di hadapan kita. Jadi, tidak betul kalau Ahli Yang Berhormat kata kita bermesyuarat tergesa-gesa. Kita buat keputusan tergesa-gesa. Kita buat keputusan setelah kita ambil laporan ini semua.

Saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena, dia kata iaitu bahawa kita buat tergesa-gesa, sebenarnya tidak, Jawatankuasa Kabinet mahasiswa menganggur, kita bincang dan peratusan besar daripada mahasiswa yang menganggur ini ialah budak-budak Melayu.

Jadi, masalahnya iaitu bahawa kita beri pendidikan kepada anak-anak Melayu, memang betul, iaitu bahawa dasar kita ialah memberi pendidikan kepada bumiputera yang tinggi, yang tertinggal pada ketika ini.

Tetapi pada hari ini apabila kita beri dia pendidikan, dia hendak dapat kerja – tidak dapat. Dia tidak dapat kerja. Bukan kerana tidak ada pendidikan, anak-anak kita kadang-kadang dapat *first class* yang ramai juga tidak dapat kerja ini ialah engineer dan profesional.

Jadi, kita merasa hairan iaitu bahawa pendidikan beri dan mereka dapat *second class*, *lower upper* kerana pendidikan bagus, tetapi kerja tidak dapat. Apa guna kita belanja banyak kepada anak-anak Melayu kita, beri dia pendidikan akhirnya dia dapat sijil, pergi rata-rata walaupun *first class* cari kerja tidak dapat. Bukan kerana tidak ada pendidikan, bukan kerana tidak cemerlang – cemerlang tetapi tidak dapat kerja.

Bila kita lihat laporan mengapa mereka tidak dapat kerja, kita dapati iaitu bahawa pertama tidak dapat kerja ialah kerana penguasaan bahasa Inggeris tidak ada.

Kedua, tidak mengerti bergaul. Jadi, kepada kita sesuatu mesti dilaksanakan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah bercakap tidak mengapalah, saya hendak jawab ini. Tidak boleh, duduk, duduk, tidak boleh, saya hendak jawab, macam mana, duduk dahulu, tidak habis lagi. Duduk dahulu, jangan takut hendak dengar penjelasan, duduk dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk dahulu, saya kena jawab. Belum jawab lagi dia sudah hendak bangun, macam mana? Berilah peluang. Jadi, bila dia sudah dapat kelulusan kerja tidak dapat. Jadi, apakah kita merasakan bahawa tidak mengapalah, soal you tidak dapat kerja itu satu, dua, yang penting beri pendidikan sahaja.

Tetapi itu bukan pendekatan kita, kita bukan sahaja memikirkan kena beri pendidikan kepada mereka, tetapi hendak kena pasti mereka mesti dapat kerja. Dia mesti dapat kerja. [*Tepuk*]

Sebab itulah kita hendak perkenalkan perkara ini, penguasaan bahasa Inggeris, itu yang pertama, orang tolak anak-anak Melayu kerana tidak boleh menguasai bahasa Inggeris. *First class*, *study no problem*, duduk belajar *no problem*, tetapi bila minta kerja tidak dapat. Kedua, tidak tahu bergaul.

Jadi, sebab itu untuk mengatasi masalah ini, kita buat kajian mendalam setelah kita mendapat laporan, suka tidak suka kita terpaksa buat keputusan ini kerana Ahli Yang Berhormat sendiri pun dalam kertas Usul ini menyatakan iaitu bahawa antara lain, Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah antara lain, dia kata, kestabilan masyarakat - MRSM dan pusat matrikulasi telah ditubuhkan dengan matlamat untuk memajukan

bumiputera, hendak memajukan bumiputeralah kita terpaksa buka 10% ini kepada yang bukan bumi, sebab kalau kita ada pendidikan pun, tidak dapat kerja, kita tidak maju.

Jadi, untuk memajukan bumiputera dalam bidang sains, matematik, yang ini yang kita hendak buka, sebab kenapa, kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau soal penguasaan bahasa Inggeris, kita hendak orang Melayu kita menguasai bahasa Inggeris, bukan kerana kita bangga kita ini pandai bahasa Inggeris, saya buat undang-undang English Law di England dalam bahasa Inggeris tetapi tidak kurang kemelayuan saya, kalau saya bercakap bahasa Inggeris. [Tepuk]

Jadi, maknanya di sini yang pentingnya ialah kita hendak mereka menguasai bahasa Inggeris, supaya dia dapat kerja, ini globalisasi. Globalisasi maknanya perlu kita menguasai bahasa Inggeris. Jadi, sebab itu persiapan kena buat daripada sekarang.

Jadi, saya sudah kaji dengan mendalam, saya sudah tengok, kita buka 10% kerana apa, kerana untuk hendak membolehkan anak-anak kita menguasai bahasa Inggeris.

Sekarang ini di Maktab Rendah Sains MARA kita 100% orang Melayu. Okey untuk hendak menguasai Bahasa Inggeris, kita kata dalam seminggu, dalam satu hari sekali semua cakap Bahasa Inggeris, hari Isnin sebagai contoh tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana 100% Melayu, yang mana tukang masak Melayu, penuntut Melayu, yang jadi jaga Melayu, yang ini semua kita suruh cakap Bahasa Inggeris tetapi dalam suasana 100% Melayu, tidak akan jadi cakap Bahasa Inggeris ini walaupun kita paksa, walaupun kita denda kata, "Kalau hari Isnin *you* cakap Bahasa Melayu, kita denda 50 sen", tidak jadi. Sebab apa? Sebab dalam suasana Melayu. Kalau kita sama-sama Melayu kita cakap Orang Putih, dia kata mengada-ngada, belacan, tidak sedar diri.

Malah Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Mustafa bin Ali: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagilah, ini peluang saya. Malah Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di kalangan murid-murid. Saya pernah pergi ke satu Maktab Rendah Sains MARA, saya berjumpa dengan guru-guru, ada seorang guru Melayu perempuan seorang, dia pakai tudung, dia cakap Orang Putih, *perfect*, dia guru. Bila dia bangun cakap Orang Putih di kalangan guru itu sendiri pun, ada bunyi bisik-bisik, "Apalah cakap Orang Putih, orang Melayu cakap Melayulah", di kalangan cikgu itu pun sendiri maknanya kalau ada cikgu cakap Orang Putih di kalangan guru-guru, ada suasana begitu, apatah lagi di kalangan murid-murid. Faham sahajalah, budak-budak.

Jadi sebab itu kalau kita rasa, saya dahulu nasib baik, saya *English medium* pada ketika itu dan boleh cakap Orang Putih sedikit lah tetapi di kalangan anak-anak Melayu kita, suasana Melayu tidak akan jadi. Jadi dahulu bila kita *English medium*, kita terpaksa cakap Orang Putih sebab dengan kawan-kawan kita, Cina, India semua. Jadi sebab itu pada saya kalau kita buka, 10% ada anak-anak bukan Melayu, jadi untuk kita hendak menggalakkan mereka bercakap dalam Bahasa Inggeris pada hari Isnin, kalau dia segan dengan budak-budak Melayu lain, dia boleh cakap dengan kawan dia daripada Orang India dan orang Cina, cakap Orang Putih dia tidak rasa janggal tetapi kalau di kalangan Melayu, dia janggal. Sebab itu tujuan pertama, untuk memajukan bumiputera yang Yang Berhormat sebut tadi, hendak memajukan bumiputera, kita mesti buka 10% supaya mereka boleh berlatih Bahasa Inggeris dengan anak-anak Malaysia kita yang bukan datang dari orang Melayu, itu yang pertama.

Kedua, kita selalu tidak dapat kerja kerana kita tidak dapat bergaul. Bila iklan sebut kata hendak dapatkan kerja, universiti ada ijazah *second class* permohonan masuk, mari *interview*. Saya panggil *personnel manager* yang ada empat lima orang yang orang Melayu biasalah dia kerja dengan multinasional, dia jaga personel. Jadi saya cakap pada dia, "You tolonglah sedikit, ambillah budak Melayu ini, dia ada *qualification*", dia kata, "Yang Berhormat, macam mana saya pun kerja dengan syarikat, *I have to be fair to my company*, saya hendak ambil Melayu pun dia mesti boleh berkomunikasi tetapi kalau dia tidak boleh *communicate in English*, macam mana? Ini *globalization*". Bila cakap orang putih dia tidak boleh, suruh datang *second interview* sudah tidak datang sebab sudah takut dan bila ditanya soalan-soalan dalam *interview* ditanya, menampakkan mereka tidak boleh hendak bergaul. Dia dengan kemelayuan dia. Jadi ini tidak akan menguntungkan syarikat. Sebab itu *Personnel Manager* yang Melayu ini pun dia tidak boleh buat apa-apa. Dia terpaksa tolak kerana

kegagalan mereka menguasai Bahasa Inggeris dan gerak-geri mereka dan jawapan mereka dalam *interview* menampakkan mereka tidak boleh hendak bergaul.

Kita kena atasi masalah ini. Sebab itu selain daripada bersaing tadi kita kena buka 10% supaya untuk kita boleh bergaul sesama kita, rakyat Malaysia. Bukan Melayu sahaja rakyat Malaysia, Cina dan India pun rakyat Malaysia dan saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena dalam hujahnya tadi untuk menjadikan mereka pemimpin. Bagaimana anak-anak Melayu kita hendak jadi pemimpin kalau tidak kenal Cina, India atau Benggali, dia tidak pernah bergaul. Tiba-tiba dia keluar dari universiti nanti, dia hendak jadi pemimpin. Pemimpin apa tidak tahu tentang Benggali? Ya, tidak tahu tentang Cina, tidak tahu tentang India. Sebab itu kita hendak kena latih daripada sekarang kalau mahu jadi pemimpin. Macam PAS tidak mahu jadi pemimpin, tidak apalah, kami mahu UMNO jadi pemimpin, sebab itu kami buka supaya mereka boleh bergaul, supaya dia kenal siapa Cina, itu dia [*Tepuk*].

Jadi ini Yang Berhormat saya hendak sebut, saya sokong hujah Yang Berhormat, kita mahu supaya budak-budak Melayu kita jadi pemimpin, memang betul di Malaysia harapan kita supaya Melayu jadi pemimpin dan mesti jadi pemimpin yang terbaik. Jadi untuk menjadi pemimpin yang terbaik mesti kenal semua, Cina, India dan Benggali semua mesti kenal. Sebab itu kita menyokong hujah Yang Berhormat tadi, kita hendak mereka jadi pemimpin sebab itu kita buka 10% ini kepada pelajar-pelajar bukan Melayu.

Kemudian Yang Berhormat, saya hendak sebut juga, hari itu Yang Berhormat ada sebut kecemerlangan. Saya agak, agak angkuh sedikit Yang Berhormat kalau kita kata Melayu sudah cemerlang, tidak perlu persaingan. Kalau dalam Bahasa Inggeris dia selalu sebut, *to pursue excellence*. *Pursue* maknanya mengejar kecemerlangan. Bermakna kita tidak akan capai kecemerlangan sebab kita sentiasa akan mengejar kecemerlangan. Jadi sebab itu *benchmark* kecemerlangan ini akan terus naik. Jadi untuk kita hendak kata kita sudah cemerlang, tidak payah hendak buka kepada bukan bumiputera, sebab kita sudah cemerlang, itu saya rasa agak angkuh kerana kecemerlangan, *excellence is to be pursued*, mengejar kecemerlangan. Jadi kita kena sentiasa mengejar kecemerlangan kerana kita tidak akan sampai kepada tahap kita telah cemerlang, itu hak Allah S.W.T, dia yang cemerlang, bukan kita.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Janganlah angkat punggung pula, duduk dahulu, saya hendak jawab, saya tahulah makin banyak saya cakap, makin kurang *point you*. [*Ketawa*] Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak ada masa, saya tidak ada masa, saya hendak jawab ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat,

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak ada masa, tidak jawab lagi ini, tidak apa, tidak apa, saya kena jawab, saya hendak jawab.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, dia kata.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat perlu mendapatkan kebenaran, Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, tidak apa, saya tidak kata saya *excellent* pun sebab itu kita *pursue excellence*, ya. Ya, sekurang-kurangnya saya lulus peguam, saya tidak kata saya *excellent*, sebab itu saya kata saya *pursue excellence*. Sebab itu saya kata tidak boleh kita bangga bahawa kita....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk, ini bukan kedai kopi Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betullah, sebab itu kita kata kita tidak boleh sampai tahap kita kata kita sudah cemerlang, tidak perlu persaingan, tidak boleh bersaing kerana *benchmark for excellence* akan naik *and we have to pursue excellence all the time*. Bagaimana kita kata kita *excellent* kalau tidak boleh dapat kerja, saya hendak tanya. *Excellent* kah itu? Kelulusan ada tetapi kerja tidak dapat....

Datuk Mustafa bin Ali: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Dungun bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: So belum lagi sampai ke tahap *excellence*. Walaupun mengikut pemikiran saya kita tidak boleh sampai tahap *we are excellent, we have nothing else to learn. I think* itu bukan satu tahap yang boleh kita cakap. Jadi sebab itu Yang Berhormat saya tidak boleh terima yang mengatakan bahawa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Dungun bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah, sudah, saya tidak bagi sebab saya hendak jawab, nantilah. Saya banyak *point* lagi. Saya sudah dengar dia punya hujah, dia buat hujah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya hendak jawab hujah dia, belum saya dapat jawab hujah, dia sudah hendak bangun macam mana? Bagi peluang.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, UMNO kena buka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak bagi peluang kepada saya, bagi peluang kepada saya sebab banyak yang saya hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada menteri,

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, dia sudah angkat punggung sebab *point* makin lama makin kurang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kemudian

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa UMNO? [Disampuk] Tidak apa, tidak apa, tidak ada masalah sebab kepada saya kita buat keputusan ini bukan kerana politik, bukan kerana politik sebab itu kita tidak takut kena marah [Tepuk] Itu dia, pasal Yang Berhormat tuduh kita kerana politik. Kita sanggup buat keputusan untuk memajukan bumiputera walaupun orang Melayu marah kepada kita [Tepuk] So *no politicking, no politicking*. Kalau gagal saya yang bertanggungjawab. Okay, saya tidak pernah lari dari tanggungjawab, saya hendak beritahu.

Kemudian Yang Berhormat, Yang Berhormat ada sebut, saya ada banyak *point* yang Yang Berhormat cakap sebab saya minat dengan Yang Berhormat ini [Ketawa] Saya minat bukan apa, pasal nampaknya bila dia cakap tidak serupa bikin. Sebagai orang Islam, sepatutnya apa yang kita buat ini dia kena sokong kerana kita buka '30%' ini kepada orang-orang bukan Melayu.....

Beberapa Ahli: 10%.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 10%.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 30% untuk UMNO.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 10% kepada orang bukan Melayu yang miskin, yang datang dari luar bandar, yang cemerlang dalam keputusan dia. Saya hendak tanya kepada Ahli Yang Berhormat, kalau ada bapa Cina dan bapa India datang jumpa kita, beritahu kepada kita dan berkata, "Yang Berhormat, saya punya anak dapat keputusan cemerlang katalah 9A1, dia tidak dapat masuk, kawan-kawan dia anak-anak Melayu dapat 7A pun boleh masuk," Dia kata dia faham dasar bumiputera tetapi anak dia tidak faham sebab anak dia budak. Anak dia berkawan dengan budak-budak Melayu di sekolah, kemudian dia tengok budak Melayu dapat 7A, dia dapat 9A jadi dia tidak dapat masuk, budak Melayu dapat masuk. Tidakkah dengan adanya 10% ini sebagai seorang Islam, kita bagi ruang kepada wakil rakyat, kasihan kepada dia, sekurang-kurangnya ada 10% ini kita boleh tolong anak Cina, anak India yang miskin [*Tepuk*] Yang bapanya tidak mampu hendak hantar anak pergi ke sekolah yang cemerlang untuk mengajjar anak dia. Salahkah kita, saya hendak tanya kalau kita bagi kepada anak Cina dan anak India yang dapat keputusan cemerlang tetapi miskin.

Sebab itu kalau ada 10% kita boleh buka kepada budak-budak seperti ini. Saya rasa mungkin sebagai Melayu, kita hendak jaga hak Melayu tetapi didikan Islam yang diberikan kepada kita, mahu kita supaya berlaku adil untuk membasmi kemiskinan dengan adanya ruang 10% kita boleh bagi tempat kepada anak Cina, anak India yang cemerlang tetapi datang dari keluarga miskin. Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Ini yang kerajaan laksanakan bukan politik tetapi untuk berlaku adil kepada anak-anak orang-orang yang miskin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu dengan terbukanya 10%, ini saya sudah sebut, pertamanya dia boleh membantu memajukan bumiputera. Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebut tadi, untuk penguasaan bahasa Inggeris yang baik, keduanya, ialah untuk dia boleh bergaul dengan orang-orang bukan Melayu. Ini realiti Malaysia – Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum yang menuntut kepada kita, khususnya kita orang Melayu yang beragama Islam, supaya kita boleh bergaul dengan orang yang bukan Islam. Sebab itu kita buka daripada sekarang supaya mereka jangan janggal apabila datang kepada realiti dunia pekerjaan nanti mereka terpaksa bergaul dengan yang bukan Melayu mereka tidak bersedia. Mereka boleh bergaul dengan...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, sorry, saya hendak jawab banyak lagi ya. Kemudian Yang Berhormat, saya bagi jaminan, sebagai Menteri saya bagi jaminan, iaitu bahawa mana-mana tempat yang telah diputuskan sebelum ini, sebagai contoh, katalah di MRSM. Kita ambil, katakan untuk budak Melayu selama hari ini di MRSM, kita ambil sebagai contoh, seramai 5,000 – saya bagi jaminan 5,000 tempat itu akan diberikan kepada budak Melayu. Yang mana tidak ada, di mana kita hendak bagi? Yang Berhormat sebut tadilah – Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebut tadi, kita boleh buka bagi tempat lain untuk bukan bumiputera, yang ini yang saya hendak buat.

Seramai 5,000 yang selama hari ini kita ambil budak Melayu, tetap 5,000 budak Melayu akan dapat. Di mana saya hendak mencari 10% - 500 tempat? lalah dengan membuka tempat-tempat baru. Sebagai contoh, katalah dalam satu kelas ada 30 murid, kita tambah tiga, itu sahaja 10%, buka tiga tempat lagi tiap-tiap kelas - bukan susah. Tempat tidur – kita tambah katil, ini boleh menjadi masalah, budak-budak cerdik. Budak-budak cerdik ini, kalau dalam satu kelas – 35 orang pun tidak menjadi apa-apa kepada dia sebab dia cerdik, tidak ada masalah.

Jadi sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat kata iaitu bahawa kita cari tempat kepada bukan bumiputera. Ha, yang ini yang saya hendak buat, iaitu saya bagi jaminan kita tidak akan tarik langsung, walaupun satu tempat, diberi kepada Melayu dahulu, ditarik untuk diberi kepada yang bukan bumiputera. Apa yang kita lakukan ialah kita *create new places*. Saya sudah bagi arahan bahawa jangan satu pun budak bumiputera ditarik tempat mereka – jangan dikurang satu pun. Di mana hendak cari? Kita tambah tempat untuk memasukkan anak-anak bukan bumiputera yang kita tetap sokong akan memberi tempat 10% kepada mereka. Itu tidak berganjak. [*Tepuk*]

Jadi Yang Berhormat, dalam soal ini, Sabah dan Sarawak, sebab itu saya membuat keputusan iaitu Sabah dan Sarawak, kita tidak buka, kerana apa? Yang

Berhormat tuduh kata hendak suruh orang Sabah dan Sarawak marah saya, orang Sabah dan Sarawak tidak cemerlang. Di Sabah dan Sarawak Yang Berhormat, saya kenakan syarat untuk masuk ke MRSM mesti mendapat 5A dan 1B. Di Sabah dan Sarawak, tidak ada, tidak cukup, tidak penuh. Jadi saya buka lagi kepada yang mendapat 4A dan 1B, barulah penuh. Jadi di Sabah dan Sarawak, kalau kuantitinya belum ada, tidak usah cakap tentang kualiti ya? Sabah dan Sarawak sokong saya, iaitu bahawa di Sabah dan Sarawak saya tidak akan buka kepada non-bumiputera. Kerana apa? Kerana kuantitinya belum ada, tetapi di Semenanjung kuantitinya ada. Soal kata budak lain, katalah banyak yang ditolak, tidak ada masalah, bagi kita duit kita buat lagi.

Tetapi bagi mereka yang tidak masuk MRSM bukan bermakna dia tidak bersekolah – dia masuk sekolah asrama penuh di Kementerian Pendidikan. Jadi Yang Berhormat kalau hendak lagi MRSM dibuka kepada lebih ramai orang Melayu, Yang Berhormat buat usul supaya suruh belanja duit banyak lagi kepada MARA, saya tidak ada masalah. Tidak usahkan setakat 50, 100 buah MRSM kita boleh buka asalkan kita ada peruntukan [*Tepuk*] Okay? Jadi Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa pun sudah cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih banyak-banyak. Saya minta maaf. Perdebatan Yang Berhormat kita boleh lagi buat di masa yang lain, bukan di sini sahaja. Insya-Allah, saya buat keputusan ini, ini bukan *dictatorship*, ini kuasa saya selaku Menteri, saya buat keputusan, saya bertanggungjawab dan saya akan hadapi Yang Berhormat di mana-mana sekali pun untuk mempertahankan keputusan ini. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(I) ini. Oleh yang demikian perbahasan ini ditutup. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah masuk ke urusan mesyuarat untuk membangkitkan usul-usul penangguhan. Jadi saya minta seorang menteri membuat cadangan yang berkenaan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa:

Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokongan?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Ops Warta II

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sila Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

5.32 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun polis tidak dapat menjawab atau menyelesaikan pelbagai masalah dan soalan yang ditimbulkan oleh rakyat, seperti aduan di mana pemandu tidak pernah menerima notis Pol.170A, notis yang diterima mengandungi butiran yang silap, notis yang sama dihantar dua kali, polis telah tetap menjalankan Operasi Warta II, [*Terhenti seketika*] salah taip ini oleh Bahagian Sekretariat Parlimen, Operasi Warta II tetap dijalankan. Ini jelas menunjukkan ketidakcekapan dan sikap angkuh polis. Sebenarnya, ketidakpuasan hati rakyat tidak terhad kepada masalah teknikal. Mereka juga menyoal sama ada polis, dalam isu saman tertunggak, telah mematuhi semua kehendak undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 118 Akta Pengangkutan Jalan 1987, polis dikehendaki mengeluarkan notis Pol.170A kepada pemilik kenderaan melalui pos berdaftar. Akan tetapi polis hanya mula menghantar notis ini melalui pos berdaftar mulai tahun 2000. Ini bermakna bahawa polis telah tidak mengikut kehendak undang-undang. Memandangkan notis berkenaan hanya dikeluarkan melalui pos biasa sahaja, maka notis ini adalah *invalid*, dan seterusnya adalah *null and void*, dengan izin. Oleh yang demikian, semua notis berkenaan hendaklah diisytiharkan sebagai tidak sah dan wang kompaun yang dikutip hendaklah dipulangkan kepada pembayar.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan polis mengenakan kompaun tambahan sebanyak RM300 ke atas pesalah trafik atas alasan mereka telah melanggar Seksyen 115(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah tidak berasas, tidak adil dan tidak boleh diterima. Dalam Bahagian B notis Pol.170A dengan jelasnya dinyatakan bahawa, sekiranya tuan punya kenderaan berdaftar tidak mengaku beliau ada melakukan kesalahan yang dinyatakan, beliau dikehendaki untuk memberikan butir-butir pemandu kenderaan kepada pihak polis dalam tempoh 7 hari selepas menerima notis itu. Ini dengan automatik dan jelasnya bermakna bahawa tuan punya kenderaan berdaftar yang mengaku mereka adalah pemandu yang telah melakukan kesalahan, tidak perlu memberitahu butir-butir pemandu.

Maka tindakan polis untuk mengenakan kompaun tambahan sebanyak RM300 ke atas mereka di bawah Seksyen 115(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987, dengan alasan bahawa mereka tidak memberikan butir pemandu kenderaan adalah tidak berpatutan, tidak adil dan salah. Kegagalan tuan punya kenderaan berdaftar untuk membayar kompaun yang ditawarkan, tidak boleh dianggap sebagai mereka tidak mengaku mereka telah melakukan kesalahan. Kegagalan mereka untuk membayar harus disusuli tindakan menyaman seperti tercatat dalam notis Pol.170A. Sekiranya Seksyen 115(1)(a) boleh digunakan dengan cara sedemikian untuk menghukum rakyat, maka berjuta-juta pemilik kenderaan yang telah menjelaskan kompaun mereka, boleh dikenakan penalti tambahan RM300 oleh kerana hampir semua mereka tidak memberikan butir pemandu. Kerajaan mestilah memperbetulkan tindakan salah polis dengan serta merta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya dengan hormatnya merujuk kepada usul Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengenai perkara di atas yang diusulkannya seperti berikut bahawa pihak polis telah pun melakukan kesilapan kerana menghantar notis yang mengandungi butiran silap, notis yang sama dihantar dua kali serta terdapat pesalah trafik yang tidak pernah menerima Notis Polis 170A. Polis juga telah tidak mengikut undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 di dalam melaksanakan Ops Warta II iaitu polis telah pun mengeluarkan Notis Polis 170A melalui pos berdaftar hanya mulai tahun 2000 sahaja dan yang mana notis-notis sebelum tahun 2000 telah dihantar tanpa melalui pos berdaftar. Notis itu adalah *null and void* kerana tidak dihantar secara pos berdaftar.

Seterusnya tindakan pihak polis mengenakan kompaun tambahan sebanyak RM300.00 ke atas mereka yang gagal memberikan butir-butir pemandu kenderaan di bawah seksyen 115(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan, juga adalah tidak patut dan tidak adil sama sekali. Adalah tidak logik polis mengenakan kompaun tambahan sebanyak RM300.00 di bawah seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan atas sebab mereka tidak memberikan butir-butir pemandu kenderaan. Menteri hendaklah mengumumkan bahawa wang kompaun yang telah dikutip hendaklah dipulangkan balik kepada pesalah trafik yang berkenaan. Menteri Dalam Negeri juga harus memutuskan bahawa wang sebanyak RM2.00 dikutip sebagai kos pentadbiran bagi setiap helai saman hendaklah dipulangkan kepada pembayar. Ini adalah semua yang diusulkan dalam usul Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pemandu-pemandu yang menerima notis yang mengandungi butiran yang silap dan jika kesilapan itu terbukti, merupakan kesilapan teknikal maka pihak polis akan membatalkan dan memansuhkan saman tersebut dengan alasan keraguan ataupun *benefit of the doubt*, dengan izin. Seterusnya notis yang dihantar dua kali bagi kesalahan yang sama tidaklah merupakan kesalahan

dari segi perundangan. Perkara ini adalah perkara yang jarang terjadi dan merupakan kes-kes terpencil. Polis akan membatalkan satu daripada notis tersebut kerana tujuan notis berkenaan untuk mendapatkan butir-butir pemandu ketika kesalahan dilakukan di bawah Notis Polis 170A Bahagian 'B' dan tawaran untuk kompaun di dalam dan yang mengandungi Notis Polis 170A Bahagian 'A'.

Tuan Yang di-Pertua, Notis-notis Polis 170A yang dihantar oleh pihak polis kepada pesalah lalu lintas sebelum 2 Ogos 2000 adalah melalui pos biasa, tidak secara berdaftar. Itu diakui oleh pihak polis. Namun demikian hanya disebabkan surat-surat berkenaan tidak dihantar melalui pos berdaftar tidak bermakna bahawa kesahihan notis tersebut dari segi perundangan boleh ditakrifkan sebagai *null and void*, dengan izin. Isu yang perlu dijelaskan di sini adalah notis-notis yang dipos tidak secara berdaftar hanya tidak dapat diperakukan penerimaannya. Maksudnya *the proof of service is not confirmed*, dengan izin, di dalam mahkamah sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang di bawah seksyen 118(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sekiranya pesalah trafik tersebut tidak mengendahkan Notis Polis 170 dihantar tidak secara pos berdaftar, pihak polis tidak akan mengambil apa-apa tindakan mengikut seksyen 115(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sejak 2 Ogos 2000, semua notis-notis polis yang bernombor 170 yang dihantar melalui pos berdaftar sahaja yang akan dikenakan tindakan di bawah seksyen 115(a) akta yang sama, jika pesalah trafik tersebut gagal mematuhi syarat notis berkenaan. Dalam kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, sebelum 2 Ogos 2000..

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Dato' Chor Chee Heung: Saya tidak habis lagi. ...Jika ada notis-notis yang dihantar tidak melalui pos berdaftar maksudnya pesalah-pesalah tidak akan dikenakan satu lagi kesalahan iaitu gagal memberitahu butir-butir pemandu pada hari kesalahan dilakukan, itu sahaja. Seterusnya, persoalan berkaitan tuan punya kenderaan yang berdaftar mengaku telah melakukan kesalahan yang dinyatakan maka ia tidak..

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka, ini penjelasan tidak perlu dan tidak akan dibenarkan mengikut Peraturan Mesyuarat 17(4).

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat

Dato' Chor Chee Heung:..Seterusnya persoalan berkaitan dengan tuan punya kenderaan berdaftar mengaku telah melakukan kesalahan yang dinyatakan maka ia tidak perlu memberikan butir-butir..

Tuan Kerk Kim Hock: [Bercakap tanpa membuka pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat atas..

Dato' Chor Chee Heung: ...Pemandu berkenaan kepada pihak polis dalam tempoh tujuh hari.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bercakap tanpa membuka pembesar suara]

Dato' Chor Chee Heung: Ini merupakan persoalan yang berkaitan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau mengikut peraturan mesyuarat..

Dato' Chor Chee Heung:..Interpretasi Yang Berhormat sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Borang 'A' yang dikepilkan bersama-sama dengan Borang 'B', Notis Polis 170 yang dihantar kepada pesalah sebagai tawaran kompaun jelas menunjukkan perkataan 'tuan punya' atau 'pemandu'. Perkataan tuan punya atau pemandu boleh juga ditakrifkan sebagai pemilik berdaftar ataupun sesiapa yang memandu kenderaan pada masa kesalahan berlaku. Ini adalah persoalan tafsiran dan interpretasi undang-undang. Maka demi kebaikan dan penyelesaian rakyat, persoalan

tafsiran dan interpretasi adalah dirujuk terlebih dahulu oleh pihak polis kepada Jabatan Peguam Negara. Ini adalah untuk mendapatkan jawapan yang tepat ke atas persoalan berkaitan interpretasi dan tafsiran mengikut kehendak undang-undang.

Soalan Yang Berhormat seterusnya adalah mengenai asas undang-undang yang dikenakan oleh polis untuk mengenakan kompaun tambahan sebanyak RM300.00 ke atas pesalah trafik di bawah seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Perkara ini adalah berlandaskan seksyen 115(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan itu sendiri. Di dalam peruntukan seksyen 115(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan jelas menyatakan, jika seseorang pesalah trafik gagal memberikan butir-butir pemandu yang melakukan kesalahan dalam tempoh tujuh hari ia merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan kompaun RM300.00.

Namun demikian kompaun RM300.00 tersebut bukanlah kompaun tambahan tetapi kompaun ke atas satu lagi kesalahan berasingan daripada kesalahan asal ataupun *principle offence*. Hukuman kompaun adalah dikenakan mengikut seksyen 119(3) Akta Pengangkutan Jalan juga di bawah tajuk Kesalahan dan Penalti yang boleh dikenakan kompaun.

Mengenai caj RM2.00 yang telah dikenakan kepada pesalah lalu lintas yang membuat bayaran kompaun di kaunter trafik di pusat membeli belah merupakan caj yang dikenakan oleh Syarikat Telekom Malaysia dan ini adalah caj kos perkhidmatan atas semua perkakas yang dibekalkan oleh syarikat tersebut demi kemudahan orang ramai. Caj RM2.00 tersebut adalah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai caj bagi kos perkhidmatan yang lain.

Walau bagaimanapun, atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri demi kesejahteraan orang ramai, beliau telah pun mengarahkan supaya kutipan tersebut diberhentikan mulai 15 Mei 2002. Jadi, isu berkenaan serta segala isu berkaitan dengan Ops Warta II bolehlah dianggap telah pun selesai, tidak perlu diungkit lagi. Sekian, terima kasih.

Nasib Pesawah Padi Tradisi

5.45 ptg.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, sejak kemerdekaan nasib para pesawah tradisi tidak lebih baik dari Wan Empuk Wan Malini kerana legenda menggambarkan huma mereka menghasilkan padi emas. Manakala dalam era negara lebih menekankan program dan pelaksanaan industrialisasi, para pesawah padi menjadi lebih terpinggir.

Kini nasib mereka yang memilih persawahan sebagai sumber kehidupan mereka tidak keterlaluan jika dikatakan seolah-olah pesalah, *criminal* yang dihantar ke kem pengasingan untuk kerja paksa seumur hayat mereka. Beberapa ketika dahulu iaitu sekitar dua dekad lalu, para pesawah pernah mengadakan demonstrasi di Alor Setar oleh kerana nasib mereka semakin terhimpit oleh pelbagai sebab yang turut diketahui oleh kerajaan. Masalah itu sehingga kini masih belum dapat diatasi secara berkesan dan kini keadaan yang menyedihkan itu berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa sebab atau punca yang telah dikenal pasti adalah oleh kerana wujudnya harga beras yang tidak terkawal akibat pihak BERNAS membawa masuk atau mengimport beras seolah-olah tanpa had. Sedangkan harga padi tidak pernah meningkat sejak dua dekad yang lalu.

Kedua, para pesawah mengalami permainan dan tekanan agensi yang sepatutnya berperanan sebagai penyelamat. Jika sebelum ini mereka menghantar padi yang baru dituai dengan potongan 12 kilogram pada musim menuai yang baru lepas, potongan telah meningkat kepada 18 kilogram bagi setiap satu tan padi yang dijual kepada BERNAS. Kemungkinan besar dalam musim menuai padi yang akan datang, potongan akan meningkat lagi. Ada orang kata BERNAS menindas.

Sehubungan itu kos pengeluaran semakin meningkat, oleh kerana harga racun rumpai yang tidak ada sebarang kawalan dan telah meningkat berlipat kali ganda. Justeru itu, kos efektif bagi penanaman padi di negara ini terutama di Kedah

menjadi suatu kos yang paling tinggi berbanding penanam padi di seluruh Tenggara Asia. Kalau pun tidak dapat dibandingkan dengan kos efektif di seluruh dunia lainnya.

Faktor-faktor lain, keluasan tanah yang tidak bertambah. Tidak ada penggunaan jentera canggih dan teknologi moden yang sesuai berbanding di negara-negara maju di dunia Barat menjadikan pekerja sawah seolah-olah lebih baik sedikit daripada kehidupan komuniti di zaman batu dari segi pengeluaran mereka. Faktor kejayaan R&D yang dibangga-banggakan selama ini, nampaknya setakat ini hanya indah khabar dari rupa, mungkin juga termasuk yang dibuat oleh MARDI.

Sudah tiba masanya bahawa seluruh sistem pengeluaran berkaitan dengan penghasilan padi perlu dikaji semula. Jika perlu, satu jawatankuasa petugas khas mungkin dengan kerjasama pusat-pusat penyelidikan yang berjaya di seluruh dunia patut ditubuhkan bagi membuat kajian dan pengesyoran bagi mengatasi masalah penderitaan para pesawah sekurang-kurangnya untuk seratus tahun ke hadapan termasuk penubuhan institusi dan juga peranan BERNAS yang mengambil alih Lembaga Padi Negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika tindakan itu tidak dapat dilakukan, maka sudah tiba masanya Kementerian Pertanian itu sendiri diserahkan dan diuruskan oleh para pesawah itu sendiri. Mungkin mereka kurang arif ataupun kurang kepakaran tetapi dalam keadaan yang amat menyedihkan sepanjang hayat mereka mungkin tidak menjadi keganjilan dan kekurangan jika mereka diberi peluang mencuba mengatasi nasib mereka sendiri.

Oleh kerana merekalah yang lebih masak dan memahami pelbagai permasalahan dan kerumitan yang mereka hadapi. Mudah-mudahan sebarang perkara yang tidak diinginkan seumpama demonstrasi yang pernah berlaku di masa lalu itu tidak berulang lagi. Lebih-lebih lagi kita telah mendepani *millennium* ketiga yang penuh dengan cabaran itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun, Kedah mengenai nasib penanam-penanam padi yang terpinggir adalah kurang tepat dan keterlaluan.

Kementerian Pertanian melalui agensi di bawah seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, MADA, KADA, Jabatan Pertanian dan lain-lain telah memberikan perkhidmatan yang bersepadu untuk membela nasib petani. Dari segi peningkatan kecekapan pengeluaran kerajaan telah pun mengadakan beberapa langkah seperti penyediaan peningkatan kemudahan infrastruktur, kecekapan pengurusan air, pembekalan benih bermutu dan berhasil tinggi kepada petani untuk meningkatkan mutu padi dan beras negara.

Di samping itu kerajaan juga telah pun memberikan subsidi baja serta subsidi harga padi kepada penanam-penanam padi bertujuan untuk meringankan beban kos pengeluaran yang mereka tanggung di samping membantu dan menyokong pendapatan mereka. Mengenai kemasukan beras yang diimport oleh BERNAS, Kementerian sentiasa mengawal dan memantau jumlah kemasukan beras-beras tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah beras yang diimport ialah sebanyak kira-kira 30% daripada tahap sara diri dan 70% daripada tahap sara diri adalah dikeluarkan oleh petani-petani itu sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, adalah sukar bagi kerajaan untuk menaikkan harga padi sewenang-wenang memandangkan harga beras di negara-negara luar seperti di negara jiran adalah lebih murah.

Sekiranya harga padi kita dinaikkan, saya percaya kegiatan penyeludupan akan semakin berleluasa dan ini akan mendatangkan masalah pula kepada petani-petani, memandangkan beras tempatan sukar dipasarkan. Dari segi potongan padi basah, BERNAS telah membuat potongan berdasarkan kepada kualiti padi berkenaan

dengan mengambil kira wap basah, kekotoran, benda asing dan lain-lain yang mempengaruhi mutu padi tersebut.

Mengenai harga racun rumpai pula, adalah amat sukar bagi kerajaan untuk mengawalnya memandangkan bahan tersebut diimport dari luar negara dan faktor pertukaran wang asing adalah di luar kawalan kerajaan. Kerajaan amat sedar bahawa terdapatnya beberapa masalah sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh para petani. Umpamanya saiz tanah yang kecil dan pengeluaran hasil yang rendah. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan telah memperkenalkan projek pertanian secara berkelompok dan estet padi.

Di samping itu kementerian juga telah mengusahakan projek pengeluaran padi 10 tan se hektar bagi meningkatkan pengeluaran seterusnya daya saing pengeluaran padi di negara ini. Kementerian dari masa ke semasa sentiasa memantau dan memikirkan cara-cara yang bersesuaian untuk membantu petani bagi meningkatkan daya pengeluaran mereka supaya boleh bersaing dengan pengeluar-pengeluar dari negara-negara lain.

Dengan beberapa usaha yang gigih diperkenalkan oleh kerajaan sehingga kini, adalah diharapkan industri padi negara ini akan terus dapat menyumbang ke arah pertumbuhan pengeluaran makanan negara serta dalam masa yang sama akan dapat membela nasib petani. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang dan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.58 petang.